

**MASALAH SEBUTAN BUNYI VOKAL BAHASA ARAB DALAM KALANGAN
PELAJAR MELAYU DI IPTA**

NUR AFIFAH BINTI MOHD. AMINUDDIN ZAKI

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2012

**MASALAH SEBUTAN BUNYI VOKAL BAHASA ARAB DALAM
KALANGAN PELAJAR MELAYU DI IPTA**

NUR AFIFAH BINTI MOHD. AMINUDDIN ZAKI

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2012

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: NUR AFIFAH BINTI MOHD AMINUDDIN ZAKI (No. K.P:811203-02-5638)

No. Pendaftaran/Matrik: TGA060002

Nama Ijazah: SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/**Disertasi**/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Masalah Sebutan Bunyi Vokal Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Melayu Di IPTA

Bidang Penyelidikan: LINGUISTIK TERAPAN

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 2012

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh 2012

Nama: Dr. Haji Mohammad Seman

Jawatan: Pensyarah

ABSTRAK

Dalam bidang fonetik dan fonologi bahasa Arab terdapat pelbagai kajian telah dijalankan secara meluas. Walaubagaimanapun, kajian-kajian yang telah dijalankan banyak tertumpu kepada konsonan BA berbanding vokal. Justeru disertasi ini mengambil peluang untuk mengkaji penggunaan vokal BA dalam kalangan pelajar.

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti masalah kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar IPTA. Metodologi kajian adalah lebih bersifat lapangan di mana data dan sampel kajian dikumpul dari sejumlah responden yang terpilih. Kaedah pengumpulan data bagi kajian ini ialah kaedah analisis kandungan, kaedah tinjauan dan kaedah pemerhatian. Data yang diperolehi pula dianalisis melalui *Microsoft Excell* dan *Statistical Package for Social Science (SPSS)*.

Dapatan kajian menunjukkan pelajar menghadapi masalah sebutan vokal BA. Antara kesilapan yang dilakukan pelajar termasuklah menukar kedudukan vokal sama ada vokal panjang mahupun vokal pendek, memanjangkan vokal pendek, memendekkan vokal panjang, menggugurkan dan menggantikan vokal dan sebagainya. Kesilapan tersebut berlaku dalam golongan kata nama dan golongan kata kerja di mana golongan kata nama lebih kerap berlaku kesilapan sebutan vokal. Penggunaan vokal yang salah juga berlaku dalam semua jenis bilangan suku kata BA sama ada perkataan yang mempunyai dua suku kata sehinggalah kepada perkataan yang mempunyai 6 suku kata. Hasil kajian menunjukkan perkataan yang mempunyai 3 suku kata lebih kerap berlaku kesilapan sebutan vokal

ABSTRACT

Numerous studies have been extensively conducted in the field of Arabic phonetics and phonology, producing diverse results. Most of the studies had focused more on Arabic consonants instead of the vocals. Therefore, this dissertation will look into the usage of Arabic vocals among students of this language at a public institution of higher learning.

This study will identify errors in Arabic vocal sounds produced by students of this language at the tertiary level. The methodology employed is inclined towards field study where data gathered are from a number of carefully selected respondents. Content analysis and observation form the method of data processing. Additionally, the data will be analysed using the *Microsoft Excel* and the *Statistical Package for Social Science (SPSS)* software.

Findings confirmed that students indeed have problems with articulation and enunciation of Arabic vocal sounds. Problems are detected in the production of long or short sounds, as well as in the elongated or brief sounds as well as in dropping or substituting these vocals. These errors occur in the use of nouns and verbs where a higher occurrence was detected in the production of nouns. Wrong usage of vocals also occurred in all types of Arabic syllables ranging from the two- to six-syllable words. Ultimately, the results pointed to a high occurrence of errors in three-syllable words.

PENGHARGAAN

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا حَامِدِينَ، حَمْدًا شَاكِرِينَ، حَمْدًا يُوافِي نِعْمَةً وَيُكَافِي مَزِيدَهِ يَا رَبَّنَا
لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبُغِي لِحَلَالٍ وَجْهُكَ الْكَرِيمُ وَعَظِيمُ سُلْطَانِكَ. وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ
الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى ءَالِهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

.....
أَمّا بَعْدُ

Segala puji bagi Allah Tuhan yang menciptakan sekelian alam, yang menjadikan manusia sebaik-baik kejadian, yang menciptakan pengudaraan untuk penghidupan. Sujud syukur tanda terima kasih atas kurniaanMu yang memberikan izin pada setiap genap dan ruang agar penyelidikan ini akhirnya berjaya tiba di hujungnya. TanpaMu Tuhan, aku pasti tidak berdaya. Selawat dan salam buat Kekasih Allah yang paling baik dalam kalangan kejadian makhlukNya, Nabi Muhammad SAW dan juga kaum keluarga Baginda dan para sahabat dan pengikut Baginda yang dikasihi.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Prof. Dr. Zuraidah Mohd Don dan Timbalan Dekan Ijazah Tinggi, Dr. Jawakhir Mior Jaafar yang telah menyediakan peluang yang amat berharga kepada pengkaji dalam memenuhi sebuah perjalanan akademik yang sangat tinggi nilainya dan sangat jerih perjuangannya.

Sekalung jutaan terima kasih yang tidak bersempadan buat penyelia Dr. Haji Mohammad bin Seman yang tidak pernah jemu membimbing dan mengatur panduan yang terbaik serta tunjuk ajar yang tiada tolok tandingannya dalam

menyediakan disertasi ini. Segala idea dan ilham yang dikongsikan bersama menjadikan disertasi ini lahir secara sempurna.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik terutamanya pensyarah Jabatan Bahasa Arab yang sentiasa menghulur bantuan akademik yang turut membantu penyediaan disertasi.

Penghargaan buat seluruh warga UiTM terutamanya unit bahasa Arab yang banyak memberi bantuan dan sokongan dalam penyediaan disertasi ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Prof. Madya Zaharani Ahmad yang telah menyampaikan maklumat dan berkongsi informasi berguna terhadap kajian yang dijalankan.

Kepada yang terlibat dalam kajian ini, sama ada secara langsung atau tidak, jasa kalian sangat dihargai, moga Allah SWT merahmati anda semua.

Doa dan harapan moga kajian ini mampu sama-sama memberi manfaat kepada pengkaji dan semua Muslim dan pencinta bahasa Arab. Moga disertasi ini sedikit sebanyak membantu memartabatkan nilai bahasa Arab ke persada yang lebih tinggi.

DEDIKASI

Imamku ,(Mohd Shair Bin Pajuri)

Kesabaranmu menjadikan aku tidak berputus asa

Kebaikanmu melembutkan hatiku supaya tabah

Ketegasanmu membina motivasi diriku

Pengorbananmu membentuk aku agar terus berjuang

Didikanmu melahirkan rasa amanah seorang khalifah

Semoga Allah menyayangiMu dunia dan akhirat.

Bidadari kecilku,

Kalian teman sepanjang perjuangan ini

Dari alam rahim hingga bahasa kalian terbina

Dari kosongnya lembaran putih ini

Sehinggalah ribuan fonem tertera

Kalianlah yang setia meneman

Moga solehahlah kalian selamanya

Buat mama dan abah,

(Mohd. Aminuddin Zaki & Fatimah A 'bedah Haji Ismail)

Doa kalianlah menjadikan diri ini berdiri

Redha kalianlah melancarkan perjuangan ini

Restu kalian jualah meluruskan segala cabaran

Terima kasih yang tidak terhingga

Buat rakan serahimku,

(Nyah, Dan, Nurul, Ti, Cik, Wan & Syauqi)

Kalian perlu berjuang

Jangan mudah putus asa

Berjuang ini sangat susah

Tapi tiada gula seperti manisnya nikmat berjuang.

ISI KANDUNGAN

Perakuan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan	vi
Dedikasi	vii
Isi Kandungan	viii
Jadual Panduan Transliterasi	viii
Senarai Kependekan	viii
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	viii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	12
1.7 Batasan Kajian	16
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Penguasaan	18
1.8.2 Vokal	18
1.8.3 Bahasa Arab	18
1.8.4 Mahkraj huruf	18

1.9	Rangka Kajian	19
1.10	Penutup	20

BAB 2 LANDASAN TEORI

2.1	Pendahuluan	21
2.2	Bunyi Sebagai Asal Usul Bahasa	21
2.3	Fonetik	23
2.4	Fonologi	26
2.5	Vokal	29
2.5.1	Kepentingan Vokal Dalam Bahasa	31
2.5.2	Vokal Bahasa Arab dan Fungsinya	33
2.5.2.1	Fungsi Vokal BA	37
2.5.3	Vokal Bahasa Melayu	39
2.5.3.1	Vokal Bahasa Melayu Dalam TR	40
2.5.3.2	Fungsi Vokal Bahasa Melayu Bagi TR	43
2.5.3.3	Tulisan Jawi	45
2.5.3.4	Huruf Saksi Jawi	46
2.6	Perbezaan dan Persamaan Vokal BM dan BA	48
2.7	Sebutan dalam Kemahiran Bertutur	50
2.8	Sorotan Kajian Yang Lepas	53
2.9	Penutup	56

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	58
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	58
3.2.1	Kaedah Analisis Kandungan	59
3.2.2	Kaedah Tinjauan	59
3.2.3	Kaedah Pemerhatian	59

3.3	Pensampelan	60
3.3.1	Pelajar BA UiTM	61
3.3.2	Pensyarah BA UiTM	64
3.4	Instrumentasi	64
3.4.1	VCD	64
3.4.2	Borang Soal Selidik Pelajar	69
3.4.2.1	Bahagian A- Maklumat Peribadi Pelajar	69
3.4.2.2	Bahagian B- Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	70
3.4.2.2.1	Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	70
3.4.2.2.2	Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	70
3.4.2.2.3	Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA	
3.4.2.3	Bahagian C - Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA	71
3.4.3	Borang Soal Selidik Pensyarah	71
3.4.3.1	Bahagian A – Maklumat Peribadi Pensyarah	71
3.4.3.2	Bahagian B – Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	72
3.4.3.2.1	Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	72
3.4.3.2.2	Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	72
3.4.3.2.3	Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA	72
3.4.3.3	Bahagian C- Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA	73
3.4.4	Buku Teks BA	73
3.4.5	Pemerhatian	73
3.4.6	Skala Likert	74

3.5	Kaedah Analisis Data	74
3.5.1	Analisis Data VCD	74
3.5.2	Analisis Data Borang Soal Selidik Pelajar	75
3.5.3	Analisis Data Borang Soal Selidik Pensyarah	75
3.6	Penutup	76
BAB 4 ANALISIS KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	77
4.2	Analisis VCD	77
4.2.1	Analisis Data Berdasarkan Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal	78
4.2.1.1	Penambahan Bunyi Vokal	79
4.2.1.2	Pengguguran Bunyi Vokal	82
4.2.1.3	Penggantian Bunyi Vokal	83
4.2.1.4	Pengguguran dan Penggantian Bunyi Vokal	85
4.2.1.5	Pertukaran Bunyi Vokal	85
4.2.2	Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Jenis Golongan Kata	85
4.2.3	Kesilapan Sebutan Vokal Berdasarkan Bilangan Suku Kata	87
4.3	Analisis Borang Soal Selidik Pelajar	89
4.3.1	Analisis Maklumat Peribadi Responden	89
4.3.2	Analisis Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	90
4.3.2.1	Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	90
4.3.2.1.1	Memahami Konsep dan Ciri Vokal BA	90
4.3.2.1.2	Mengetahui Pembahagian Vokal BA	92
4.3.2.1.3	Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Dari Sudut Pengajaran Vokal BA	93
4.3.2.2	Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	96

4.3.2.3	Analisis Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	97
4.3.3	Analisis Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	98
4.3.3.1	Faktor Dalaman Diri Pelajar	99
4.3.3.2	Faktor Berkaitan Ciri BA	101
4.3.3.3	Analisis Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dari Faktor Dalaman Diri Pelajar dan Ciri BA	104
4.4	Analisis Borang Soal Selidik Pensyarah	106
4.4.1	Analisis Maklumat Peribadi Responden	107
4.4.2	Analisis Masalah Sebutan Bunyi Vokal	108
4.4.2.1	Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	108
4.4.2.2	Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	111
4.4.2.3	Analisis Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	112
4.4.3	Analisis Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	114
4.4.3.1	Faktor Dalaman Diri Pelajar	115
4.4.3.2	Faktor Ciri BA	117
4.5	Penutup	120

BAB 5 DAPATAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1	Pendahuluan	121
5.2	Dapatan Kajian	121
5.3	Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Konsep dan Ciri Vokal BA	121
5.3.1	Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	123
5.4	Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	124

5.5	Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar	126
5.5.1	Masalah Dalaman Pelajar	126
5.5.1.1	Pengaruh Bahasa Ibunda	127
5.5.2	Masalah Ciri Bahasa Arab	129
5.6	Cadangan	132
5.6.1	Cadangan Kepada Pelajar	133
5.6.2	Cadangan Kepada Tenaga Pengajar	134
5.6.3	Cadangan Kepada Guru al-Quran dan Tajwid	135
5.6.4	Cadangan Kepada Unit BA UiTM	135
5.6.5	Cadangan Kepada Universiti Teknologi MARA	136
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	137
5.8	Kesimpulan Dan Penutup	137
	BIBLIOGRAFI	141
LAMPIRAN A	Surat Kelulusan Tajuk Penyelidikan	146
LAMPIRAN B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	147
LAMPIRAN C	Borang Soal Selidik Pelajar	148
LAMPIRAN D	Borang soal Selidik Pensyarah	155
LAMPIRAN E	Skrip Projek VCD Pelajar	163
LAMPIRAN F	Analisis SPSS Borang Soal Selidik Pelajar	167
LAMPIRAN G	Analisis SPSS Borang Soal Selidik Pensyarah	176

Jadual Panduan Transliterasi
(Mengikut Sistem Transliterai Dewan Bahasa dan Pustaka)*

1- Konsonan Bahasa Arab

Huruf Arab	Transliterasi ke Huruf Rumi
ا	-
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘

غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه/هـ	h
ـ	,
ي	y
ة	t

2- Vokal Bahasa Arab

i. Vokal Pendek

Vokal Pendek BA (Tanda Baris)	Transliterasi ke Rumi
ـ	/a/
ـ	/i/
ـ	/u/

ii. Vokal Panjang

Vokal panjang BA	Transliterasi ke Rumi
ا -	/ā/
ي -	/ī/
و -	/ū/

Bahasa Arab hanya mempunyai enam vokal iaitu tiga vokal pendek dan tiga vokal panjang seperti di atas.

3- Diftong

Diftong BA (Tanda Baris)	Transliterasi ke Rumi
أي	/ay/
أو	/aw/

(Dewan Bahasa & Pustaka,1992:1-3)

SENARAI KEPENDEKAN

Bil	Kependekan	Perkataan
1.	BA	Bahasa Arab
2.	BAK	Bahasa Arab Komunikasi
3.	BI	Bahasa Inggeris
4.	BM	Bahasa Melayu
5.	BMD	Bahasa Mandarin
6.	B3	Bahasa Ketiga
7.	IT	Information Technology
8.	KN	Kata Nama
9.	KK	Kata Kerja
10.	P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran
11.	SPSS	Statistic Package Social Science
12.	TJ	Tulisan Jawi
13.	TR	Tulisan Rumi
14.	UiTM	Universiti Teknologi MARA
15.	VCD	Video Compact Disk

KANDUNGAN RAJAH

No Rajah	Tajuk Rajah	Halaman
Rajah 2.1	Alat Artikulasi	25
Rajah 2.2	Vokal Kardinal	30
Rajah 2.3	Vokal Bahasa Arab	37
Rajah 2.4	Vokal Bahasa Melayu	40
Rajah 2.5	Bentuk Bibir Vokal Bahasa Melayu	43
Rajah 3.1	Ringkasan Kaedah Pengumpulan Data	60
Rajah 3.2	Carta Gerak Kerja Penyediaan Projek Vcd	67
Rajah 3.3	Carta Proses Menganalisis Data VCD	69
Rajah 3.4	Ringkasan Kaedah Analisis Data	76
Rajah 4.1	Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA	78
Rajah 4.2	Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Golongan Kata	87
Rajah 4.3	Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Bilangan Suku Kata	88
Rajah 4.4	Pandangan Pelajar Terhadap Tahap Penguasaan Vokal BA	91
Rajah 4.5	Pandangan Pelajar Terhadap Pengetahuan Kategori Vokal BA	93
Rajah 4.6	Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Dari Sudut Pengajaran Vokal BA	94
Rajah 4.7	Taburan Pelajar Menghadapi Masalah Sebutan Bunyi Vokal	96
Rajah 4.8	Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Faktor Dalaman Pelajar	99
Rajah 4.9	Punca Kesilap Sebutan Bunyi Vokal BA Berdasarkan Faktor Ciri Bahasa	102
Rajah 4.10	Persepsi Pensyarah Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Vokal BA	109
Rajah 4.11	Persepsi Pensyarah Terhadap Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA	112

Rajah 4.12	Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Faktor Dalaman Pelajar	115
Rajah 4.13	Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Berdasarkan Faktor Ciri BA	117

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Tajuk Jadual	Halaman
Jadual 1.1	Contoh Kesilapan Penggunaan Vokal BA Dalam Kemahiran Menyebut	10
Jadual 2.1	Keselarasan Vokal dalam BM	44
Jadual 3.1	Jadual Jantina Pelajar	62
Jadual 3.2	Jadual Usia Pelajar	62
Jadual 3.3	Jadual Latarbelakang Pendidikan BA	63
Jadual 3.4	Jadual Tempoh Mempelajari BA Di Peringkat Sekolah	63
Jadual 4.1	Jadual Kesilapan Penambahan Bunyi Vokal	79
Jadual 4.2	Kesilapan Penambahan Bunyi Vokal / و / Dan / ی /	81
Jadual 4.3	Kesilapan Pengguguran Bunyi Vokal	82
Jadual 4.4	Kesilapan Penggantian Bunyi Vokal	83
Jadual 4.5	Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Golongan Kata	86
Jadual 4.6	Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Bilangan Suku Kata	87
Jadual 4.7	Taburan Maklumat Peribadi Responden	89
Jadual 4.8	Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Tahap Penguasaan Vokal BA	90
Jadual 4.9	Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Pengetahuan Kategori Vokal BA	92
Jadual 4.10	Persepsi Pelajar Terhadap Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal	98
Jadual 4.11	Persepsi Pelajar Terhadap Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dari Faktor Dalaman Pelajar Dan Ciri BA	105
Jadual 4.12	Taburan Maklumat Peribadi Responden	107
Jadual 4.13	Persepsi Pensyarah Terhadap Pengajaran Dan Pembelajaran Vokal BA	111

Jadual 4.14	Persepsi Pensyarah Terhadap Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal	113
Jadual 4.15	Persepsi Pensyarah Terhadap Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Di Kalangan Pelajar	119

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini membincangkan masalah sebutan bunyi vokal bahasa Arab (seterusnya disebut BA) dalam kalangan pelajar. Dalam bidang fonetik dan fonologi, vokal merupakan satu bahagian yang kecil jika dibandingkan dengan konsonan. Namun begitu, vokal dalam BA mempunyai peranan dan fungsi yang sangat penting. Pengabaian yang berlaku terhadap bunyi vokal boleh memberi implikasi terhadap makna, golongan kata, struktur ayat, tatabahasa dan sebagainya. Kesilapan sebutan bunyi vokal juga boleh menjelaskan kesucian dan kemurnian BA itu sendiri. Hal ini kerana setiap sebutan di dalam BA merupakan sebuah identiti yang jelas dan difahami dari setiap sudut linguistiknya. Kepentingan sebutan bunyi vokal dan konsonan yang betul juga merupakan satu tuntutan besar kepada semua orang Islam ketika membaca al-Qurān dan al-Hadīth. Kesilapan dalam mengeluarkan sebutan dari al-Quran dan Hadith boleh menjadi satu kesalahan besar bagi proses pemindahan ilmu kepada masyarakat.

Sebutan bunyi vokal mahupun konsonan bukanlah menjadi satu masalah kepada penutur natif BA. Mereka tidak mengalami masalah ini kerana ia menjadi satu kebiasaan kepada mereka. Mereka juga mempunyai kemampuan dalam mengenalpasti penggunaan kosa kata yang betul dan selari dengan sebutan yang tepat. Hal yang sebaliknya tidak berlaku dalam kalangan bukan penutur natif terutamanya para pelajar. Kekurangan pengetahuan terhadap fungsi dan peranan vokal mahupun konsonan menyebabkan kesilapan sebutan boleh berlaku pada mana-mana perkataan sekaligus turut memberi implikasi kepada aspek linguistik yang berkaitan.

Tidak dinafikan bahawa penggunaan konsonan yang betul merupakan satu perkara penting iaitu sama pentingnya dengan penggunaan vokal yang betul. Walau bagaimana pun, setiap konsonan hanya akan menghasilkan bunyi apabila ianya bergabung dengan bunyi vokal. Jika tidak, konsonan tidak akan menghasilkan variasi bunyi mengikut pembinaan kosa kata yang diperlukan. Sesuatu kata pada asasnya terbentuk daripada konsonan (Bloomfield, 1992:279), namun dari segi praktiknya ia memerlukan vokal untuk diujarkan.

Sistem penulisan dan penetapan *harakat* dalam BA dimulakan oleh Ab Aswad al-Du'al yy. Beliau mengambil keputusan untuk membina tanda vokal (baris) ketika mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat al-Quran dengan sebutan yang salah. Beliau menggunakan tanda titik bagi melambangkan bunyi *fatḥat*, *dammat* dan *kasrat*. Legasi ini diteruskan pada zaman al-Khalīl bin Alḥmad al-Farīdyy dengan menukar sistem titik kepada sistem baris. Ini kerana al-Khalīl merasakan bahawa sistem titik yang digunakan kadangkala membawa kekeliruan dengan sistem titik yang diletakkan pada huruf-huruf Arab (Abu Abdullah al-Zanjani, 1935: 65-66). Rakaman sejarah ini menunjukkan betapa peranan dan fungsi vokal amat penting berbanding konsonan. Perhatian yang mendalam terhadap sebutan vokal yang betul mesti dipatuhi bagi menentukan pembinaan sesebuah kosa kata berlaku secara tepat.

Hal yang demikian menunjukkan bahawa peranan dan fungsi vokal BA sangat penting kerana kesilapan dalam mempraktikan vokal BA secara sengaja atau sebaliknya, akan memberi implikasi kepada sebutan perkataan yang ingin disampaikan beserta maknanya juga.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan BA di Malaysia kini merupakan satu kesinambungan terhadap dasar kepercayaan beragama, pendidikan, hubungan sosial, perniagaan dan perdagangan dan sebagainya. Pendedahan BA yang mula bertapak pada peringkat pengajian rendah sehingga ke peringkat tinggi menunjukkan kesungguhan Kementerian Pelajaran Malaysia agar ianya menjadi antara mata pelajaran utama dalam sistem pendidikan di Malaysia. Langkah tersebut juga sekaligus turut mendaulatkan keutamaan BA sebagai bahasa rasmi agama Islam.

Di Universiti Teknologi MARA, BA merupakan salah satu kursus yang ditawarkan kepada semua pelajar peringkat Ijazah sebagai satu syarat wajib untuk memperoleh Ijazah. Manakala bagi peringkat Diploma pula penawarannya bergantung kepada pemilihan BA, bahasa Mandarin mahupun bahasa Perancis oleh sesebuah fakulti kepada para pelajarnya. Namun BA masih menjadi bahasa ketiga (seterusnya disebut B3) yang terbesar diambil oleh para pelajar bagi sesebuah fakulti untuk 2 semester pengajian. Faedahnya jelas memberikan kelebihan kepada mereka sebagai graduan yang mempunyai nilai tambah dan merupakan satu keistimewaan berganda kepada pelajar UiTM berbanding graduan-graduan dari universiti lain.

Pembelajaran BA peringkat ijazah dan diploma di UiTM berteraskan modul komunikasi. Ianya memberikan fokus kepada keempat-empat aspek kemahiran yang utama dalam mempelajari bahasa iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis dan bertutur.

Kesemua kemahiran tersebut diaplikasikan secara integrasi atau pakej sepanjang pengajian selama tiga semester berturut-turut. Pelajar yang memilih kursus ini diwajibkan mengikuti kelas selama 2 jam seminggu dengan tempoh 28 jam bagi satu

semester. Pelajar juga akan menduduki kursus ini secara berperingkat mengikut tahap pembelajaran yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Tahap I (BAB401)
- ii. Tahap II (BAB451)
- iii. Tahap III(BAB501)

Pelajar tidak dibenarkan melangkau tahap dan mesti mengikutnya secara turutan. Pembelajaran BA ini memfokuskan kepada asas komunikasi BA mengikut tahap pembelajaran yang diduduki. Pada setiap peringkat para pelajar akan didedahkan cara berkomunikasi secara asas dan mudah mengikut tahap pembelajaran. Pelajar juga akan dilatih membaca teks mudah, mendengar, menulis ayat-ayat mudah dan ringkas, mempelajari budaya Arab, etika dan cara bersosial masyarakat Arab melalui dialog dan teks bacaan serta membudayakan BA dalam sesi pembelajaran di dalam kelas.

Pelajar mempunyai 14 kali pertemuan dengan pensyarah iaitu sebanyak 2 jam seminggu. Pelajar juga disediakan buku teks sebagai panduan kepada kursus yang diduduki. Buku teks tersebut merupakan panduan yang terangkum di dalamnya silabus yang ditetapkan bagi setiap tahap. Kandungan teras buku teks Bahasa Arab Komunikasi (seterusnya disebut BAK) adalah berdasarkan situasi. Sebagai contoh pada tahap I kandungan buku teks lebih menjurus kepada suasana dalam universiti seperti situasi perkenalan, dalam kelas dan sebagainya. Pada tahap II pula lebih memfokuskan kepada situasi aktiviti harian dan luar kampus seperti *hobi, sukan, membeli belah, suasana di kampung dan bandar* dan lain- lain. Bagi tahap III pula kandungannya lebih kepada situasi di pameran kerjaya, pelancongan, urusan perbankan dan sebagainya.

Kepentingan kemahiran bertutur merangkumi cara mempraktikkan sebutan yang betul dan tepat bunyinya. Justeru, dalam proses pembelajaran BA di UiTM, menyebut


perkataan yang betul dari segi bunyi, makhraj dan sebagainya dipandu secara langsung melalui bacaan dialog atau petikan pendek. Pelajar juga diperkenalkan dengan perkataan-perkataan baru melalui cara sebutan yang betul sebelum memberi makna pada perkataan tersebut. Bahkan pelajar juga diberi peluang untuk berlatih menyebut sebutan yang betul bersama tenaga pengajar dan rakan kelas sebelum menggunakannya dalam pelbagai kemahiran bahasa.

Selari dengan pembangunan sistem pembelajaran masa kini, pelajar dibimbing untuk memahami pembelajaran berdasarkan *blended learning*. Modul ini menjadikan pelajar terdedah dengan sistem pembelajaran berteraskan *e-learning* iaitu pembelajaran melalui alam maya atau talian. Aplikasi pembelajaran berteraskan alam maya ini iaitu aplikasi *i-learn* diwujudkan bagi memudahkan proses interaksi secara dua hala antara pelajar dengan tenaga pengajar. Pelajar bebas mempraktikkan kemahiran BA melalui *i-learn* secara individu atau berkumpulan dan ianya akan dipantau dan diberi perhatian secara khusus oleh tenaga pengajar. Kedua-dua pihak ini akan saling berinteraksi melalui *i learn* termasuklah tenaga pengajar menyediakan nota, kuiz, panduan dan sebagainya sebagai salah satu proses pembelajaran BAK di UiTM. Pelajar pula dikehendaki memberi tindak balas kepada setiap tugasan yang disediakan oleh tenaga pengajar melalui *i learn* tersebut.

Penilaian terhadap pelajar berteraskan *Outcome Based education (OBE)* merupakan satu kurikulum pendidikan yang baru dan berkualiti. Selaras dengan sistem *OBE*, ujian bagi BA di UiTM dijalankan secara berterusan bagi menilai tahap pembelajaran bahasa menerusi keempat kemahiran yang diterapkan. Walau bagaimanapun, kemahiran bertutur dan menulis merupakan fokus asas kepada pembelajaran dan penilaian bagi kursus BA. Justeru, tahap penguasaan pelajar akan dinilai peringkat demi peringkat

dan pelajar tidak menduduki peperiksaan akhir. Tujuan penilaian berterusan ini juga dilaksanakan bagi membantu tenaga pengajar mengenal pasti tahap penguasaan pelajar terhadap apa yang dipelajari dari masa ke semasa sepanjang semester pengajian. Di samping itu juga, tenaga pengajar juga dapat membantu pelajar yang lemah secara berterusan melalui penilaian ini. Berikut merupakan ujian penilaian BA untuk menilai tahap penguasaan BA dalam kalangan pelajar.

Berikut merupakan senarai ujian yang dijalankan di UiTM bagi menilai tahap penguasaan BA di kalangan pelajar.*



Sumber dari *Course Syllabus BAB401/BAB45/BAB501, 2012*.

Kesemua ujian di atas dijalankan bagi menguji semua kemahiran bahasa. Ujian mendengar dilaksanakan bagi menguji kemahiran mendengar manakala kemahiran membaca dinilai melalui ujian lisan individu yang terbahagi kepada dua iaitu ujian lisan individu dan ujian bacaan. Bagi kemahiran menulis, pelajar perlu menduduki ujian menulis yang dijalankan dalam aktiviti bahasa. Di samping itu juga, dalam aktiviti bahasa, pelajar dinilai tahap penguasaan isi kandungan pembelajaran secara berperingkat melalui latihan yang dilaksanakan menerusi *i-learn*. Projek bahasa

merupakan ujian yang menilai tahap komunikasi pelajar secara berkumpulan melalui projek rakaman VCD oleh pelajar.

1.3 Pernyataan Masalah

BA merupakan bahasa klasik yang masih segar dengan unsur-unsur irama dan lagu. Hal ini menguatkan lagi bahawa peranan vokal BA dalam memberi irama dan intonasi yang tepat selari dengan maksud dan maknanya adalah penting.

Penggunaan vokal BA tidak terbatas dalam penggunaan komunikasi sahaja bahkan dalam hukum ilmu Tajwid, vokal BA merupakan satu elemen dan unsur yang sangat penting bagi menentukan sistem bacaan yang baik dan betul. Dari sudut morfologi dan sintaksis, pengabaian terhadap vokal BA mengakibatkan implikasi yang besar dari segi makna perkataan, maksud sesebuah ayat, golongan kata dan sistem tatabahasa. Menurut Muhyi al-Dīn Ramadān (1979:211), peranan vokal pada perkataan merupakan satu aspek yang penting dalam menentukan pembinaan kata BA. Vokal menentukan golongan kata samada perkataan tersebut dalam golongan kata tunggal (*mufrad*), duaan (*muthannā*), jama', penentuan konjugasi (*tasrīf al-af āl*), derivasi (*al-ishtiqāq*), diminutif (*at-taṣghīr*), (*ilḥāq*) dan sebagainya.

Melihat kepada peranan vokal BA terhadap beberapa faktor linguistik BA seperti yang dinyatakan di atas, kesilapan sebutan bunyi vokal yang berterusan, dibimbangi akan mengakibatkan banyak bidang ilmu yang terjejas kesempurnaannya. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1993:192) sebutan ialah cara membunyikan sesuatu perkataan. Abdul Aziz Abdul Talib juga menyebut jika seseorang itu bukan penutur jati sesuatu bahasa, dia akan dapati sistem sebutan dan intonasi itu adalah satu aspek yang lebih

sukar dikuasai jika dibandingkan dengan aspek bahasa yang lain seperti perbendaharaan kata dan tatabahasa paling susah untuk dikuasai dalam mempelajari bahasa kedua.

Rosni Samah (2009:59) menyebut bahawa kesilapan menyebut *huruf mati* (sukun) dan *huruf sambung* (vokal berbaris) akan membawa kepada kesilapan sebutan perkataan. Seterusnya membawa kepada kesilapan makna yang hendak diungkapkan.

Berdasarkan kajian-kajian yang dijalankan berkaitan proses pembelajaran BA, didapati pelajar melakukan kesilapan dalam pelbagai jenis kemahiran bahasa yang dipelajari termasuklah dalam kemahiran membaca, menulis, menyebut, mengeja dan mendengar.

Nur Afifah dan rakan-rakan (2009) telah menjalankan kajian terhadap *Masalah Sebutan Vokal Bahasa Arab di Kalangan Pelajar UiTM* mendapati bahawa sebutan bunyi vokal berlaku pada kemahiran membaca. Pelajar melakukan pelbagai jenis kesilapan dalam kemahiran membaca seperti memanangkan vokal pendek, mengabaikan vokal panjang dan menukar kedudukan bunyi vokal.

Mohd. Nasir Mohamed Hasbullah (2001) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Kesilapan Sebutan Bahasa Al-Quran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah* mendapati kesilapan sebutan berlaku dalam kalangan pelajar ketika membaca al-Quran. Kesilapan sebutan huruf mad iaitu vokal panjang merupakan kesilapan yang kerap berlaku berbanding kesilapan-kesilapan lain. Antara kesilapan lain yang menunjukkan pelajar mengalami masalah penguasaan vokal BA ialah kesilapan bertukar baris dan kesilapan menambah serta membuang huruf.

Kesilapan terhadap sistem bunyi vokal turut berlaku dalam kemahiran mengeja. Kesilapan ini biasanya berlaku dalam kemahiran *imlak* iaitu satu teknik menguji ejaan. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1993:55) teknik imlak ialah satu teknik menguji

ujian iaitu guru membacakan (menyebut) secara lisan setiap perkataan (item ujian) yang hendak diuji satu persatu menurut gilirannya. Menurut beliau lagi, setiap item ujian akan disebutkan dengan kuat dan jelas dan murid diberikan masa yang cukup bagi menulis ejaannya di dalam buku atau kertas yang disediakan bagi tujuan tersebut. Rosni Samah (2009:110) menyebut bahawa pelajar yang tidak mampu membaca dan menyebut dengan baik sudah tentu tidak dapat menulis perkataan dengan baik. Hal ini menunjukkan hubungkait yang kuat antara kemahiran menyebut dan kemahiran *imlak*.

Dari pemerhatian yang dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA, antara kesilapan yang dilakukan dalam kemahiran menyebut bunyi vokal ialah pengguguran bunyi vokal panjang. Sebagai contoh seperti perkataan *(i at)* bermaksud *kesihatan saya* telah mengalami pengguguran vokal panjang /ي/ pada suku kata terakhir menjadi *صحت* (i ati) bermaksud *kesihatan*. Kesilapan sebutan vokal ini telah memberi kesan yang sangat besar pada makna perkataan asal tersebut. Pengguguran ini secara tidak langsung boleh menyebabkan berlakunya kepada kekeliruan ayat yang ingin disampaikan dan menyebabkan penutur tidak mencapai matlamat sistem komunikasi.

Pada perkataan “جامعة” (j mi at) pula yang bermaksud *universiti* telah disebut dengan “جامعة” (jami at). Pengguguran vokal /i/ telah berlaku pada suku kata pertama. Vokal panjang tersebut sepatutnya bergabung dengan konsonan /ج/ dan menghasilkan bunyi /j/ namun telah disebut dengan bunyi /ja/. Dalam situasi ini, pengguguran vokal tersebut tidak melibatkan perubahan makna dan masih boleh difahami bagi bahasa Arab standard. Namun, kesilapan ini telah menjaskan kesucian BA secara dasarnya.

Antara contoh lain bagi kesilapan sebutan yang berlaku dalam kalangan pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 1.1

Contoh Kesilapan Penggunaan Vokal BA Dalam Kemahiran Menyebut

Bil	Sebutan Pelajar	Sebutan Yang Betul	Huraian
1.	جَمْلَة	جَمِيلَة	Berlaku pengguran vokal /ي/ selepas konsonan /م/.
2.	جَمِيْ لَاه	جَمِيلَة	Berlaku penambahan vokal /ا/ selepas konsonan /ل/.
3.	كُولِيه	كُلِيه	Berlaku penambahan vokal /و/ selepas konsonan /ك/.
4.	كَبِيرَه	كَبِيرَه	Berlaku pengguran vokal /ي/ selepas konsonan /ك/
5.	هُونَك	هَنَاك	Berlaku pengguran vokal /ا/ selepas konsonan /ه/ dan penambahan vokal /و/ selepas konsonan /ك/.
6.	الطَّالِبَه	الطلَّابَه	Berlaku penambahan vokal /ا/ selepas konsonan /ط/.
7.	المَحَاضِير	المَحَاضِر	Berlaku penambahan vokal /ي/ selepas konsonan /ض/.
8.	مَكَارُونَه	مَكْرُونَه	Berlaku penambahan vokal /ا/ selepas konsonan /ك/.
9.	داورتو	دُورَه	Berlaku penambahan vokal /ا/ dan selepas konsonan /د/, penambahan vokal /و/ selepas konsonan /ة/.
10.	المِيَاه	المِيَاه	Berlaku pengguran vokal /ا/ selepas konsonan /ي/
11.	بَايْت	بَيْت	Berlaku penambahan vokal /ا/ selepas konsonan /ب/.
12.	عَلَيْنَ آن	عَلَيْنَا آن	Berlaku pengguguran vokal /ا/ selepas konsonan /ن/.
13.	الْمَحَاسِبَه	الْمَحَاسِبَه	Berlaku penambahan vokal /ا/ selepas konsonan /س/.
14.	عَبْرَت	عَبَرت	Berlaku penggantian vokal pendek <i>dhommah</i> .
15.	قَلْيَقَه	قَلْقَه	Berlaku penambahan vokal panjang /ي/ pada suku kata kedua.

Dalam kemahiran menyebut, kesilapan sebutan bunyi merupakan satu kesalahan sangat membimbangkan. Menurut Yahya Othman (2005:37) kelemahan dalam menyebut boleh mendatangkan masalah kepada penutur serta pendengar. Katanya lagi, keadaan ini juga mewujudkan suasana komunikasi yang tidak mesra.

Kesilapan sebutan dianggap satu kesilapan yang serius ketika membaca al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Sikap pelajar yang melakukan kesilapan dalam pembelajaran BA menjadi satu kebimbangan apabila pelajar turut melakukan kesilapan yang sama dalam membaca al-Quran dan al-hadith. Tidak dinafikan bahawa ada kesilapan dari sudut penggunaan sistem vokal yang tidak menjelaskan makna perkataan, namun terdapat juga kesilapan yang memberi makna yang negatif ditakuti menjelaskan makna asal ayat dari al-Quran. Kesilapan beginilah yang menjadi satu masalah yang perlu ditangani secara serius. Yahya Othman (2005:39) menyebut kesilapan yang berterusan menunjukkan pembaca tidak menguasai beberapa aspek berkaitan bahasa.

Kesilapan sebutan bunyi vokal berlaku dalam kalangan pelajar yang mempunyai latarbelakang pendidikan BA di sekolah menengah dan juga dalam kalangan pelajar yang tidak mempunyai asas BA. Ini jelas menunjukkan kesilapan ini berlaku tidak mengira pengalaman pelajar samada mempunyai latarbelakang pendidikan BA atau sebaliknya. Ianya berlaku kepada setiap pelajar yang tidak memahami konsep dan ciri sebenar vokal BA.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk :

- Mengenal pasti sejauh mana kemampuan pelajar memahami konsep dan ciri huruf vokal BA yang sebenar;

- Mengenal pasti jenis-jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan para pelajar;
- Mengenal pasti punca kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, berikut merupakan soalan kajian yang akan membantu penyelidik mencapai sasaran kajian:

1. Apakah para pelajar memahami konsep dan ciri vokal BA ?
2. Apakah jenis kesilapan sebutan bunyi vokal yang sering dilakukan oleh pelajar?
3. Apakah punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal yang dilakukan oleh pelajar?

1.6 Kepentingan kajian

Kajian ini sangat penting dalam memelihara kesucian BA yang dirakamkan secara kekal di dalam al-Quran dan al-Hadith. Pelbagai cabangan ilmu yang terkandung di dalamnya memartabatkan nilai rujukan terhadapnya. Kesemuanya disampaikan melalui penggunaan BA. Justeru pengetahuan terhadap BA sedikit sebanyak amat penting kepada seseorang individu dalam memahami kandungan kedua-dua warisan ulung tersebut. Bahkan bagi seorang muslim tidak ada keringanan atau peluang baginya untuk menunaikan solat menggunakan bahasa selain dari BA. Begitu juga dengan amalan membaca al-Quran.

Menurut Yusuf Estes (2011) antara punca kekeliruan dalam kalangan penganut agama Nasrani yang merupakan agama Samawi disebabkan kuasa penterjemahan kitab Injil ke dalam beberapa bahasa lain. Alasan bagi aktiviti penterjemahan ini supaya

penganutnya lebih hampir dan menjiwai apa yang terkandung di dalamnya. Namun apa yang berlaku, semakin banyak kitab Injil diterjemahkan, semakin hilang sumber asas kepada kitab suci itu.

Bagi kitab al-Quran setiap muslim ditegah dan tidak dibenarkan untuk memilih membacanya dalam bahasa lain kecuali BA. Oleh itu, mengetahui BA secara asas merupakan satu tuntutan yang besar kepada setiap muslim dalam memelihara akidah islamiyah itu sendiri.

Dalam usaha menjaga kesucian al-Quran al-Karim, seorang muslim perlu menguasai kemahiran menyebut kosa kata BA dengan betul. Memahami konsep dan ciri serta fungsi sebutan bunyi vokal BA merupakan satu perkara yang sangat penting. Oleh yang demikian kajian ini mengambil ruang dan bagi menjelaskan kepentingan penggunaan sistem vokal BA yang betul terhadap pembinaan ilmu.

Banyak kajian yang dilakukan dalam bidang ini menjurus kepada penggunaan konsonan dan perkara yang berkaitan dengannya. Kajian terhadap vokal dalam bidang pengajaran dan pembelajaran kebanyakannya hanyalah menjadi satu juzuk yang kecil dalam kajian yang dijalankan. Ianya tidak disentuh secara terperinci dan mendalam.

Nik Mohd Rahimi dan rakan telah menjalankan kajian terhadap *Pembelajaran Konsonan Arab Mengikut Pelat Bahasa Melayu* dalam jurnal Gema GEMA Online™ Journal of Language Studies Volume 10(3) 2010. Kajian ini mengkaji kefasihan dan pelat sebutan huruf konsonan dalam kalangan pelajar prasekolah. Kajian ini juga menekankan kepentingan memberi pengetahuan yang jelas terhadap penggunaan konsonan yang betul sebelum mendedahkan pelajar terhadap huruf vokal. Anjuran ini

diambil daripada Adams (1990) yang menyarankan pengenalan konsonan sebelum vokal. Didapati kanak-kanak prasekolah ini dapat menyebut dengan fasih fonem-fonem konsonan BA yang sama dengan fonem yang terdapat dalam BM seperti fonem /ك/, /ف/, /ه/, /ء/, /ج/, /س/, /د/, /ل/, /ن/, /ب/, /ي/, /أ/, /م/, /و/.

Kajian menunjukkan fonem-fonem tersebut mempunyai sistem artikulasi yang sama dengan bahasa Melayu (seterusnya disebut BM). Justeru subjek telah menunjukkan tahap kefasihan yang tinggi terhadap konsonan-konsonan tersebut. Walau bagaimanapun, subjek tidak mencapai tahap kefasihan dalam sebutan konsonan yang mempunyai sistem artikulasi yang berbeza dengan BM. Konsonan yang berada pada tahap sederhana fasih dalam kalangan subjek ialah /ص/, /ظ/, /ض/, /ع/, /ث/, /ح/, /خ/. Konsonan /غ/ berada dalam tahap yang paling tidak fasih. Pelajar juga melakukan sebutan konsonan BA yang pelat kepada konsonan BM. Antaranya ialah konsonan /م/, /ه/, /ش/, /د/, /ك/, /ء/, /ي/, /ب/, /ن/, /ف/, /ل/, /و/, /س/, /ه/, /ك/, /ء/, /ي/, /ب/, /ن/, /ف/, /ل/.

Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Sahabudin Salleh (2002) yang mendapati bahawa pengaruh bahasa ibunda telah menyumbang kepada kegagalan pelajar dalam menyebut fonem dan bunyi BA dengan betul. Ini berlaku terutamanya kepada huruf-huruf yang hampir sama bunyinya dengan huruf bahasa ibunda. Sifat konsonan BA yang hampir sama menyebabkan pelajar gagal membezakan bunyinya. Contohnya konsonan /ع/ dibunyikan dengan konsonan /ء/ seperti pada perkataan disebut حَامِيَةٌ، konsonan /ق/ dengan konsonan /ك/ seperti pada perkataan قَلْقَةٌ disebut كَلْكَةٌ، konsonan /ط/ dengan konsonan /ت/ seperti pada perkataan طَبِيبٌ تَبِيبٌ kepada تَبِيبٌ طَبِيبٌ dan sebagainya.

Kajian ini sangat penting kepada pelajar berdasarkan permasalahan yang dinyatakan iaitu kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Pentingnya kajian ini terhadap pelajar meliputi proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Para pelajar perlu jelas konsep dan ciri vokal BA yang digunakan dalam setiap kemahiran bahasa sepanjang proses pembelajaran. Justeru kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pelajar bagi mengenalpasti jenis-jenis kesilapan yang berlaku terhadap sebutan bunyi vokal. Di samping itu, pelajar dapat memahami kepentingan fungsi vokal BA dalam pembelajaran BA dan kehidupan sehari-hari dalam beribadah. Para pelajar boleh mengambil inisiatif tertentu bagi mengatasi masalah sebutan vokal dengan mengambil contoh dari hasil kajian ini.

Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu tenaga pengajar sama ada dalam bidang BA atau bidang al-Quran dan tajwid dalam mengatasi masalah sebutan bunyi vokal. Tenaga pengajar juga boleh menjadikan kajian ini sebagai panduan untuk merangka teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan terhadap penguasaan vokal di kalangan pelajar. Tenaga pengajar juga boleh memanfaatkan kajian ini dengan melakukan transformasi yang lebih mantap dalam sistem pembelajaran dan pengajaran.

Di samping itu, hasil kajian ini dijangka dapat memberi panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dengan perancangan dan penyediaan sukanan pelajaran dan kurikulum. Begitu juga dengan penulis buku teks dan bahan-bahan rujukan. Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang tersebut di atas dan menjadi panduan kepada mereka agar lebih prihatin terhadap kepentingan dan keperluan pengajaran vokal BA. Dengan kesedaran ini diharap mereka dapat menyediakan ruang yang lebih untuk

aktiviti pengajaran dan pembelajaran vokal BA dalam usaha memastikan keberkesanan penguasaan vokal BA dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kepada para penyelidik dan pengkaji bahasa amnya dan BA khasnya, dengan kajian ini diharap akan dapat menambah lagi bahan rujukan yang berkaitan dengan isu sebutan dan bunyi vokal. Semoga kajian ini menjadi pencetus kepada kajian-kajian lain yang lebih bermanfaat dalam pelbagai aspek sebutan dan bunyi terutamanya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Oleh yang demikian, kajian ini sangat penting untuk dijalankan bagi memberi peluang kepada semua pendukung BA sama ada pelajar mahupun pengajar, pembimbing, penulis, penggubal dan pencinta BA melengkapi keperluan di antara satu sama lain. Diharapkan agar kajian ini turut memberi manfaat dan faedah yang berganda kepada semua keluarga pencinta BA.

1.7 Batasan Kajian

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA, kesilapan penggunaan vokal boleh berlaku dalam beberapa kemahiran bahasa seperti kemahiran membaca, menulis dan bertutur. Namun kajian ini hanya memfokuskan kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar dalam kemahiran bertutur sahaja.

Kajian ini dijalankan di sebuah IPTA sahaja iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) kampus Shah Alam. Justeru hasil kajian yang diperolehi hanya terbatas di tempat kajian yang telah dipilih sahaja dan berkemungkinan tidak boleh menerangkan persamaan yang wujud di institusi pengajian lain yang mempunyai permasalahan yang sama terhadap masalah sebutan bunyi vokal BA.

Sampel kajian ini diwakili oleh dua kumpulan iaitu pelajar dan pensyarah BA UiTM. Seramai 72 pelajar BA UiTM peringkat ijazah tahap III (Kod Kursus BAB501) telah terlibat dalam kajian ini. Kesemua pelajar yang terlibat merupakan pelajar daripada beberapa buah fakulti yang terdapat di UiTM kampus induk Shah Alam. Mereka ini mengambil kursus BA sebagai B3 yang merupakan kursus wajib universiti selain daripada bahasa-bahasa lain seperti Mandarin, Jepun, Perancis dan lain-lain.

Para pelajar tahap III (KOD KURSUS BAB501) BAK telah dipilih sebagai sampel kajian kerana pengalaman penggunaan vokal BA di kalangan mereka dijangka lebih meluas berbanding pelajar tahap I dan II BAK di UiTM, Shah Alam. Di samping itu, pelajar tahap ini juga telah melalui peringkat ujian yang dinilai dalam BAK sebanyak dua semester sebelumnya melebihi tahap-tahap pembelajaran yang lain. Justeru pengalaman ini akan dijadikan ukuran dalam mengkaji penggunaan vokal BA dalam kalangan mereka. Selain itu, kajian ini juga turut disertai oleh 22 orang pensyarah BA sebagai responden kajian yang terdiri daripada UiTM kampus induk Shah Alam dan kampus negeri.

Situasi pembelajaran BAK di UiTM juga terdiri dari dua golongan pelajar iaitu yang mempunyai asas BA di sekolah menengah dan pelajar yang tidak mempunyai asas BA iaitu hanya mempelajari BA di sekolah rendah dalam masa yang singkat ataupun yang tidak pernah mempelajarinya langsung. Dua unit kumpulan ini akan dinilai tahap penguasaan sebutan bunyi vokal. Kajian ini tidak mengkategorikan kedua-dua kumpulan tersebut dalam satu kumpulan yang berasingan tetapi kajian ini dijalankan secara umum merangkumi dua kumpulan ini.

1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa istilah penting yang menjadi asas kepada kajian ini. Istilah-istilah tersebut mewakili isu-isu penting yang akan diketengahkan dalam kajian ini. Antara istilah tersebut ialah:

1.8.1 Penguasaan

Penguasaan bermaksud satu pencapaian, pemahaman, pendapatan dan pengetahuan yang dapat dicapai oleh seseorang (Kamus Dewan:201).

1.8.2 Vokal

Tulen (lin) huruf hidup atau huruf saksi. (Kamus Dewan :1791)

Vokal BA terdiri daripada tiga vokal panjang dan tiga vokal pendek maka kumpulan vokal BA terdiri daripada enam jenis vokal keseluruhannya (us m al-Bahans w , 2004: 122).

1.8.3 Bahasa Arab

Bahasa Arab ialah bahasa yang pada asalnya dituturkan oleh bangsa Arab dan merupakan bahasa al-Quran (Kamus Dewan,2010).

BA tergolong dalam kumpulan bahasa Semitik yang masih digunakan sehingga hari ini. Selain daripada BA, bahasa Assyrian, Aramaik, Hebrwe dan Ethopian merupakan bahasa lain yang berada di bawah kategori bahasa Semitik (Ali Abd al-Wahid Wafī,1945:7).

1.8.4 Makhraj huruf

Makhraj Huruf merupakan tempat keluarnya sesuatu bunyi atau huruf dari organ pertuturan. Apabila berlaku pertemuan antara dua organ pertuturan semasa udara

melalui organ artikulasi maka akan terhasil sesuatu bunyi ('Abd al-Ghaffar Hilaal, 1988:199).

1.9 Rangka Kajian

Kajian ini mengandungi lima bab yang diuraikan secara tersusun. Huraian ringkas mengenai kajian ini tersebut adalah seperti berikut:

BAB SATU: PENGENALAN

Pengkaji menghuraikan aspek-aspek asas kajian yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan rumusan.

BAB DUA: LANDASAN TEORI

Bahagian ini membincangkan tentang kajian-kajian terdahulu dalam bidang yang dipilih dengan mendatangkan fakta-fakta yang lahir dari kajian terdahulu sebagai bukti kepada penyelidikan tersebut. Ini untuk mengelak berlakunya pengulangan dan pertindihan kajian yang sama. Pengkaji juga meninjau prinsip-prinsip bidang kajian serta kaitannya dengan tinjauan yang telah dijalankan.

BAB TIGA: METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dari pemilihan sampel, instrumen, analisis data dan pengumpulan data akan dinyatakan secara menyeluruh dalam bab ini.

BAB EMPAT: ANALISIS DATA

Data yang dikutip akan diproses dan dianalisis bagi melihat kepada hasil dapatan dalam kajian ini.

BAB LIMA: DAPATAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Bab ini membincangkan dapatan kajian dan rumusan serta kesimpulan bagi keseluruhan kajian yang dijalankan. Beberapa cadangan akan diutarakan bagi membantu penambahbaikan kajian seterusnya agar lebih berkualiti dan berpotensi dimajukan dalam bidang yang dipilih

1.10 Penutup

Bab pertama ini merupakan pendahuluan dan pengenalan terhadap kajian masalah sebutan vokal BA dalam kalangan pelajar. Kajian ini memberikan fokus kepada masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kemahiran bertutur dan tidak melibatkan kemahiran bahasa yang lain. Boleh disimpulkan bahawa kajian ini merupakan usaha untuk mengenal pasti tahap penguasaan vokal BA dalam kalangan pelajar, jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA yang dilakukan dalam proses pembelajaran BA dan punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal. Ia melibatkan sampel yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar BA.

BAB DUA **LANDASAN TEORI**

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang teori yang telah dikemukakan oleh ahli linguistik terdahulu dan terkini. Teori-teori tersebut berkaitan dengan kemahiran komunikasi, fonetik dan fonologi dan vokal. Bab ini juga membincangkan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini. Hal ini merangkumi perbincangan mengenai masalah yang melibatkan fonem konsonan dan vokal. Beberapa kajian terdahulu mengenai kemahiran bertutur juga turut ditinjau sebagai rujukan kepada kajian yang sedang dijalankan. Di samping itu, pengkaji juga menyentuh serba sedikit mengenai sistem vokal BM melalui tulisan Rumi dan Jawi dan fungsinya yang tersendiri dalam BM dan melihat perbandingannya dengan BA secara ringkas. Hal ini kerana keberangkalian pengaruh bahasa ibunda terhadap pembelajaran BA wujud dalam kajian yang sedang dijalankan.

2.2 Bunyi Sebagai Asal Usul Bahasa

Bahasa dan bunyi tidak dapat dipisahkan. Bunyi mengikut Ibn S n dalam kitabnya *Asb b ud th āl- urūf* ('Aliy assan Mizb n, 2003) ialah mengeluarkan udara dan menolaknya dengan kuat dan laju dari mana-mana tempat ia terhasil. Bahasa pula merupakan satu lambang bunyi yang difahami oleh manusia dalam sebuah masyarakat tertentu manakala penulisan pula merupakan transkripsi kepada lambang tersebut (Rusyd A mad u aymat, 2004: 231). Menurut Zaharani dan Teoh Boon Seong (2006:3) bahasa adalah bercorak lisan dan sistem penulisan Rumi yang digunakan dalam BM cuma mengaproksimasikan ujaran yang kompleks itu. Oleh yang demikian,

penulisan terhadap lambang bunyi suara tersebut perlu dilakukan dengan setepat mungkin dan mampu ditiru oleh individu lain terutama bukan penutur natif.

Mengikut Rusyd juga bahasa mempunyai kuantiti bunyi yang terhad. Teori ini berdasarkan kepada hakikat penggunaannya dan kesannya kepada sebutan di kalangan manusia. Bunyi yang dihasilkan juga terikat dengan peraturan yang mempunyai hubungkait dengan kebiasaan bahasa itu dan penurnya.

Berdasarkan kenyataan di atas, kesimpulan yang dapat dibuat ialah sistem bunyi merupakan nadi bagi sesebuah bahasa. Sistem bunyi juga merupakan asal usul kepada lahirnya sesebuah bahasa.

Pengkajian tentang bunyi bagi BA dipelopori oleh al-Khalīl b. Aḥmad al-Farāḥī (m 69H) menerusi kitab *al-Ayn*. Seterusnya perbahasan mengenai ilmu ini diteruskan pula oleh anak murid beliau Sibawayh (m 180H/803M) dalam bukunya, *al-Kitāb*. Antara ahli linguistik Arab lain yang mengkaji bunyi ini ialah Ibn Jinn (m 392H/1001M) dalam *Sirr al-İrāb* dan al-Khaṣībī, Ibn Sūnā (m 428H/1036M) dalam bukunya *Asbūt Hudūth al-urūf* dan sebagainya (Aliyassan Mizbān, 2003).

Ibrahim Ansari (al-Āwāt al-‘Arabiyyat), Ma'mud as-Sa‘rīn ('Ilm al-Lughāt, *Muqaddimah li al-Qur'ān al-‘Arabī*), Kamāl Basyūr ('Ilm al-Lughāt al-‘Ām), ‘Abd al-‘Abbar Shihān, Ahmad Mukhtar ‘Umar, Ma'mud Fahmi Izzīz, Rama'n al-Tawwab dan sebagainya merupakan antara ahli linguistik moden Arab yang mengkaji tentang bunyi dan bahasa.

Perbincangan mengenai bunyi merupakan perkara utama dalam bidang fonetik dan fonologi. Cara bunyi dihasilkan, organ yang terlibat menghasilkan bunyi, kedudukan

alat yang menghasilkan bunyi dan sebagainya menjadi perkara asas yang diperbahaskan dalam bidang fonetik manakala bidang fonologi lebih mengkaji fungsi sesuatu bunyi yang dihasilkan.

2.3 Fonetik

Fonetik ialah satu bidang yang mengkaji berkenaan cara sesuatu bunyi dihasilkan dari sistem artikulasi. Fonetik (phonetics) ialah ilmu yang menyelidiki bunyi-bunyi bahasa tanpa melihat fungsi itu sebagai pembeda makna dalam suatu bahasa (Malmberg :1963) dalam Marsono (1999). Menurut Rahmat Sato (1998:1), fonetik ialah ilmu yang secara saintifik menyelidiki bunyi-bunyi bahasa yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi tanpa melihat fungsi bunyi itu sebagai pembeza makna.

Umumnya ilmu fonetik dibahagikan kepada fonetik artikulatori, fonetik auditori dan fonetik akustik (Indirawati dan rakan, 2006:1). Menurut Rahmat Sato (1998:1) pengkajian ilmu fonetik dari sudut bahasa dapat dikategorikan kepada 3 iaitu fonetik artikulasi mengkaji cara organ-organ dalam badan manusia boleh menghasilkan bunyi, kedua fonetik akustik yang digunakan dalam bidang fizik kerana kajianya menjurus kepada gelombang bunyi yang dihasilkan dari sudut fizik. Yang terakhir ialah fonetik auditori (pendengaran) yang mengkaji tindak balas mekanisme alat pendengaran terhadap bunyi bahasa sebagai getaran udara. Ilmu fonetik ini bercabang dari bidang perubatan neurologi.

Pengkajian terhadap ilmu fonetik dalam bidang linguistik melibatkan fonetik artikulasi. Alat-alat artikulasi manusia akan dikaji bagi menentukan cara sesebuah bunyi itu terhasil. Hal ini termasuklah meneliti setiap bunyi bahasa dari sudut tempat keluar, jalan keluar dan pergerakan alat sebutan. Pentingnya ilmu ini terhadap perkembangan

bahasa kerana manusia berkomunikasi dengan satu bahasa yang berbeza namun mempunyai sistem artikulasi yang sama tetapi kadangkala menghasilkan bunyi yang berbeza.

Menurut Peter Roach (2001:5) manusia boleh menyampaikan pelbagai idea dan maklumat melalui penulisan dengan menggunakan simbol yang hampir sama di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, cara simbol-simbol dibunyikan adalah berbeza. Sebagai contoh, penulisan nombor 1, 2, dan 3 dapat difahami oleh semua orang namun cara membunyikan adalah berbeza bagi sesebuah bahasa. Ini dapat difahami dalam petikan berikut:


“At the other extreme, it is possible to have what we call an ideographic writing system where symbols represent idea, not sound. The nearest equivalent for user of alphabetic writing is our number system: the number 1, 2, 3 mean the same thing to speakers of Russian, of French or of English, yet they would pronounce them in completely different ways.”

(p:5)

Berdasarkan petikan mengenai bunyi-bunyian yang berbeza di antara bahasa dunia tetapi mempunyai maksud komunikasi yang sama, maka dapat disimpulkan bahawa pengkajian terhadap bunyi-bunyian inilah yang terangkum dalam ilmu fonetik. Tujuan bidang ini ialah mengkaji cara pergerakan organ-organ manusia tertentu menghasilkan bunyi melalui kedudukannya dan pergerakannya. Bunyi akan terhasil melalui sistem pernafasan yang tersekat oleh alat artikulasi lalu mengetarkan atau tidak mengetarkan pita suara mahupun bunyi. Setiap pergerakan udara yang tersekat oleh titik-titik artikulasi yang berbeza akan menghasilkan bunyi yang berbeza. Walau bagaimanapun ada beberapa titik artikulasi yang mencetuskan bunyi dalam kumpulan yang sama

seperti /p/ dan /b/. Begitu juga ketika vokal yang lahir dari tempat yang sama seperti /i/ dan /u/.

Pembahagian yang terbesar bagi penghasilan bunyi dapat dikategorikan kepada 3 iaitu alat pernafasan, rongga larinks dan rongga yang terletak di atas glotis. Yang dimaksudkan dengan rongga di atas glotis ialah rongga farinks, mulut dan hidung. Antara yang terpenting dalam membentuk sesuatu bunyi ialah bahagian rongga larinks dan rongga yang berada di glotis sehingga ke bibir. Keseluruhan bahagian yang membantu menghasilkan sesuatu bunyi tersebut dipanggil alat artikulasi. Berikut merupakan alat artikulasi yang terlibat dalam menghasilkan sesuatu bunyi:



Rajah 2.1
Alat Artikulasi

‘Rajah 2.1: Sambungan’

- | | |
|--------------------|--------------------|
| 1. Bibir atas | 11. Tengah lidah |
| 2. Bibir bawah | 12. Belakang lidah |
| 3. Gigi atas | 13. Akar lidah |
| 4. Gigi bawah | 14. Epiglotis |
| 5. Gusi | 15. Pita suara |
| 6. Lelangit keras | 16. Rongga tekak |
| 7. Lelangit lembut | 17. Rongga Hidung |
| 8. Anak tekak | 18. Rongga mulut |
| 9. Hujung lidah | 19. Rahang |
| 10. Hadapan lidah | 20. Tenggorok |

Sumber: Abdullah Hasan (37:2005)

Dalam penghasilan sesuatu bunyi, lidah memainkan peranan yang paling agresif dan aktif. Bahagian lidah yang terdiri dari hujung lidah, tengah lidah dan pangkal lidah merupakan antara artikulasi yang sangat penting. Walau bagaimanapun organ ini sangat kuat dibantu oleh organ-organ artikulasi yang lain seperti langit keras, langit lembut, anak tekak, rongga hidung dan sebagainya.

2.4 Fonologi

Frank Parker (1974:112) mendefinisikan fonologi sebagai suatu bidang yang mengkaji sesuatu bahasa, iaitu rumus-rumus yang berkaitan dengan sebutan. Pakar Linguistik BM Abdullah Hassan (2005:62) pula mengatakan ianya mengkaji bunyi-bunyi yang berfungsi dalam sesebuah bahasa.

Ilmu fonologi mengkaji bagaimana fon berbeza satu sama lain dan apakah ciri fonetik yang menyebabkan perbezaan makna kata (Rahmat Sato, 1998:76). Kajian fonologi mengkaji bunyi pertuturan dalam suatu bahasa dan fungsinya dalam sistem bunyi bahasa itu (Zaharani dan rakan: 2006).

Fon ialah unsur yang terkecil dalam sesebuah perkataan apabila perkataan tersebut mengalami proses pemenggalan bunyi. Proses tersebut yang sampai kepada tahap pemenggalan terakhir dinamakan sebagai bunyi tunggal. Unsur tersebut dikenali sebagai *segmen*. Seperti /s/, /a/, /y/ dan /a/ merupakan fon yang telah melalui proses *segmentation* daripada perkataan *saya*. Dalam ilmu fonetik, fon tidak digunakan bagi membezakan makna terhadap satuan bunyi yang terhasil.

Sebaliknya dalam ilmu fonologi, perbezaan antara bunyi dan makna tersebut dapat dihuraikan melalui konsep *fonem*. Fonem merupakan gabungan terkecil dalam bahasa yang boleh membezakan makna. Contohnya seperti perkataan “lari” dan “lori”. Perbezaan perkataan ini dapat dilihat pada dua buah vokal iaitu /a/ dan /o/. Justeru perkataan ini dibeza maknanya oleh dua buah vokal tersebut.

Fonem dari sudut fonetik digelar sebagai *pertentangan pembeza* jika terdapat perbezaan fonetik dan sekelompok bunyi yang sama pula dikenali sebagai *keserupaan fonetik* (Rahmat Sato: 1998). Dalam fonologi pula, bunyi yang telah dipenggal daripada bentuk kata dan telah berfungsi untuk membezakan makna dikenali sebagai *fonem penggalan* atau *segmental phonem*. Fonem diwakili oleh simbol //.

Kajian terhadap ilmu fonologi boleh dibahagi kepada tiga iaitu (i) analisis deskriptif, (ii) analisis prosodi/supra segmental dan (iii) analisis distingtif. Kesemua aspek di atas

akan dikaji berdasarkan unit yang terpenting dalam bidang ini iaitu fonem (Rahmat Sato, 1998).

Analisis deskriptif merupakan bahagian yang melihat fonem sebagai unit penggalan bahasa yang terkecil yang berfungsi untuk membezakan makna.

Kajian Firth bertajuk “*Sounds and Prosodies*” dalam kertas kerja Raja Masittah(1991) mencadangkan bahawa fonem yang dikaji melalui kriteria (i) tekanan, (ii) panjang-pendek (mora), (iii) nada dan (iv) jeda/persendian dilakukan di bawah analisis prosodi. Dalam kajian ini, ciri-ciri prosodi tersebut dikenali sebagai fonem supra segmental.

Analisis distingtif pula ialah analisis fonologi yang berteraskan teori transformasi generatif. Dalam analisis ini, segmen fonem yang terdapat dalam sesuatu sistem bahasa akan dideskripsikan dalam satu matrik berdasarkan oposisi binary (*binary opposition*).

Dalam pengujian ilmu fonologi, pengkategorinya dapat dibahagi kepada tiga iaitu sebutan, intonasi dan nada (Abd. Aziz Abd. Talib, 1993:192). Setiap bahasa mempunyi ciri sebutan yang berbeza. Justeru sistem sebutan dalam BM adalah berbeza dengan BA. Dalam BM, sebutan bagi sesuatu bunyi diseragamkan dengan mengikut sistem bunyi baku. Sistem inilah yang digunakan ketika dalam acara rasmi. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa dialek dalam situasi tidak formal, kadangkala menyebabkan sebutan terhadap vokal dan konsonan berlaku sebaliknya dalam BM baku. Keistimewaan negara Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum turut menyumbang kepada proses pembakuan dan penyeragaman. Meskipun begitu, kaum India dan Cina masih melakukan kesilapan penyebutan kerana diganggu oleh bahasa Ibunda. Seperti menyebut perkataan “marah” kepada “mara” dan “berlari” kepada “belali”. Tambahan

pula penggunaan beberapa jenis vokal seperti e pepet dan e taling (Abdul Aziz Abdul Talib, 1993:193).

Penguasaan sebutan yang betul akan menghasilkan sistem komunikasi yang tepat. Penyampaian sesebuah maklumat akan menjadi jelas dan sampai kepada pendengar. Sistem sebutan BM selalunya dinilai berdasarkan sebutan sesuatu perkataan mengikut BM standard, penggabungan bunyi, pembatangan dan penggabungan suku kata menjadi perkataan dan tekanan.


Berdasarkan pembahagian cabangan ilmu fonetik dan fonologi, kajian ini hanya dijalankan terhadap fonetik artikulasi dan analisis prosodi dari aspek panjang pendek sahaja.

2.5 Vokal

Nor Hashimah Jalaluddin (1998:41) menyebut bahawa tidak ada bahasa yang tidak mempunyai vokal kerana vokal ialah nadi bunyi dalam urutan suku kata. Dalam pembahagian sistem bunyi yang lahir dari alat artikulasi manusia, bunyi yang berhasil dibahagikan kepada bunyi konsonan dan vokal. Vokal merupakan bunyi dihasilkan dengan mengeluarkan udara dari paru-paru melalui rongga mulut dengan tidak tersekat. Kualiti bunyi itu ditentukan oleh kedudukan lidah dan bentuk bibir (Abdullah Hassan, 2005:43).

Vokal dari sudut ilmu fonetik melibatkan perbincangan tentang tahap-tahap artikulasi bagi sesebuah vokal. Alat artikulasi yang utama dalam menghasilkan sesuatu bunyi vokal adalah lidah dan bibir. Bunyi vokal berhasil apabila udara yang keluar dari paru-paru dan melalui organ artikulasi yang lain tanpa sekatan udara. Lidah dan bentuk bibir memainkan peranan penting dalam menentukan jenis bunyi vokal yang dihasilkan.

Kaedah ini merupakan adaptasi dari kaedah yang diperkenalkan oleh Daniel Jones (1985) iaitu teori *vokal kardinal*. Kebanyakan bahasa menggunakan teori ini dalam menentukan kedudukan lidah dan bentuk bibir bagi menghasil sesebuah bunyi vokal.



Rajah 2.2
Vokal Kardinal

Sumber: <http://www.phonetics.ucla.edu/course/chapter9/cardinal/cardinal.html>

Kedudukan lidah ketika bunyi vokal dikeluarkan berbeza mengikut jenis yang dihasilkan. Daniel Jones telah membahagikan kedudukan lidah kepada tiga bahagian iaitu depan lidah, tengah lidah dan belakang lidah. Setiap kali bunyi vokal dihasilkan, lidah akan bergerak mengikut jenis bunyi yang dihasilkan. *Vokal depan* dihasilkan apabila depan lidah yang bergerak ketika bunyi dihasilkan, tengah lidah pula akan menghasilkan *vokal tengah* dan hujung lidah akan menghasilkan *vokal belakang*.

Bentuk mulut juga menentukan jenis pengkategorian sesuatu vokal. Bunyi yang terhasil di bahagian depan rongga mulut ianya dipanggil *vokal depan*, di belakang rongga mulut dipanggil *vokal belakang* dan ditengah rongga mulut dipanggil *vokal tengah*.

2.5.1 Kepentingan Vokal Dalam Bahasa

Setiap bahasa mempunyai vokal yang tersendiri dengan praktikalnya yang unik. BM mempunyai enam vokal asas iaitu /a/, /e/, /é/, /i/, /o/ dan /u/. Begitu juga dengan bahasa Inggeris (seterusnya disebut BI) yang mempunyai vokal yang hampir sama dengan BM dan memiliki tambahan vokal yang lain mengikut kesesuaian penutur bahasa tersebut. Keunikan penggunaan vokal BA terletak pada fungsinya dalam menyebut serta bagaimana ianya mempengaruhi aspek semantik perkataan. Vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal panjang dan vokal pendek.

Fungsi utama vokal bagi sesebuah bahasa sangat penting kerana konsonan tidak dapat berfungsi secara sempurna tanpa vokal. Walaupun sesuatu kata pada asasnya terbentuk daripada konsonan Bloomfield (1992:279) dalam Mohd. Zaki dan Che Radiah (2010:8) namun dari segi praktiknya ia memerlukan vokal untuk diujarkan. Ada pendapat yang mengatakan bahawa sekurang-kurang terdapat 3 vokal dalam sesuatu bahasa yang terdiri dari pelbagai lambang kepada vokal itu sendiri. Hal ini seperti yang wujud dalam bahasa bagi penduduk orang asli Australia iaitu *Aborigines*. Di negara Holand, terdapat satu dialek yang mempunyai 28 buah vokal manakala dalam bahasa Inggeris sendiri terdapat 14 hingga 20 vokal yang dikenal pasti bergantung kepada beberapa buah negara yang menjadikannya sebagai bahasa ibunda (‘Ādil Syaikh, 2004:78).

Fungsi bagi bunyi vokal berbeza antara bahasa dengan bahasa. Sebagai contoh, dalam BM perkara yang dibincangkan mengenai fungsi vokalnya ialah sistem keselarasan vokal. Vokal perlu diselaraskan pada suku kata pra akhir dan suku kata akhir tertutup. Terdapat 18 pola keselarasan vokal dalam ejaan BM baru dan ianya turut menggariskan pengecualian bagi keselarasan huruf vokal dalam keadaan tertentu. Kesilapan sebutan bunyi dalam BM tidak melibatkan perubahan makna. Namun begitu kejanggalan

kesilapan sebutan bunyi kadangkala mengundang salah tanggapan kepada pendengar. Dalam kajian nilai dan bentuk bunyi bahasa, perkaitan antara unit-unit fonologi dengan prinsip-prinsip penyatuannya amat berguna dalam kajian tentang sintaksis dan semantik.

Manakala vokal dalam BA mempunyai peranan yang sangat penting dalam pembinaan kata. Bahkan vokal dalam BA juga berfungsi menentukan penggolongan kata bagi sesebuah kosa kata (Mu yi al-D n Rama n, 1979:211).

Menurut Mu yi al-D n Rama n juga pentingnya bunyi vokal ini dapat dilihat pada pembinaan sebuah komunikasi lisan dan tulisan. Bunyi vokal merupakan asas kepada pembeza makna bagi setiap perkataan yang dituturkan. Menurut para linguis moden (dalam Manaf Mahdi Muhammad al Mawsawi) (1998:91), vokal sangat penting bagi semua bahasa kerana:

1. Bunyi yang paling biasa digunakan dalam bahasa. Kesilapan bunyi vokal akan mengakibatkan kecacatan komunikasi dan menjadikan perkataan yang disebut itu tidak dapat difahami maknanya dan ditentukan lafaznya yang sebenar. Bagi penutur bukan natif BA, kesilapan sebutan bunyi vokal adalah sangat jelas. Antara sebab kesilapan tersebut berlaku adalah mereka tidak mempunyai pengetahuan bagaimana menyebutnya dengan betul dan terpengaruh dengan bahasa ibunda.
2. Kesilapan menyebut bunyi vokal lebih jelas berbanding kesilapan menyebut bunyi konsonan. Ini kerana sebutan bunyi vokal lebih jelas bunyinya daripada bunyi konsonan.
3. Vokal merupakan bunyi yang paling susah disebut berbanding bunyi konsonan. Terdapat 3 bunyi asas dalam bahasa Arab namun terdapat pelbagai bunyi vokal

lain dalam bahasa Arab kolokial yang membezakan antara dialek-dialek Arab manakala dalam BI terdapat 21 bunyi asas vokal.

2.5.2 Vokal Bahasa Arab dan Fungsinya

‘Abd al-Wakil ‘Abd al-Karim (1998) menyebut bahawa ilmuwan terdahulu telah mendapati tentang kehebatan BA dapat dilihat kepada kesempurnaan hurufnya, fonetiknya dan juga kepelbagaian makhrajnya.

Sarjana Arab bernama Ibn Jinnī menyarankan cara merasakan bagaimana sesuatu bunyi itu dihasilkan dengan mematikan huruf tersebut dan ditambah sebelumnya *hamzah wasal* yang berbaris bawah kemudian membunyikan. Seperti contoh /اْت/, /اْد/, /اْم/, /اْع/ dan sebagainya. Justeru dapat dirasakan di mana keluarnya bunyi tersebut berdasarkan tempat yang berlaku pemutusan suara bagi bunyi tersebut (Ibn Jinnī, 1993:1/6-7).

Para sarjana bahasa sepakat meletakkan sistem sesebuah bunyi dihasilkan. Namun begitu, dalam BA terdapat beberapa pertembungan dalam menentukkan tempat sesuatu bunyi itu dihasilkan. Melihat kepada sarjana yang terdahulu, penentuan sesuatu bunyi itu dihasilkan sangat berkait rapat dengan sifatnya yang tersendiri. Seperti contoh Sibawayh (1977:4/433-434) dan Ibn Jinnī (1993:1/57,690) dalam Mohd Zakir dan rakan (2010:18) mengatakan bahawa huruf hamzah itu berasal dari pangkal rongga tekak dan ianya bersifat *majhūr* dan *syadid*.

Pendapat di atas bertentangan dengan ahli bahasa moden yang mengatakan bahawa makhraj *hamzat* itu adalah pada tenggorok kerana ketika bunyi *hamzat* disebut, antara kedua-dua pita suara bertemu rapat dan menyekat laluan udara kemudian menghembusnya dengan kuat sehingga menghasilkan letupan lalu terhasillah bunyi

hamzah. Para sarjana moden juga menyifatkannya sebagai neutral kerana terdapat letupan ketika ianya dihasilkan justeru ia bukanlah tergolong dalam *majhur* atau *mahmus* sebaliknya ia berkongsi tempat bersama huruf /h/ yang keluar dari tenggorok. Situasi ini menunjukkan perselisihan pendapat antara para linguis silam dan moden berkenaan tempat keluar /s/ sahaja.

Vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal aktif dan vokal pasif. Vokal aktif boleh difahami sebagai vokal yang mendatangkan bunyi. Dalam BA ia dikenali sebagai *arakat* atau *baris hidup* dalam BM manakala vokal pasif ialah vokal yang tidak mendatangkan bunyi atau ia seperti *mati* dalam BM dan dalam BA vokal ini berbaris *sukun* (Mohd Zaki dan rakan, 2010:7). Seperti contoh huruf /ق/ yang diberiaskan dengan vokal aktif akan mendatangkan bunyi seperti /ق/, ق/, قاً/, قا/, قٰ/, قٰا/, قٰاً/. Namun apabila ia dimatikan atau diberiaskan dengan vokal sukun maka ia akan terhasil seperti berikut /أق/, إق/, أقٰ/, إقٰا/, أقٰا/, إقٰاً/.

Menurut ‘Ādil Syaikh (2004:78) vokal dalam BA juga dikenali sebagai العلَل، الْجَوَافِيَاتِ، الْمُهَوَّبَيَاتِ، الظَّالِيقِ وَالْمَوَاهِيَاتِ. Panjang pendek pergerakan bunyi dan sebutan perkataan BA ditentukan oleh sistem ini. Vokal panjang BA didahului dengan vokal كسرة (ـ)، ضمة (ـ)، فتحة (ـ) atau ضمة (ـ)، كسرة (ـ).

Bahagian rongga mulut dan rongga kerongkong (الجوف) menghasilkan tiga huruf yang dikenali sebagai huruf mad/vokal *iaitu* /ا/, /و/, /ي/, dan /ه/. Huruf-huruf ini terhasil apabila udara ditolak keluar tanpa mendapat sekatan dari mana-mana anggota artikulasi yang lain melalui saluran angin kerongkong hingga rongga mulut. Proses ini menyebabkan huruf vokal ini dikenali sebagai huruf *hawa’iyat* (lingkungan udara) dan *jawfiyyat* (lingkungan rongga).

Sarjana linguis Arab silam dalam menghuraikan secara ringkas bahawa vokal BA ialah fat at itu ialah alif kecil, kasrat¹ ialah yā' kecil dan ammaṭ ialah waw kecil (Ibn Jinni, 1993: 17).

i- Fat at (-)

Ketika fat at dibunyikan keadaan lidah mendatar dengan berlaku sedikit kegelinciran pada tengah lidah (أقصى الحنك) dan udara keluar dari paru-paru maka terhasillah bunyi fat at iaitu /a/. Fat at boleh diringkaskan sebagai bunyi yang lurus, ringan, luas, tidak berpusing dan jelas. Ia juga merupakan bunyi vokal tengah dan rendah dan tidak membujur.

ii- Kasrat² (-)

Kasrat² ialah bunyi di hadapan, terangkat, sempit, tidak berputar dan bersifat majhur dan menghasilkan bunyi /i/. Ianya datang dalam bentuk tebal dan nipis. Ianya merupakan bunyi vokal depan dan tinggi namun tidak membujur.

iii- ammaṭ (-)

ammaṭ ialah bunyi yang terkebelakang, terangkat, sempit, berputar dan berpusing dan bersifat majhur dan menghasilkan bunyi /u/. Ianya merupakan bunyi vokal belakang dan tinggi serta membujur.

Antara kasrat² dan ammaṭ iaitu /u/ dan /i/ akan membentuk menjadi semi vokal dalam situasi tertentu seperti perkataan /u/ menjadi /w/ *al-jaww* dan /i/ menjadi /y/ seperti *Ind nisiyy*. Maka dalam situasi ini, vokal /u/ dan /i/ tergolong dalam kategori konsonan.


Vokal panjang pula terbentuk apabila didahului dengan vokal pendek. Vokal panjang /u/ berlaku apabila terdapat sebelumnya vokal pendek فتحة (-) seperti قال (Qāl). Vokal

panjang ini tergolong dalam kumpulan vokal tengah dan lidah berada dalam keadaan rendah dan bibir tidak membujur ketika dibunyikan. Bagi vokal panjang /ي/ pula terbentuk apabila didahului dengan vokal pendek كسرة (-) seperti كثيرة. vokal panjang ini pula berada dalam kedudukan depan dan lidah menaik tinggi manakala bibir tidak membujur. Akhirnya vokal panjang /و/ didatangkan selepas vokal pendek ضمة (-) seperti حدود. Vokal panjang /و/ merupakan bunyi vokal belakang dan lidah berada dalam keadaan tinggi serta bibir membujur ketika vokal tersebut dibunyikan.

Bagi mengenali kesemua vokal panjang di atas, vokal-vokal tersebut perlu berada dalam keadaan ساكنة iaitu mempunyai baris (-). Ibn Jinnī menjelaskan keadaan ini dalam kitabnya *al-Khaṣai’is*. Meskipun begitu, al-Khalīfah telah menghuraikan hal ini terlebih dahulu melalui tempoh panjang masa yang berlaku antara dua vokal tersebut. Keserasian antara dua jenis vokal tersebut menjadi penentu kepada menyebut dan memanjangkan tempoh vokal panjang tertentu (‘Adil Syaikh, 2004:80).

Keistimewaan vokal panjang BA jika dibandingkan dengan konsonan, ia tidak akan mendatangkan kekeliruan sesama vokal kepada pendengar. Hal ini kerana penghasilannya yang tidak tersekat di mana-mana sistem artikulasi. Berbanding dengar huruf konsonan, kadangkala menimbulkan kekeliruan di antara konsonan yang hampir sama dengannya. Konsonan /ب/ dan /ف/ misalnya mungkin akan disalah dengar dari jarak yang jauh kerana bunyi yang hampir sama. Merujuk pada situasi ini, kebanyakan kata seruan BA diakhiri dengan huruf vokal bagi mengelakkan salah dengar seperti يَا, أَيْهَا dan وَا. (‘Adil Syaikh, 2004:81).

Berikut merupakan rajah vokal BA dipetik dari Abdul Raziq Hassan Mohamed (1996:22). Kedudukan vokal tersebut merupakan adaptasi dari rajah vokal Danial Jones (1985).



Rajah 2.3

Vokal Bahasa Arab

2.5.2.1 Fungsi Vokal BA

Fungsi vokal BA juga bukan sekadar penting dalam proses komunikasi bahkan peranannya yang besar tersebut turut merangkumi beberapa bidang lain dalam cabangan ilmu linguistik.

Dalam bidang morfologi, pembinaan kosa kata amat bergantung pada bunyi vokal. Hal ini kerana, kosa kata dalam BA mengalami proses konjugasi. Penggolongan kata dalam BA juga ditentukan melalui penggunaan vokal. Contohnya seperti kosa kata فَعْلٌ. Kosa kata ini ditentukan sebagai golongan kata kerja. Di samping itu juga, kosa kata ini merupakan golongan kata kerja kala lampau. Bagi perkataan فَاعِلٌ juga merupakan kata kerja namun berada dalam kumpulan kata kerja *rub'*y. Manakala perkataan فَاعِلٌ pula merupakan *pelaku*. Jika dilihat pada setiap perkataan tersebut, kata dasarnya berasal dari /ف/, /ع/, /ل/, dan /أ/. Namun peranan vokal di sini telah membezakan setiap golongan kata bagi semua perkataan tersebut.

Selain daripada itu, sesebuah kosa kata BA tidak mempunyai sebutan yang konsisten kerana peranan kosa kata tersebut yang boleh berubah-ubah (Hazim Ali Kamaluddin, 2007: 93). Sebagai contoh, vokal panjang // pada perkataan **وَلَدَان** berfungsi sebagai tanda kepada bilangan dua iaitu sebagai penjodoh bilangan dalam keadaan nominatif. Berikut merupakan antara fungsi vokal dalam bidang morfologi BA secara ringkas (Hazim Ali Kamaluddin, 2007: 95-102).

1. Vokal panjang // sebagai tanda kepada *muthannā* (dual) bagi keadaan nominatif.
2. Vokal panjang // sebagai tanda kepada kata jama' feminin.
3. Vokal panjang /ي/ sebagai tanda kepada kata jama' maskulin bagi keadaan akusatif dan genetif.
4. Vokal panjang /و/ sebagai tanda kepada kata nama jama' maskulin bagi keadaan nominatif.

Dalam bidang sintaksis pula, vokal diperlukan bagi menentukan hukum *i'rāb*. Penentuan hukum *i'rab* dalam BA merupakan satu proses penting bagi mencapai proses komunikasi yang sempurna. Berikut merupakan antara peranan vokal secara ringkas dalam bidang sintaksis.

1. Vokal panjang // menentukan bilangan pelaku bagi sesuatu perbuatan seperti pada ayat **الطلَّابَانْ شَكَرًا زِيدًا**.
2. Vokal panjang // menentukan bilangan pelaku dan gender bagi kata kerja perintah jama' seperti pada ayat **اَكْتُبُوا دَرْسَكُمْ**.
3. Vokal panjang /ي/ menentukan bilangan pelaku dan gender bagi kata kerja perintah feminin seperti pada ayat **اَكْتُبِي دَرْسَكِي**.

4. Vokal pendek /—/ boleh menentukan keadaan akusatif bagi sesebuah kosa kata dalam ayat.
5. Vokal pendek /—/ boleh menentukan keadaan genetif bagi sesebuah kosa kata dalam ayat.
6. Vokal pendek /—/ boleh menentukan keadaan nominatif bagi sesebuah kosa kata dalam ayat.

Berdasarkan fungsi dan peranan vokal BA dalam bidang morfologi dan sintaksis seperti yang dinyatakan di atas menjelaskan betapa pentingnya memelihara dan mempraktikkan penggunaan vokal BA yang betul. Selain daripada bidang morfologi dan sintaksis yang terlibat secara langsung dengan penggunaan vokal, bidang semantik juga merupakan salah satu bidang yang mempunyai perkaitan tertentu dengan vokal BA seperti menentukan makna sesebuah kosa kata. Justeru, hal ini menunjukkan pentingnya vokal BA dalam sesuatu bidang kerana ianya saling berkaitan.

2.5.3 Vokal Bahasa Melayu

Kajian ini menyentuh penggunaan vokal BM secara ringkas bagi melihat kebarangkalian wujudnya pengaruh vokal BM dalam pembelajaran vokal BA. BM mempunyai dua jenis tulisan iaitu tulisan Rumi (seterusnya disebut TR) dan tulisan Jawi (seterusnya disebut TJ). Dalam TJ huruf vokal dikenali sebagai huruf saksi.


Perkara yang akan disentuh mengenai vokal dalam TR berkenaan fungsinya dalam pembinaan kata BM. Manakala, kajian turut menyentuh serba sedikit tentang vokal BM TJ yang mempunyai bentuk yang sama dengan vokal BA. Kedua-dua perbincangan

ringkas mengenai vokal BM dan huruf saksi TJ diuraikan secara berasingan. Berikut merupakan huraian ringkas mengenai vokal BM bagi TR dan TJ.

2.5.3.1 Vokal Bahasa Melayu Dalam TR

Yunus Maris (1980) mengatakan bahawa terdapat 6 vokal asal dalam BM dan Abdullah Hassan (2005:77) juga menjelaskan vokal standard BM terdiri daripada /a/, /e/, /é/, /i/, /o/, /u/. Pendapat ini juga disokong oleh Zaharani Ahmad dan rakan (2006:51) mengukuhkan bahawa vokal BM standard terdiri daripada enam bunyi vokal seperti yang dijelaskan di atas.

Bagi melihat kedudukan vokal BM, berikut merupakan rajah dalam rajah trapezium yang menunjukkan kedudukan lidah dan bentuk mulut ketika vokal dibunyikan. Rajah tersebut merupakan adaptasi dari rajah vokal kardinal yang diilhamkan oleh Daniel Jones (1985).



Rajah 2.4
Vokal Bahasa Melayu

Dipetik dari: <http://digitaleprints.um.edu.my/2718/7/b4.pdf>

Menurut Abdullah Hassan (1984:55) vokal BM ini tidak betul-betul menyerupai vokal kardinal secara keseluruhannya namun bunyi vokal itu dapat dijelaskan menurut persamaannya dengan vokal kardinal tersebut.

a) Vokal Depan Sempit

Bagi menghasilkan bunyi vokal /i/, depan lidah diangkat tinggi sehingga hampir menyentuh lelangit keras dan hujung lidah diangkat menyentuh gusi. Kemudian berlaku juga penutupan rongga hidung melalui lelangit lembut dan udara yang bergetar dari peti suara akan melalui rongga mulut tanpa sebarang himpitan dan halangan.

Bentuk bibir ketika menghasilkan bunyi vokal ini ialah dalam keadaan terhampar. Contoh bagi penggunaan vokal /i/ dalam kosa kata ialah itik, iman, bilik, guli.

b) Vokal Depan Separuh Sempit

Merujuk rajah di atas, vokal yang berada dalam kumpulan ini ialah /e/. Ia terhasil apabila kedudukan depan lidah dinaikkan agak rendah dari vokal depan sempit/i/.

Antara contoh kosa kata yang terdapat vokal ini ialah ekor, esok, belok, taugeh.

c) Vokal Depan Separuh Luas

Vokal ini / / terhasil apabila kedudukan artikulasi yang sama seperti vokal /i/ namun kedudukan lidah depan diturunkan satu pertiga daripada kedudukan lidah vokal depan separuh sempit /e/. Contoh penggunaannya ialah gerek, berek, gesek.

d) Vokal Depan Luas

Vokal /a/ dihasilkan dengan menurunkan depan lidah kepada tahap yang paling rendah di dalam mulut sementara lelangit lembut pula terangkat rapat kebelakang tekak sekaligus menutup rongga hidung. Contohnya ialah atuk, abang, bola.

e) Vokal Belakang Sempit

Bunyi yang dihasilkan ialah /u/ yang terhasil apabila belakang lidah diangkat setinggi mungkin tanpa menutup rongga hidung. Apabila menghasilkan bunyi vokal ini, bibir akan berbentuk bundar. Seperti ukur, butang, baju.

f) Vokal Belakang separuh Sempit

Apabila lidah belakang diangkat dalam keadaan sederhana iaitu satu pertiga dari tempat yang paling tinggi dan tempat yang paling rendah dan bibir berkeadaan bundar maka terhasillah bunyi vokal /o/ seperti obor, robot, soto.

g) Vokal Belakang Separuh Luas


Vokal ini tidak terdapat dalam BM namun cara ia dihasilkan adalah apabila belakang lidah diturunkan satu pertiga daripada separuh sempit dan kedudukan bibir adalah dalam keadaan bundar.

h) Vokal Tengah

Vokal ini dihasilkan apabila lidah berada dalam kedudukan di atas lantai rongga mulut manakala bahagian tepinya dilengkungkan sedikit dan rongga mulut pula berkeadaan sederhana luas bukaannya.

Vokal tengah ini dapat dikenal pasti dalam perkataan seperti kenduri, enam, empat, gerai.

Berikut merupakan contoh kedudukan bibir apabila vokal BM dibunyikan:



Rajah 2.5
Bentuk Bibir Vokal Bahasa Melayu

Dipetik dari Indirawati dan rakan (2006:41)

2.5.3.2 Fungsi Vokal Bahasa Melayu Bagi TR.

Fonem adalah unit pada tingkat bunyi yang distingtif. (Arbak Othman, 1983:70).

Menurut Bloomfield (1992) fonem dapat difahami sebagai unit sifat bunyi yang membezakan makna. Merupakan satuan atau unit bunyi terkecil yang memberi perbezaan. Setiap satu bunyi yang dihasilkan melalui hembusan udara daripada paru-paru akan melalui sistem artikulasi atau organ pertuturan sehinggalah ia berhenti pada salah satu organ tersebut dan menghasilkan satu bunyi yang jelas dan dikenali. Fonem dalam BM terbahagi kepada dua iaitu fonem vokal dan konsonan.

Fonem vokal BM secara asasnya terbahagi kepada enam iaitu /a/ /e/ /ɛ/ /i/ /o/ dan /u/.

Antara fungsi utama vokal BM adalah untuk menyelaraskan penggunaannya dalam sesebuah perkataan. Keselarasan vokal ialah kesesuaian antara dua vokal yang

membentuk dua suku kata pada kata dasar. Ianya merupakan gandingan di antara huruf vokal suku kata praakhir dengan huruf vokal pada suku kata akhir tertutup.

Walau bagaimanapun ciri-ciri tersebut mestilah mengikut peraturan-peraturan tertentu seperti:

- a. Berlaku keselarasan dua vokal pada kata dasar.
- b. Kata dasar mestilah diakhiri dengan suku kata tertutup
- c. Kata dasar yang mempunyai lebih dari dua suku kata, keselarasan vokal hanya berlaku pada dua suku kata yang terakhir sahaja.

Terdapat 18 pola keselarasan vokal yang telah ditetapkan dalam BM iaitu seperti dalam jadual di bawah:

**Jadual 2.1
Keselarasan Vokal Dalam BM**

Bil	Suku Kata Praakhir	Suku Kata Akhir Tertutup	Contoh
1.	A	A	Bakar- Kakak- Balak
2.	A	I	Batik – Balik – Katil
3.	A	U	Asuh – Basuh – Jatuh
4.	e (pepet)	A	Emak – Renang – Perak
5.	e (pepet)	I	Betik – Detik – Lebih
6.	e (pepet)	U	Betul – Ketul – Lentur
7.	e (taling)	A	Ekor – Elak – Petak
8.	e (taling)	e (taling)	Leceh – Gelek – Belek

‘ Jadual 2.1:Sambungan’

9.	e (taling)	O	Becok – Elok – Merong
10.	I	A	Kitab – sikat –Minat
11.	I	I	Itik – Tilik – Bilik
12.	I	U	Ikut – Ribut – Pikul
13.	O	A	Borang – Kotak – Rotan
14.	O	e (taling)	Boleh – Bodek – Soket
15.	O	O	Pokok- Obor – Kelompok
16.	U	A	Ubat – Surat – Ketupat
17.	U	I	Butik – Putik – Upih
18.	U	U	Urut- Surut – Mulut

Keselarasan vokal bagi kata dasar BM hanya terbentuk dalam kata yang mempunyai suku kata tertutup.

2.5.3.3 Tulisan Jawi

Tulisan Jawi (seterusnya disebut TJ) merupakan BM yang menggunakan karakter bahasa Arab. Pengaruh BA ke Tanah Melayu bermula pada abad ke -12 Masihi di mana para pendakwah Arab telah datang menyebarkan ajaran Islam. Di samping penyebaran agama Islam, penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu turut berubah. Masyarakat Melayu mula menerima pengaruh BA yang akhirnya membentuk TJ. Menurut Bukhari Lubis dan rakan (2006:4) melalui perbandingan Batu Bersurat Minye Tujuh dan Batu Bersurat Terengganu, TJ memerlukan lebih dari 50 tahun sebelum dapat dicipta.

TJ membentuk sebuah tulisan dengan menggunakan keseluruhan huruf BA bagi memenuhi keperluan penulisan masyarakat Melayu. Terdapat sebanyak 33 huruf dalam skrip Jawi, 28 daripada huruf-huruf itu berasal daripada skrip Arab termasuk huruf ubah suai Parsi. Sekiranya huruf *hamzat* dan *lam alif* dijadikan pengiraan, terdapat sebanyak 35 huruf Arab dalam skrip Jawi iaitu 30 daripadanya berasal dari skrip Arab (Bukhari Lubis dan rakan,2006:14).

Sebelum kemerdekaan dicapai Tanah Melayu, TJ merupakan bahasa persuratan bagi semua urusan rasmi dan kerajaan. Sejarah merakamkan bahawa TJ juga telah mendominasi semua sistem tulisan yang berada di Tanah Melayu. Alam Melayu juga menjadi sebatи dengan TJ dan peradaban Melayu itu sendiri tidak boleh dipisahkan dengan TJ. Kesan yang paling besar pada penciptaan TJ dalam masyarakat Melayu ialah memudahkan proses membaca al-Quran. Perkara ini turut disokong oleh Kang Kyoung Seock (1993:3) yang menyebut bahawa orang yang mahir dalam TJ boleh mendekati tulisan Arab dengan lebih mudah.

2.5.3.4 Huruf Saksi Jawi

Huruf saksi Jawi terdiri daripada /l/, /g/ dan /ṣ/. Dari segi karakter, huruf saksi ini menyamai sepenuhnya dengan huruf vokal panjang BA. Oleh kerana TJ merupakan adaptasi sepenuhnya dari BA, maka karakter huruf saksi TJ juga sebenarnya merupakan huruf vokal panjang BA.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan terhadap buku Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan ‘Ilm Waz’if al-Aswāt al-Lughawiyyat al-Fan lujiy oleh ‘Uṣmān Nār al-Dān berikut merupakan persamaan tentang vokal BA dan huruf saksi:

1. Mempunyai bentuk atau karakter yang sama.
2. Mempunyai cara menulis yang sama iaitu bermula dari kanan ke kiri.
3. Mempunyai sistem penulisan asas yang sama bila bersambung dengan konsonan.
4. Mempunyai sebutan dan bunyi asas yang sama iaitu /u/, /i/ dan /a/.

Jika dibincangkan mengenai fungsi huruf saksi TJ, banyak aspek yang perlu diteliti memandangkan penggunaannya yang boleh dikatakan masih belum stabil sepenuhnya. Terdapat banyak aspek yang perlu diteliti dalam penggunaan huruf saksi ini dalam membentuk sebuah TJ yang sempurna. Walau bagaimanapun, fungsi huruf saksi Jawi didapati banyak memainkan peranan penting dalam pembinaan kata BM TJ. Oleh kerana TJ mengalami proses revolusi peringkat demi peringkat sejak zaman sebelum kemerdekaan, huruf saksi TJ menjadi unsur yang penting dalam membezakan ejaan yang hampir sama namun berbeza makna. Seperti contoh perkataan *guli* dan *gulai*, *bom* dan *bumi* dan sebagainya.

Peranan huruf saksi TJ amat dititikberatkan dalam mengenali pasangan vokal dan gabungan vokal bagi pembinaan sebuah kosa kata (Hamdan Abdul Rahman, 1999: 237). Hukum *derlung*, *kagfa*, *hamzah*, *sisip alif pembeza* dan *hamzah sekedi* merupakan sistem yang boleh digunakan sebagai rujukan dalam pembinaan kata bagi TJ. Pemerhatian terhadap buku Hamdan Abdul Rahman (1999) mengenai TJ berikut antara panduan yang boleh dirujuk mengenai huruf saksi TJ merangkumi aspek berikut:

1. Peringkat suku kata terbuka
2. Peringkat suku kata tertutup
3. Kata pinjaman dari BI
4. Mengeja kata dasar
5. Kata Jati dan Serapan Bukan Arab

6. Kata Serapan Arab
7. Kata dasar empat suku kata ke atas.
8. Bentuk-bentuk lazim kata

2.6 Perbezaan dan Persamaan Vokal BM dan BA

Jika dilihat dari sudut bahasa itu sendiri, kedua –dua BM dan BA sememangnya tidak berada dalam rumpun yang sama. Melalui pemerhatian pengkaji terhadap sistem vokal BM seperti yang digariskan oleh Abdullah Hassan (2005) dan sistem vokal BA yang dibincangkan oleh Manaf Mahdi Muhammad al Mawsawi (1998), berikut merupakan persamaan dan perbezaan yang wujud antara kedua-dua jenis vokal tersebut:

1. Vokal dalam kedua-dua bahasa sangat diperlukan bagi membentuk satu perkataan kerana konsosnan tidak dapat dibunyikan tanpa penggunaan vokal. Seperti huruf كتب tidak dapat dibunyikan dan dibezakan golongan katanya selain memasukkan vokal terhadapnya. Maka ianya akan terbentuk seperti كتب و كتب. Begitu juga dengan BM konsonan berikut tidak difahami melainkan dimasukkan kepadanya peranan vokal. Seperti contoh *KY* perlu dimasukkan kepadanya vokal a iaitu *kaya*.
2. Vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal panjang dan vokal pendek. Vokal pendek disimbolkan seperti / - /, / - / dan / - /. Vokal panjang pula ialah alif / ۰ /, / ۱ /, dan / ۲ /.
3. Vokal panjang BA mempunyai ciri supra penggalan iaitu panjang-pendek dan ciri ini tidak terdapat dalam BM
4. Vokal BM mempunyai *rentetan vokal* di mana terdapat dua vokal atau lebih seperti perkataan *biaya, piutang, kiai* dan sebagainya.

5. Vokal BA mempunyai peranan dan fungsi dalam membezakan semantik bagi sesebuah kosakata dan juga ayat BA. Manakala vokal BM berperanan untuk menghubungkan di antara dua konsonan.
6. Vokal pendek dan panjang BA mempunyai nilai morfologi dan sintaksis yang menentukan aspek tatabahasa bagi sesebuah kosakata dan ayat seperti subjek dan predikat, *jr dan majrūr, ṣifat dan mawṣūf, muḍāf muḍāf ilayh* dan sebagainya. Manakala vokal BM tidak mempunyai aspek ini.
7. Vokal panjang BA juga memainkan peranan dalam bidang morfologi bagi menentukan kriteria kosa kata tersebut seperti *fā'il, maf' lun bih, mufrad, jama'*, dual dan sebagainya.
8. Vokal panjang BA bersifat fonemik iaitu membezakan makna kosa kata. Manakala vokal panjang dalam BM tidak bersifat fonemik. (Zaharani Ahmad dan Rakan, 2006).
9. Vokal pendek dan panjang BA menyumbangkan kepada pembentukan *wazan* atau formula kata kerja BA seperti *thul th* , *rub ' , khum s* dan *sud s* . Peranan ini juga tidak terdapat dalam BM.
10. Vokal panjang BA menentukan penggolongan kata bagi bilangan sama ada tunggal, dual atau jama' seperti مُسْلِمَانٌ، مُسْلِمٌ مُسْلِمُونَ dan مُسْلِمٌ.
11. Vokal panjang dalam BA menentukan pembentukan kata kerja kala kini dan kala lampau seperti فَعَلَ – يَفْعَلُ – يَفْعَلَانِ .

2.7 Sebutan dalam Kemahiran Bertutur

Kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran yang penting dalam menguasai bahasa ibunda maupun bahasa asing. Tanpa kemahiran menulis dan membaca, seseorang itu akan dianggap mempunyai ciri sesuatu bangsa hanya dengan menguasai kemahiran bertutur. Abdul Aziz Abdul Talib (1993: 65) menyebut bahawa penutur jati yang tidak

boleh menulis dan membaca, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa telah berlaku semata-mata secara lisan dan dalam keadaan tidak formal.

Menurut Mohd Hilmy Haji Ismail (1982: 68-69) dalam Abd Aziz Abd Talib (1993:67) pertuturan adalah menjadi asas kepada hampir semua pembelajaran bahasa. Pertuturan mendahului bacaan dan latihan bertulis. Murid-murid sepatutnya boleh menyusun fikiran dan idea-idea dalam pertuturan sebelum ia membuat latihan bertulis.

Kanak-kanak misalnya menggunakan kemahiran bertutur sebagai proses pertama komunikasi. Proses komunikasi ini berlangsung secara kesinambungan antara kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Kanak-kanak akan mengajuk setiap perkataan yang didengar untuk berkomunikasi. Melihat kepada perkembangan kanak-kanak dari seawal usia dua tahun, pemerolehan bahasa hanya berlaku melalui proses pendengaran dan pertuturan. Mereka tidak perlukan pen dan pemadam untuk mempelajari bahasa secara formal. Begitu juga dengan golongan yang buta huruf di mana boleh bertutur tetapi tidak menguasai kemahiran bertulis. Walau bagaimanapun mereka adalah golongan yang telah memperolehi bahasa.

Begitu juga dengan penutur bukan natif bahasa asing yang mempelajarinya di peringkat permulaan boleh diibaratkan sebagai kanak-kanak iaitu perlu mendapat pendedahan melalui kemahiran mendengar kemudian akan melalui proses komunikasi. Teori ini dibincangkan oleh Muhammad Salahuddin (1977) dalam Rosni samah (2009:6) yang mengusulkan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang utama yang perlu diajar kepada pelajar. Muhammad K mil al-N qat (1985:100) mengemukakan pendekatan kemahiran mendengar dan diikuti bertutur kepada pelajar bukan natif BA sebagai proses pengajaran dan pembelajaran bahasa asing.

Rosni Samah (2009:10) menjelaskan bahawa kemahiran asas bahasa perlu didahului dengan kemahiran mendengar dan diikuti selepasnya kemahiran bertutur bagi memastikan pelajar mampu menguasai kemahiran bercakap.

Darkin (1980) mengatakan tujuan kemahiran bertutur yang dijalankan di dalam kelas adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk melatih dan meningkatkan kemahiran bertutur sesama mereka.

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran pada peringkat produksi. Kemahiran ini akan berlaku selepas pelajar dapat mendengar dan memahami dengar baik tentang apa yang didengarkannya. Kemudian berdasarkan pengalaman yang dilalui tersebut pelajar dapat melalui proses pertuturan yang baik. Proses pertuturan dipengaruhi oleh faktor fizikal, persekitaran, jantina dan kesihatan. Proses pertuturan akan berlaku dengan baik setelah seseorang itu memahami konsep fonologi, intonasi, sistem bunyi bahasa yang lain dan struktur.

Menurut Kamil al-Naqat (1985:157) antara objektif kemahiran bertutur ialah mengenal perbezaan antara sebutan baris panjang dengan pendek. Aspek sebutan merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kemahiran bertutur. Bahkan ia juga menjadi asas utama dalam kemahiran membaca. Sebutan yang betul membawa kepada penyampaian bahasa yang sempurna. Gabungan bunyi tidak boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira bunyi yang terdahulu dengan bunyi yang hadir berikutnya (Alias Mohammad Yatim (1994:75). Bagi mencapai tahap sebutan yang sempurna bagi kemahiran mendengar, bertutur dan membaca, pelajar perlu diajar mengenal huruf dan bunyi-bunyi setiap huruf, tempat keluar huruf, suku kata, perkataan rangkai kata dan ayat-ayat.

(<http://www.scribd.com/doc/24984776/KEMAHIRAN-BERTUTUR>).

Rosni Samah (2009:58) mengatakan bahawa sebutan yang betul dan tepat dapat menggambarkan makna yang tepat dan betul. Bagi melatih pelajar menyebut dengan betul beberapa aktiviti pengajaran telah digariskan iaitu memberi peluang kepada pelajar supaya lebih kerap berinteraksi dalam pelbagai bentuk komunikasi seperti bercerita, berucap, berbincang, berlakon, dan sebagainya.

Dalam pembelajaran bahasa asing, masalah sebutan dianggap masalah yang paling utama. Menurut Ramaḍān Abd. al-Ṭawwāb (1967:30-33) kesalahan dalam bahasa Arab ialah penggunaan bahasa yang menyalahi tatabahasa standard iaitu bunyi, bentuk, struktur ayat dan baris-baris I'rāb. Dalam kertas kerja yang dihasilkan oleh Naimah dan rakan (2005) juga menyebut bahawa antara faktor kegagalan pelajar menguasai kemahiran bertutur adalah masalah sebutan dan nada iaitu intonasi.

Kamaruddin Hj. Husin (1999:28-30) antara aspek yang harus diberi perhatian dalam kemahiran pertuturan ialah sebutan, tekanan, intonasi, jeda, mora, tatabahasa, nada, kelancaran, kefasihan dan laras bahasa. Pendapat ini disokong oleh Ibrahim Abdullah (2003) menegaskan bahawa antara aspek-aspek penting yang memerlukan perhatian dalam sistem pengajaran ialah pengajaran sebutan, tekanan, intonasi dan lain-lain. Dalam pada itu, Ibrahim dan rakan (2009:323-326) menyebut antara masalah yang menyebabkan pelajar gagal menguasai kemahiran bertutur ialah aspek sebutan, aspek tekanan, aspek intonasi (naik dan turun), aspek jeda, aspek mora (panjang-pendek), kelancaran, kefasihan dan tatabahasa.

Aspek mora ialah tempoh panjang-pendek sebutan bagi sesuatu perkataan. Mora menurut Bloomfield (1992:125) ialah apabila memperkatakan hal-hal kuantiti, seringkali mudah bagi kita jika dibentuk satu unit sembarang jangka waktu relatif, disebut mora. Aspek ini tidak terdapat dalam BM. Perkataan “saya” dapat difahami dengan menyebut dalam gerakan pendek seperti [sa] dan [ya]. Begitu juga jika ia dipanjangkan seperti [saaa] dan [yaaa]. Dari susut semantik perkara ini tidak membezakan makna meskipun sebutan dan moranya telah berubah.

Aspek mora dalam BA sangat penting. Perubahan beberapa aspek linguistik akan berlaku jika aspek mora diabaikan. Hal ini termasuklah aspek morfologi, sintaksis. Semantik dan sebagainya. Sebagai contoh pada perkataan جَمْلَ (unta) dan جَمَالَ (kecantikan/keindahan). Perkataan جَمْلَ bermaksud *unta* tetapi جَمَالَ iaitu dengan memelihara sebutan bunyi vokal panjang // pada suku kata kedua terakhir membawa makna *kecantikan*. Pengabaian aspek mora pada perkataan جَمَالَ boleh memberi kesan kepada sudut semantik perkataan tersebut. Justeru aspek ini bukan sahaja memerlukan perhatian dalam menyebutnya malah turut memberikan implikasi kepada makna sesebuah perkataan dan aspek linguistik yang lain.

2.8 Sorotan Kajian Yang Lepas

Melihat kepada kajian-kajian yang lepas, isu vokal BA tidak pernah menjadi subjek utama penyelidikan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang telah dijalankan dalam bidang ini, banyak memberi perhatian terhadap isu sebutan konsonan BA, ejaan, bacaan dan sebagainya. Seringkali kajian terhadap vokal BA disisipkan dalam kajian-kajian tersebut.

Norhayuza dan rakan (2009) turut mengkaji *Masalah Penguasaan Kemahiran Bacaan Nyaring Di Kalangan Pelajar Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga Di UiTM*. Dalam kajian ini, penulis melihat tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran bacaan nyaring dan jenis-jenis kesilapan dalam proses tersebut. Antara aspek yang menjadi perhatian dalam kajian ini ialah sebutan, tekanan, kelancaran dan intonasi. Antara kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar berlaku dalam kriteria berikut iaitu penggunaan vokal panjang dan pendek BA, konsonan, partikel /ʃ/, intonasi dan kelancaran.

Dapatkan kajian juga turut menggariskan bahawa masalah sebutan vokal panjang dan pendek merupakan kesilapan yang terbesar berbanding yang lain. Pelajar telah mengaplikasikan fungsi yang salah dalam penggunaan vokal BA termasuk melenyapkan bunyi vokal panjang ketika bacaan nyaring, melakukan proses pemanjangan vokal pendek dan berlaku pertukaran antara vokal pendek.

Norhayuza dan rakan (2009) dalam kertas kerjanya bertajuk *Penilaian Kemahiran Bertutur Melalui Projek Rakaman VCD: Satu Pengalaman Di Unit Bahasa Arab UiTM* telah membincangkan dan berkongsi pengalaman terhadap penilaian bertutur melalui rakaman VCD yang disediakan oleh pelajar kursus BA. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa pelajar mengalami masalah dalam sebutan dan kelancaran. Antara masalah yang dilakukan oleh pelajar ialah aspek pemilihan kosa kata, kesalahan tatabahasa, gangguan bahasa ibunda, penggunaan intonasi yang mendatar dan sebagainya.

Selain BA, terdapat juga beberapa kajian yang berkaitan dalam bahasa lain. Antaranya seperti kajian yang dijalankan oleh Goh Suat Bee (2009) yang menjalankan analisis kesilapan penyebutan komponen vokal /ü/ terhadap pelajar bahasa Mandarin (BMD) di

UiTM. BMD mempunyai 7 vokal asli iaitu /a/, /i/, /u/, /e/, /ê/, /o/ dan /ü/. Kajian telah dijalankan terhadap pelajar BMD dalam tahap III. Kajian ini dijalankan terhadap para pelajar dengan kaedah pelajar diminta menyebutkan perkataan yang mengandungi sistem vokal /ü/ dengan tulisan Hanyu Pinyin yang standard. Kajian yang kedua pula iaitu dalam kategori B para pelajar dikehendaki menyebut perkataan yang mengandungi sistem vokal /ü/ dengan menunjukkan tulisan vokal /ü/ yang sebenarnya. Dapatkan kajian menunjukkan para pelajar telah melakukan kesilapan yang besar dalam menyebut sistem vokal /ü/. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan kesilapan penyebutan yang besar antara 2 jenis tulisan tersebut. Antara punca kepada masalah ini ialah pengaruh bahasa ibunda pelajar Melayu. Hal ini kerana dari ketujuh-tujuh vokal BMD adalah sama dengan BM kecuali vokal /ü/.

Suthanthiradevi (1996) mendapati bahawa murid-murid berbangsa India mengalami kesukaran dalam menyebut konsonan dan vokal BM. Apabila mereka menyebut beberapa perkataan BM ataupun bahasa asing yang lain, berlaku perubahan bunyi vokal dan konsonan yang paling hampir dengan bahasa Tamil. Mereka juga menghadapi masalah dalam sebutan konsonan /r/.

Lee dan rakan (2010) dalam kajian mereka yang bertajuk “*kesilapan Sebutan Fonem Awal dan Nada Dalam Pertuturan Bahasa Mandarin: Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Intersesi Peringkat Diploma, UiTM Shah Alam*” mendapati bahawa pelajar bukan natif bagi bahasa Mandarin (seterusnya disebut BMD) sering melakukan kesilapan sebutan terhadap fonem awal dengan nada dalam pertuturan BMD. Menggunakan sampel ujian bacaan yang disediakan, dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kekerapan kesilapan yang agak ketara antara sebutan fonem awal dengan nada. Didapati kesilapan terhadap sebutan nada telah menjaskan makna

asal skrip yang disediakan mencecah kepada 43.4 % berbanding kesilapan sebutan fonem awal. Kajian ini juga meletakkan nisbah bagi kedua-dua kesilapan tersebut kepada 2.3:1. Kewujudan 4 nada utama dalam BMD yang membezakan makna bagi sesebuah perkataan menjadi satu ciri yang unik dan baru bagi pelajar bukan natif. Justeru hasil kajian mendapati kesilapan sebutan berlaku dalam semua peringkat nada. Namun nada kedua dan keempat paling kerap disalahgunakan.

2.9 Penutup

Bab ini membincangkan teori yang berkaitan dengan vokal dari sudut fonetik dan fonologi. Kepentingan vokal dalam sesebuah bahasa turut dibincangkan bagi menjelaskan peranan vokal dalam sesebuah bahasa.

Bab ini turut menyentuh teori yang berkaitan dengan vokal BM dan BA dan melihat persamaan dan perbezaan antara keduanya. Hal ini kerana keberangkalian bahasa ibunda mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran vokal BA. Pengalaman mereka terhadap penggunaan vokal BM sedikit sebanyak mempengaruhi proses pembelajaran BA khususnya pembelajaran vokal BA. Huraian dibuat berdasarkan ciri fonetik dan fonologi bagi kedua-dua bahasa.

Pada dasarnya, BA dan BM mempunyai huruf vokal asas yang sama, namun kedua-duanya berbeza dari segi fungsi penggunaannya samada dalam bentuk pembinaan kata, penggolongan kata dan sebagainya. Melihat kepada persamaan dan perbezaan bagi BA dan BM, kajian menjangkakan bahawa antara punca kepada masalah sebutan bunyi vokal BA ini disebabkan pengaruh bahasa ibunda.

Di samping itu, sorotan terhadap kajian yang telah dilakukan dalam BA dan bahasa asing yang lain turut juga dibincangkan dalam bab ini.

Seterusnya pada bab yang ketiga, kajian akan membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan bagi mengumpul data berkaitan dan menghuraikan dalam bentuk sistematik dan jadual mengikut keperluan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini daripada awal sehingga akhir. Metodologi tersebut dijangka akan membantu kajian ini bagi mencapai objektif yang telah dinyatakan dalam bab yang pertama. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian seperti kaedah pengumpulan data, pensampelan, instrumentasi, dan kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini. Huraian mengenai perkara yang berkaitan akan disertakan dengan rajah dan jadual bagi menjelaskannya secara terperinci.

3.2 KAEADAH PENGUMPULAN DATA

Dalam menjalankan kajian terhadap masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar Melayu, kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data. Kaedah tersebut digabungkan sepanjang kajian ini dijalankan bagi proses pengumpulan data secara tersusun dan bersistematik. Kaedah yang dipilih merujuk kepada objektif kajian dan persoalan kajian yang menjadi perkara utama dan panduan asas kepada kajian ini. Berikut merupakan kaedah pengumpulan data terhadap kajian yang sedang dijalankan:

1. Kaedah Analisis Kandungan
2. Kaedah Tinjauan
3. Kaedah Pemerhatian

3.2.1 Kaedah Analisis Kandungan

Kaedah analisis dilakukan terhadap persembahan dialog pelajar secara berkumpulan melalui rakaman VCD yang diserahkan oleh pelajar kepada pensyarah. Analisis dijalankan dengan menilai sebutan pelajar dalam lakonan yang dirakamkan dalam VCD. Antara aspek yang dilihat pada kaedah ini ialah mengenalpasti jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar.

3.2.2 Kaedah Tinjauan

Dalam mencapai objektif kajian, kaedah tinjauan digunakan untuk medapatkan persepsi dari sampel mengenai masalah yang dikaji. Borang soal selidik telah digunakan dan diedarkan kepada pelajar dan pensyarah bagi melihat perspektif mereka terhadap kajian yang sedang dijalankan. Pengkaji menggunakan borang soal selidik untuk meninjau tentang tahap penguasaan pelajar terhadap vokal BA, kewujudan masalah sebutan bunyi vokal, jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA dan punca kepada masalah penguasaan sebutan bunyi tersebut.


Kaedah ini sangat penting bagi mendapatkan persepsi antara pelajar dan pensyarah terhadap masalah yang dihadapi oleh pelajar. Data yang diperoleh dari kaedah ini merupakan data kedua terpenting selepas data dari kaedah analisis kandungan. Kaedah soal selidik diharapkan dapat menyokong dan memantapkan data-data yang diperolehi melalui kaedah analisis yang dinyatakan sebelum ini.

3.2.3 Kaedah Pemerhatian

Menurut Mohd. Majid (1990:246) pemerhatian merupakan satu kaedah yang boleh mengukur sesuatu pemboleh ubah. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dijalankan di dalam kelas bagi melihat masalah sebutan bunyi vokal BA. Pemerhatian

dijalankan ketika pelajar diminta untuk membaca petikan dialog di dalam buku teks ketika sesi kelas bermula. Kaedah ini juga digunakan pada setiap kali aktiviti menyebut kosa kata dilakukan oleh pelajar dan ketika pelajar menjalani ujian yang berkaitan dengan sebutan. Pemerhatian juga dilakukan terhadap tahap penguasaan pelajar terhadap vokal BA dan punca kepada permasalahan tersebut. Proses ini berlangsung secara tidak langsung sepanjang proses P&P dalam kelas.

Proses pengumpulan data bagi kajian ini dapat dijelaskan dalam rajah berikut :



Rajah 3.1
Ringkasan Kaedah Pengumpulan Data

3.3 PENSAMPELAN

Bagi memudahkan proses mengumpul data, kaedah pensampelan telah digunakan. Mohd. Majid (2000:63) mengatakan bahawa kaedah ini merupakan satu strategi di mana penyelidik boleh mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada

sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Dalam kajian ini, sampel yang terlibat adalah seperti berikut:

3.3.1 Pelajar BA UiTM

Kajian ini dijalankan di UiTM kampus induk Shah Alam terhadap pelajar BA yang menduduki kursus bahasa Arab Komunikasi bagi keperluan universiti. Kursus ini ditawarkan kepada tiga peringkat iaitu peringkat pertama (bahasa Arab I/ BAB401), peringkat kedua (bahasa Arab II/BAB451) dan peringkat ketiga (bahasa Arab III/ BAB501). Para pelajar akan menduduki kursus ini selama tiga semester berturut-turut dimulai dengan kursus bahasa Arab I dan diakhiri dengan bahasa Arab III.

Pelajar akan mengikuti pengajian dalam kursus ini bagi semua peringkat sepanjang 14 minggu dengan tempoh pembelajaran sebanyak dua jam seminggu. Bagi melihat hasil pembelajaran BA dalam kalangan pelajar, mereka akan dinilai dengan beberapa jenis ujian yang telah ditetapkan. Salah satu ujian tersebut ialah projek berkumpulan di mana pelajar akan berlakon menggunakan dialog BA yang dibina sendiri seterusnya merakamkannya dalam bentuk video. Tugasan tersebut perlu merangkumi silabus pengajian yang telah diberikan. Penilaian untuk rakaman ini adalah dalam kategori Projek Bahasa iaitu sebanyak 30 peratus.

Oleh kerana ujian ini dijalankan dalam bentuk kumpulan, kajian ini tidak menghadkan jumlah pelajar sebagai salah satu sampel kajian. Sebaliknya penulis hanya mengkaji penggunaan vokal dalam kalangan pelajar melalui video tersebut. Walau bagaimanapun, pemilihan pelajar sebagai sampel dalam kajian ini dijalankan secara rawak daripada kumpulan pelajar tahap III Ijazah (kod kursus BAB501) di kampus Shah Alam.

Pemilihan ini dibuat berdasarkan pengalaman pelajar tersebut yang telah melalui dua tahap pengajian iaitu tahap I dan tahap II dan dijangkakan pengalaman tersebut akan membantu kajian ini.

Proses pembelajaran vokal BA berlaku dalam setiap sesi pengajian yang bermula dari tahap I dan tahap II dan terus berlangsung hingga tahap III. Proses ini berlaku secara langsung dan tidak langsung. Justeru pemilihan pelajar tahap III adalah bertepatan kerana pelajar boleh menggunakan pengalaman dan pengetahuan sedia ada terhadap vokal BA.

Merujuk kepada latar belakang 72 pelajar yang terlibat dalam kajian ini, 15 daripada mereka ialah pelajar lelaki dan 57 pula pelajar perempuan. Berikut ialah pecahan jantina pelajar yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 3.1
Jadual Jantina Pelajar

Jantina	Bil	Peratus (%)
Lelaki	15	20.8%
Perempuan	57	79.1%
Jumlah	72	100

Pelajar yang terlibat dalam kajian ini kebanyakannya berusia antara 20-23 tahun dan amat mendominasi kajian ini. Dengan bilangan seramai 63 orang, mereka mewakili lebih daripada separuh jumlah pelajar yang terlibat iaitu 72 orang. Selebihnya berusia di antara 24-26 tahun. Berikut adalah maklumat usia pelajar yang terlibat dalam kajian ini:

Jadual 3.2
Jadual Usia Pelajar

Umur	Bil	Peratus (%)
20-23 tahun	63	87.5%
24-26 tahun	7	9.7%
Jumlah	70	100

Pemilihan pelajar ini dijalankan secara rawak tanpa melihat latar belakang pendidikan BA mereka. Terdapat sampel yang mempunyai latar belakang BA dan juga sebaliknya. Berikut merupakan jadual latar belakang pendidikan BA mereka.

Jadual 3.3
Jadual Latar Belakang Pendidikan BA

Umur	Bil	Peratus (%)
Pernah Belajar Bahasa Arab	44	61.1%
Tidak Pernah Belajar Bahasa Arab	27	37.5%
Jumlah	71	100

Bagi pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan BA semasa di sekolah, mereka didapati mempunyai tempoh pengalaman pengajian BA yang berbeza-beza. Tempoh 3-5 tahun merupakan tempoh yang paling kerap diikuti oleh pelajar. Di bawah adalah pecahan bilangan pelajar yang mengikuti tempoh pembelajaran BA di sekolah.

Jadual 3.4
Jadual Tempoh Mempelajari BA di Peringkat Sekolah

Umur	Bil	Peratus (%)
1-3 tahun	20	45.4%
3-5 tahun	24	54.5%
Jumlah	44	100

Dari pemerhatian pengkaji, pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan BA sememangnya mempunyai nilai tambah dalam pembelajaran BA di UiTM. Walau bagaimanapun itu bukan jaminan bahawa mereka akan memperolehi keputusan yang cemerlang sepanjang sesi pembelajaran BA di UiTM. Adakalanya pencapaian mereka adalah berbeza bagi setiap tahap yang diduduki. Malah ada juga dalam kalangan mereka yang tidak mencapai tahap yang cemerlang dalam ujian-ujian BA yang dijalankan walaupun mempunyai asas BA yang baik. Sebaliknya kepada pelajar yang tidak mempunyai pengalaman dalam pendidikan BA kadangkala lebih menonjol pencapaian

dalam ujian-ujian yang dijalankan. Justeru faktor inilah yang mendorongkajian ini memilih sampel dalam kalangan pelajar secara rawak.

3.3.2 Pensyarah BA UiTM

Para pensyarah BA dipilih sebagai responden kajian bagi melihat perspektif mereka terhadap penguasaan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Seramai 22 orang pensyarah telah terlibat dalam kajian ini iaitu seramai 18 orang pensyarah dari UiTM Kampus Shah Alam dan 4 dari UiTM negeri. Tiada pemilihan kriteria tertentu dalam kalangan pensyarah kerana ianya dijalankan secara rawak.

3.4 INSTRUMENTASI

Bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian, berikut merupakan instrumen yang digunakan:

3.4.1 VCD

Data dari VCD merupakan data utama bagi kajian ini. Analisis terhadap VCD merangkumi aspek sebutan bunyi vokal dengan melihat kesepadan setiap kosa kata yang terdapat dalam skrip dialog yang disediakan oleh pelajar. Penelitian terhadap setiap sebutan pada perkataan akan dinilai dan data kesilapan tersebut akan dikategorikan mengikut jenis kesilapan yang berlaku.

Salah satu criteria penilaian kursus BA di UiTM, pelajar diminta menyediakan satu persembahan lakonan yang memerlukan para pelajar berdialog dan dirakam dalam cakera padat berbentuk video. Tujuan penilaian ini diwujudkan bagi melihat hasil pembelajaran BA sepanjang satu semester mengikut tahap pembelajaran masing-masing terutamanya menilai tahap penguasaan kemahiran bertutur.

Pelajar dikehendaki membentuk satu kumpulan yang terdiri dari rakan kelas dengan bilangan lima sehingga lapan orang bagi satu kumpulan. Pelajar dimaklumkan mengenai tugas ini pada hari pertama kelas BA dimulakan dan pensyarah akan memantau perkembangan gerak kerja bagi projek ini. Pelajar dikehendaki berbincang mengenai intipati yang akan dilakukan dengan menggunakan silabus tahap pengajian BA. Seterusnya pelajar akan merangka dialog yang berkaitan dengan situasi yang dipersetujui.

Rakaman tersebut tidak menghadkan penggunaan masa. Namun setiap pelajar dalam kumpulan tersebut diminta untuk berkomunikasi sekurang-kurangnya 10 ayat bagi sepanjang tempoh rakaman tersebut. Walau bagaimanapun pelajar telah dimaklumkan bahawa ungkapan-ungkapan BA yang sering digunakan tidak akan dinilai kerana setiap pelajar harus menggunakan sebagai ungkapan harian. Ungkapan tersebut seperti أَهْلًا وَسَهْلًا، صَبَّاحُ الْخَيْرِ، صَبَّاحُ النُّورِ، شُكْرًا، عَفْوًا، إِلَى الْلَّقَاءِ، مَعَ السَّلَامَةِ.

Pelajar juga bebas memilih situasi lakonan selagi mana tidak terkeluar daripada silabus yang ditetapkan. Sumber rujukan utama bagi tugas ini adalah buku teks yang digunakan di dalam kelas. Pelajar juga diberi ruang untuk memilih tempat lakonan dan ianya tidak semestinya ianya berlaku dalam kampus sahaja. Namun begitu, pelajar diingatkan agar mengikut undang-undang dan peraturan sekiranya ingin menjalankan lakonan dan rakaman di tempat yang memerlukan prosedur tertentu. Dalam masa yang sama, pelajar diminta menyediakan skrip bagi situasi lakonan yang telah dipersetujui bersama ahli kumpulan.

Bagi memastikan pelajar terpandu dalam menyelesaikan tugas ini, pelajar diminta untuk menyediakan draf pertama tentang situasi lakonan dengan menghantar skrip kepada pensyarah pada minggu ke 10. Pensyarah akan memeriksa skrip tersebut dan

membincangkan situasi yang dipilih berdasarkan silabus. Semakan terhadap skrip juga akan dinilai dari segi penggunaan kosa kata, pemilihan kosa kata yang sesuai, penggunaan nahu yang betul dan sebagainya. Pensyarah juga akan memberikan panduan yang sesuai kepada ahli kumpulan bagi memastikan rakaman yang akan dijalankan berlangsung dengan baik.

Setelah draf yang disediakan oleh pelajar mendapat persetujuan dari pensyarah, pelajar mempunyai tempoh masa sebanyak tiga minggu bagi melakonkan situasi yang dipersetujui oleh semua ahli kumpulan. Lakonan tersebut perlu dirakamkan oleh pelajar dalam bentuk VCD dengan memastikan kualiti video dan suara yang baik. Setelah semuanya telah lengkap dan siap pelajar dikehendaki menyerahkan video tersebut berserta skrip dialog kepada pensyarah pada minggu ke 14.

Sebagai prosedur penyerahan, pelajar dikehendaki mengisi borang yang disediakan dan menandatanganinya sebagai tanda penyerahan. Setiap ahli kumpulan bertanggungjawab memastikan penyerahan tersebut dilakukan kepada pensyarah. Pada borang tersebut juga, setiap ahli kumpulan perlu mengisi maklumat yang diperlukan seperti nama, nombor pelajar dan nombor telefon.

Bagi melihat proses penyediaan VCD bagi projek bahasa dengan lebih jelas, berikut merupakan carta gerak kerja yang perlu diikuti oleh pelajar.

Minggu Pertama Kelas

- Pelajar dimaklumkan mengenai tugas projek berkumpulan.
- Pelajar diberi panduan penyediaan projek berkumpulan.

Minggu Ke2 - Minggu Ke 9

- Pemilihan ahli kumpulan di dalam kelas (5-8 orang).
- Perbincangan mengenai situasi yang ingin dipersembahkan.
- Menulis skrip lakonan.(Setiap pelajar dikehendaki melakonkan 10 ayat berdasarkan silabus)

Minggu ke 10

Pelajar menyerahkan draf pertama dialog kepada pensyarah.

Minggu ke 11 -13

- Menyediakan skrip bagi situasi lakonan tersebut.
- Pelajar melakonkan situasi dan merakamkannya dalam bentuk video.

Minggu ke 14

Pelajar menyerahkan video dan skrip kepada pensyarah

Rajah 3.2 Carta Gerak Kerja Penyediaan Projek VCD

Kajian ini telah memilih sebanyak 10 keping VCD yang dipilih secara rawak dari beberapa kelas BA tahap III. Kemudian proses menganalisis VCD dilakukan bagi mengenal pasti masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Proses tersebut menghadkan penelitian terhadap masalah sebutan bunyi vokal BA kepada isi kandungan lakonan pelajar sahaja. Hal ini kerana pada setiap rakaman video pelajar, terdapat sesi perkenalan bagi semua ahli kumpulan. Penilaian terhadap sebutan bunyi vokal pelajar diamati selama 3 minit pertama bagi setiap rakaman video yang dipilih.


Peringkat permulaan mengumpul data pada tahap ini ialah dengan meneliti kesepadan antara dialog yang terkandung dalam VCD dan skrip yang telah diserahkan bersamanya. Proses ini penting bagi melihat dialog yang digunakan dalam rakaman tersebut selari

dengan skrip yang telah ditulis. Hal ini juga bagi memastikan apa yang terkandung dalam skrip tersebut bertepatan dengan sebutan pelajar terhadap vokal panjang dan pendek BA.

Seterusnya penganalisisan VCD memfokuskan kepada masalah sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar. Pengkaji mendengar sebutan pelajar dalam VCD dan mencatatkan setiap perkataan yang berlaku padanya kesilapan sebutan bunyi vokal. Setiap perkataan yang dicatat tidak ditentukan kategori sebaliknya proses ini sekadar merekod semua kesilapan sebutan bunyi vokal BA yang berlaku. Setiap perkataan yang dicatat tersebut merangkumi kesilapan sebutan bunyi vokal panjang dan pendek BA.

Seterusnya data yang diperolehi dari analisis VCD tersebut, dikategorikan mengikut jenis yang telah ditetapkan. Pada peringkat ini, penentuan kategori dapat ditetapkan setelah melihat variasi kesilapan sebutan vokal yang belaku. Proses ini merupakan proses yang sangat penting bagi melihat jenis kesilapan yang berlaku dan kekerapan kesilapan tersebut. Antara contoh kategori yang ditentukan ialah kesilapan sebutan bunyi vokal BA mengikut golongan kata, bilangan suku kata yang berlaku kesilapan dan sebagainya. Selain itu, penulis turut mengkaji jenis vokal yang selalu menjadi masalah dalam sebutan para pelajar. Oleh kerana vokal BA melibatkan vokal panjang dan pendek, justeru kajian ini juga perlu mengenalpasti vokal jenis manakah yang sering berlaku kesilapan sebutan dalam kalangan pelajar.

Bagi melihat aliran analisis VCD, berikut merupakan carta proses menganalisis VCD pelajar yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 3.3
Carta Proses Menganalisis Data VCD

3.4.2 Borang Soal Selidik pelajar

Satu set borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Borang tersebut telah diedarkan kepada 72 orang pelajar BA tahap III peringkat Ijazah (Kod Kursus BAB501) di UiTM yang bertujuan untuk meninjau pandangan pelajar terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian. Antaranya ialah melihat pandangan mereka terhadap masalah sebutan bunyi vokal BA yang sering dihadapi dan sejauh manakah kesedaran mereka terhadap permasalahan ini serta meninjau punca dan ciri-ciri BA yang menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal.

Borang ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- 1- Bahagian A – Maklumat Peribadi Pelajar
- 2- Bahagian B – Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA
- 3- Bahagian C – Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

3.4.2.1 Bahagian A - Maklumat Peribadi Pelajar

Dalam bahagian ini, maklumat peribadi pelajar merangkumi jantina, umur, latar belakang pendidikan BA di sekolah dan tempoh pendidikan BA.

3.4.2.2 Bahagian B- Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Pada bahagian ini tumpuan diberikan terhadap persepsi pelajar mengenai tahap penguasaan vokal BA, kewujudan masalah sebutan bunyi vokal dan jenis kesilapan yang dilakukan. Justeru bahagian ini telah dikategorikan kepada sub bahagian yang kecil seperti di bawah:

3.4.2.2.1 Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Data pada bahagian ini dikutip bagi menilai tahap penguasaan vokal dalam kalangan pelajar. Di samping itu, data ini juga amat penting bagi menilai pengetahuan dan pemahaman pelajar terhadap konsep, ciri dan fungsi vokal BA.

3.4.2.2.2 Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Bahagian ini bagi melihat kewujudan masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar atau sebaliknya.

3.4.2.2.3 Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

Pada bahagian ini, berikut merupakan perkara yang dirangkumkan dalam borang soal selidik:

- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA iaitu pelajar melakukan pengguguran vokal, penambahan vokal, penggantian vokal dan pengguguran serta penambahan vokal;
- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA dari aspek golongan kata BA;
- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA dari aspek bilangan sukukata kosa kata BA;
- Jenis kesilapan lain terhadap bunyi vokal panjang dan pendek BA.

3.4.2.3 Bahagian C – Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

Bagi melihat punca kepada masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar, pada bahagian ini, berikut merupakan pembahagian yang telah ditetapkan:

- Punca Daripada Masalah Dalaman Pelajar
- Punca Daripada Ciri Bahasa Arab.

3.4.3 Borang Soal Selidik Pensyarah

Satu set borang soal selidik telah digunakan sebagai alat pengumpulan data dalam kajian ini. Borang terebut telah diedarkan kepada 22 orang pensyarah BA di UiTM yang bertujuan untuk meninjau pandangan pensyarah terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan kajian. Antaranya ialah melihat kewujudan masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar, punca kepada masalah tersebut, dan cadangan yang perlu untuk mengatasinya.

Borang ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

1. Bahagian A – Maklumat Peribadi Pensyarah
2. Bahagian B - Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA
3. Bahagian C – Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

3.4.3.1 Bahagian A - Maklumat Peribadi Pensyarah

Dalam bahagian ini, maklumat peribadi pensyarah merangkumi jantina, pengkhususan bidang, pengalaman mengajar BA dan tempoh pengalaman mengajar.

3.4.3.2 Bahagian B - Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Bahagian ini bertujuan untuk melihat persepsi pensyarah terhadap tahap penguasaan vokal BA dalam kalangan pelajar, kewujudan masalah sebutan bunyi vokal dan jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Beberapa item yang tertentu telah disenaraikan pada bahagian ini bagi mendapatkan data yang berkaitan. Justeru bahagian ini dikategorikan seperti sub bahagian di bawah:

3.4.3.2.1 Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Perkara yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah tahap pendedahan yang diperolehi pelajar terhadap konsep dan ciri vokal BA.

3.4.3.2.2 Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Bahagian ini ditetapkan bagi mengenal pasti kewujudan masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar.

3.4.3.2.3 Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

Pada bahagian ini, berikut merupakan perkara yang dirangkumkan dalam borang soal selidik:

- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA iaitu pelajar melakukan pengguguran vokal, penambahan vokal, penggantian vokal dan pengguguran dan penambahan vokal;
- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA dari aspek golongan kata BA;
- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal Ba dari aspek bilangan sukukata kosa kata BA;
- Jenis kesilapan terhadap bunyi vokal panjang dan pendek BA.

3.4.3.3 Bahagian C – Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

Bagi melihat punca kepada masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar, berikut perkara yang terkandung pada bahagian ini:

- Faktor Dalaman Diri Pelajar
- Faktor Ciri Bahasa Arab

3.4.4 Buku teks BA

Buku teks BA peringkat Ijazah bagi kod kursus BAB501 digunakan ketika pengkaji melakukan proses pemerhatian terhadap sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Buku ini mengandungi tiga bab di mana terdapat dalamnya beberapa dialog atau petikan ayat pendek yang berkaitan dengan tajuk.

Dalam proses pembelajaran pensyarah lazimnya akan membacakan dahulu dialog dan petikan sementara pelajar perlu mendengarnya dan memerhatikan perkataan dalam dialog dan petikan tersebut. Kemudian pensyarah akan membaca sekali lagi dan diikuti oleh pelajar. Bagi bahagian dialog, pelajar diminta memilih pasangan untuk melatih bacaan dialog tersebut. Ada kalanya pensyarah akan berpasangan dengan pelajar bagi latih tubi bacaan. Untuk petikan pendek, pensyarah kadangkala memilih pelajar atau membaca secara berkumpulan dan ada juga pelajar secara sukarela membacanya. Daripada kedua-dua proses inilah kaedah pemerhatian dijalankan terhadap sebutan bunyi vokal BA di kalangan pelajar.

3.4.5 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dilakukan pada sessi pembelajaran BA di kampus UiTM, Shah Alam bagi mendapatkan sokongan data dan menguatkan data yang sedia ada.

Melalui kaedah ini beberapa perkara telah disenaraikan bagi proses mendapatkan maklumat yang berkaitan:

- Pemerhatian terhadap sebutan bunyi vokal BA;
- Pemerhatian terhadap masalah sebutan bunyi vokal BA;
- Pemerhatian terhadap jenis kesilapan sebutan vokal yang dilakukan oleh pelajar;
- Pemerhatian terhadap punca masalah sebutan vokal BA;
- Pemerhatian terhadap idea, pandangan dan permasalahan yang dikemukakan oleh pensyarah BA sewaktu membincangkan isu-isu P&P BA.

3.4.6 Skala Likert

Kajian ini menggunakan skala *likert* dalam borang soal selidik pensyarah dan pelajar. Hal ini kerana ia mudah untuk ditadbir urus kerana mempunyai format yang mudah untuk proses analisis. Skala yang digunakan dalam kedua-dua set borang soal selidik pensyarah dan pelajar bagi semua bahagian adalah Sangat Setuju, Setuju, Tidak Pasti, Kurang Setuju dan Tidak setuju.

3.5 KAEDEAH ANALISIS DATA

Data yang telah dikumpul seterusnya dianalisa bagi mendapatkan dapatan kajian. Terdapat dua data yang perlu dianalisis pada bahagian ini iaitu analisis data VCD dan borang soal selidik pelajar dan pensyarah.

3.5.1 Analisis Data VCD

Data yang diperolehi melalui VCD (rujuk rajah 3.3) dianalisis menggunakan perisian Microsoft Excell untuk mendapatkan peratus dan kekerapan bagi setiap kategori yang

telah ditetapkan. Berikut merupakan kategori yang telah ditetapkan bagi menganalisis data pada bahagian ini.

1. Analisis data berdasarkan jenis kesilapan sebutan vokal;
2. Analisis data berdasarkan kesilapan sebutan mengikut jenis golongan kata;
3. Analisis data berdasarkan kesilapan sebutan mengikut suku kata bagi setiap perkataan.


3.5.2 Analisis Data Borang Soal Selidik Pelajar

Data yang diperolehi daripada borang soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa kategori yang telah disebut di atas. Pada bahagian A (Maklumat Peribadi Pelajar) pengkaji cuma melihat kepada kekerapan dan peratusan manakala pada bahagian B (Masalah Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA) dan bahagian C (Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA) pengkaji ingin melihat kekerapan, peratus dan min bagi melihat hasil dapatan bagi kajian ini. Untuk tujuan ini, pengkaji telah menggunakan program *Statistical Package for Social Science (SPSS)* bagi semua bahagian.

3.5.3 Analisis Data Borang Soal Selidik Pensyarah

Data yang diperolehi melalui borang soal selidik pensyarah dianalisis seperti data dari borang soal selidik pelajar iaitu data yang diperolehi pada bahagian A (Maklumat Peribadi Pelajar) bertujuan melihat kepada kekerapan dan peratusan manakala pada bahagian B (Masalah Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA) dan bahagian C (Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA) kajian mencari kekerapan, peratus dan min bagi melihat hasil dapatan bagi kajian ini. Data tersebut digunakan sebagai menyokong data yang diperolehi oleh data pelajar. Data dianalisis melalui Program *SPSS* bagi melihat kekerapan dan frekuensi dalam mencari hasil kajian yang tepat.

Rajah 3.4 menerangkan kaedah menganalisis data yang dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 3.4
Ringkasan Kaedah Analisis Data

3.6 Penutup

Kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah bagi mengumpul data yang bersesuaian dengan objektif yang telah ditetapkan. Penggunaan kaedah seperti analisis kandungan dan tinjauan dalam borang soal selidik telah membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang diperlukan. Di samping itu juga, kajian ini telah menggunakan kaedah pemerhatian bagi menyokong data yang telah diperolehi melalui dua kaedah di atas.

Dalam kajian ini sampel yang terlibat ialah pelajar dan pensyarah serta menggunakan beberapa instrumentasi kepada dua-dua sampel tersebut seperti VCD, borang soal selidik dan pemerhatian. Kedua-duanya merupakan antara reka bentuk kajian bagi penyelidikan ini.

Data yang diperolehi dianalisa dan dibincangkan dalam bab 4.

BAB EMPAT

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan analisis data yang diperolehi bagi kajian yang dijalankan. Analisis tersebut akan menghuraikan perkara berkaitan masalah kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar yang disenaraikan dalam bentuk jadual dan rajah. Di samping itu juga, data daripada soal selidik dalam kalangan pensyarah dan pelajar turut dibincangkan dalam bab ini.

4.2 Analisis VCD

Bagi memudahkan proses analisis VCD tersebut, pengkategorian data dibuat berdasarkan perkara di bawah:

- 1- Analisis data berdasarkan jenis kesilapan sebutan vokal.
- 2- Analisis data berdasarkan kesilapan sebutan mengikut jenis golongan kata.
- 3- Analisis data berdasarkan kesilapan sebutan mengikut suku kata bagi setiap perkataan.

Dari pengkategorian tersebut, data yang diperolehi akan dikira bagi mendapatkan hasil yang sewajarnya. Prinsip mengira kesalahan yang digunakan adalah seperti berikut:


X	x	100%
Kekerapan		
X	= Bilangan Kesalahan Sebutan	
Kekerapan	= Jumlah keseluruhan kesalahan sebutan setiap kali sesuatu kesalahan penyebutan berlaku.	

4.2.1 Analisis Data Berdasarkan Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

Berdasarkan analisis VCD pelajar, terdapat 62 kesilapan sebutan bunyi vokal BA telah dikenal pasti. Dapatkan data menunjukkan kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar adalah seperti berikut:

- Penambahan bunyi vokal
- Pengguguran bunyi vokal
- Penggantian bunyi vokal
- Pengguguran dan penggantian bunyi vokal
- Pertukaran bunyi vokal

Berikut merupakan rajah yang menunjukkan jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA yang berlaku dalam kalangan pelajar.



Rajah 4.1
Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA

Rajah 4.1 menunjukkan bahawa pelajar lebih banyak melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal dengan menambah sebutan bunyi vokal panjang dalam perkataan. Kesilapan ini melibatkan kekerapan sebanyak 31 kali iaitu 45%. Sebagai contoh perkataan “نعم” pelajar telah menyebutnya “نعم” iaitu menambah vokal panjang //

pada suku kata kedua. Kesilapan tersebut diikuti dengan berlakunya pengguguran vokal dalam perkataan iaitu sebanyak 26 kesilapan bersamaan dengan 39%. Kesilapan ini berlaku pada perkataan seperti "الدُّرُوس" dan pelajar telah menyebut "الدُّرُس" iaitu dengan menggugurkan vokal panjang /و/ selepas huruf /y/. Kadangkala pelajar juga mengantikan vokal yang sepatutnya dengan vokal yang lain seperti pada perkataan "راجَعْتْ" kepada perkataan "راجَعْتْ". Terdapat 7 kesilapan penggantian vokal iaitu dengan peratus 12%. Pertukaran dan pengguguran serta penggantian masing-masing menunjukkan satu kesalahan dengan peratus sebanyak 2%.

4.2.1.1 Penambahan Bunyi Vokal

Melalui analisis yang dilakukan, penambahan bunyi vokal mencatatkan kesilapan tertinggi berbanding kategori yang lain. Penambahan bunyi vokal kesemuanya melibatkan penambahan bunyi vokal panjang. Sebanyak 46% kesilapan yang melibatkan penambahan sebutan bunyi vokal panjang. Penambahan tersebut juga merangkumi ketiga-tiga jenis vokal panjang iaitu /ا/, /و/ dan /ي/.

Daripada ketiga-tiga jenis vokal panjang itu pula, vokal /ا/ merupakan yang terbanyak terlibat dengan kesilapan penambahan bunyi vokal. Antara contoh penambahan vokal penambahan bunyi ialah pada perkataan seperti berikut:

Jadual 4.1
Jadual Kesilapan Penambahan Bunyi Vokal /ا/

Kesilapan Sebutan Yang Berlaku	Sebutan Yang Sebenar	Makna
شَاهْر	شَهْر	Bulan
سَهْلَة	سَهْلَة	Mudah/Senang

‘Jadual 4.1: Sambungan’

العَرَبِيَّةُ	العَرَبِيَّةُ	Arab
كَيْفَا	كَيْفَ	Bagaimana
الطَّارِيقُ	الطَّرِيقُ	Jalan
رَحْمَةٌ	رَحْمَةٌ	Rahmat
جَنَّاهُ	جَنَّةٌ	Syurga
مَغَاصُ	مَغَصٌ	Sakit Perut
فَعَلْتَا	فَعَلْتَ	Kamu telah lakukan
أَيْنَا	أَيْنِ	Di mana

Jika diperhatikan pada jadual 4.1 terdapat beberapa perkataan yang berlaku penambahan bunyi vokal /ا/ / telah menyebabkan pertukaran makna secara serta merta. Sebagai contoh perkataan **مَغَصٌ** yang bermaksud *sakit perut/kembung perut*. Walau bagaimanapun makna bagi perkataan tersebut telah berubah setelah berlakunya penambahan bunyi vokal // pada suku kata kedua perkataan tersebut menjadi **مَغَاصٌ**. Penambahan bunyi vokal tersebut telah membawa makna baru iaitu *tempat menyelam*. Implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal ini yang merubah makna perkataan asal turut melibat kesilapan pada makna sesebuah ayat. Misalnya, perkataan **مَغَصٌ** pada ayat **أَنَا مُصَابَةٌ بِالْمَغَصِّ** yang bermaksud *saya sakit perut/ kembung perut* telah disebut **أَنَا مُصَابَةٌ بِالْمَغَاصِ** membawa maksud *saya sakit tempat menyelam*. Hal ini menunjukkan bahawa kesilapan sebutan bunyi vokal bukan sahaja mengubah makna perkataan malah turut memberi implikasi kepada ayat yang dimaksudkan.

Bagi bunyi vokal /و/ / dan /ي/ / pula berikut merupakan antara contoh kesilapan sebutan bunyi vokal yang berlaku dalam kalangan pelajar dengan menambah kedua-dua bunyi tersebut pada sesebuah perkataan:

Jadual 4.2

Kesilapan Penambahan Bunyi Vokal /ي/ dan /و/

Kesilapan Sebutan Yang Berlaku	Sebutan Yang Sebenar	Makna
حالكِي	حالكَ	Keadaan awak
الشَّاغِرَةِ	الشَّاغِرَة	Kosong
آسِيف	آسَف	Saya mohon maaf
شَهْرِي	شَهْر	Bulan
ادْخُول	ادْخُل	Silakan masuk
أُحْبُو	أُحِبُّ	Saya suka

Merujuk kepada jadual 4.2 di atas, jelas menunjukkan bahawa penambahan bunyi vokal pada perkataan tertentu telah menyebabkan perubahan makna asal yang sepatutnya digunakan. Penambahan tersebut berlaku pada perkataan شهر yang membawa makna *bulan*. Walau bagaimanapun pelajar telah menambah bunyi vokal /ي/ di hujung perkataan tersebut ketika menyebutnya iaitu شهری maka maknanya telah menjadi *bulan saya*.

Begitu juga pada perkataan حالكِي. Berlaku keadaan yang serupa apabila berlaku penambahan bunyi vokal /ي/ di hujung perkataan. Hal yang demikian membawa kepada kekeliruan makna kerana perkataan tersebut pada asalnya terdiri daripada gabungan perkataan حال iaitu *keadaan* dan اك /ك/ iaitu *awak* untuk perempuan(kata ganti nama bersambung). Apabila ditambah bunyi vokal /ي/ di hujung perkataan tersebut menjadi حالكِي، hasilnya ia membawa makna *keadaan awak saya*. Hal ini kerana bunyi vokal panjang /ي/ yang ditambah di sini mempunyai tugas yang sama seperti /ك/ iaitu sebagai kata ganti nama bersambung yang membawa maksud *saya*. Apabila dua kata ganti nama digunakan pada perkataan حال، maka berlakulah

kekeliruan makna dan maksud sebenar kepada perkataan sekali gus ayat yang digunakan secara keseluruhannya.

4.2.1.2 Pengguguran Bunyi Vokal

Jadual 4.1 telah menunjukkan bahawa pengguguran bunyi vokal mencatat kesilapan kedua tertinggi iaitu 39%. Melalui analisis yang dijalankan, pengguguran bunyi vokal berlaku dalam kedua-dua jenis vokal BA iaitu vokal panjang dan vokal pendek. Daripada 62 perkataan terdapat 26 perkataan yang mengalami pengguguran bunyi vokal. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan contoh perkataan yang mengalami pengguguran bunyi vokal.

**Jadual 4.3
Kesilapan Pengguguran Bunyi Vokal**

Perkataan yang berlaku penambahan bunyi vokal	Perkataan yang sebenar	Makna
صِدْقَتِي	صَدِيقَتِي	Kawan ku
قَرِب	قَرِيب	Dekat/hampir
تَسْتَعِدُنْ	تَسْتَعِدُنْ	Awak (P) bersedia
أَصْدَقَاءَ	أَصْدَقَائِي	Kawan-kawan ku/saya
صَحَّت	صَحَّتِي	Kesihatanku/saya
مَدَّة	مَادَّة	subjek
مُشْتَقَّة	مُشْتَاقَّة	Rindu(p)
حَلْك	حَالْك	Keadaan awak
امْتَحَنْ	امْتَحَان	Peperiksaan
سَيَّرَة	سَيَّارَة	Kereta
الدُّرُس	الدُّرُوس	Pelajaran-pelajaran
سَنْكُنْ	سَنْكُون	Kita akan berada

Jadual 4.3 menunjukkan pengguguran bunyi vokal kerap berlaku pada suku kata terakhir dan kedua terakhir. Pengguguran tersebut seperti pada perkataan **أَصْدِقَائِي** di mana berlaku pengguguran bunyi vokal /ي/ pada suku kata terakhir. Pelajar telah menyebutnya sebagai **أَصْدِقَاءُ**. Proses ini melibatkan perubahan makna kerana pengguguran vokal panjang /ي/ yang membawa maksud “saya” merupakan kata ganti nama bersambung. Mengikut perkataan yang dimaksudkan ialah *kawan-kawan saya* iaitu **أَصْدِقَائِي**, namun oleh kerana berlaku pengguguran bunyi vokal /ي/ maka maknanya telah bertukar kepada *kawan-kawan*. Kesilapan ini telah mengakibatkan berlaku perubahan makna sekaligus menyebabkan ayat keseluruhannya menjadi janggal. Perkara ini turut berlaku pada perkataan **امْتَحَانٌ** yang menunjukkan bunyi vokal /ا/ telah digugurkan pada suku kata kedua terakhir menjadi disebut **امْتَحَنٌ**. Perkataan **الدُّرُوسُ** pula telah berlaku pengguguran bunyi vokal /و/ pada suku kata kedua terakhir menjadi **الدُّرسُ**.

4.2.1.3 Penggantian Bunyi Vokal

Antara jenis kesilapan lain yang dilakukan oleh pelajar ialah menggantikan bunyi vokal. Penggantian ini berlaku pada beberapa perkataan di mana bunyi vokal asal telah digantikan dengan bunyi vokal yang lain. Walau bagaimanapun kesilapan jenis ini cuma berlaku pada satu bunyi vokal sahaja dan hanya melibatkan bunyi vokal pendek. Berikut merupakan contoh kepada kesilapan penggantian bunyi vokal.

Jadual 4.4
Kesilapan Penggantian Bunyi Vokal

Perkataan yang berlaku penambahan bunyi vokal	Perkataan yang sebenar	Makna
الدَّور	الدَّور	tingkat
مُرَضَّة	مُرَضَّة	Jururawat(p)
عَبَرْتُ	عَبَرْتُ	Saya telah melintas

‘Jadual 4.4: Sambungan’

نُشَاهَدْ	نُشَاهَدْ	Kami menontong
الدُّرُوسْ	الدُّرُوسْ	subjek
بِالْخَيْرِ	بِالْخَيْرِ	Baik(keadaan)

Jadual 4.4 mencatatkan kesilapan penggantian bunyi vokal hanya melibatkan vokal pendek. Meskipun hanya melibatkan vokal pendek, namun terdapat juga penggantian bunyi vokal berganda. Penggantian bunyi vokal ini menyumbang kepada kejanggalan perkataan tersebut seperti perkataan **نُشَاهَدْ** disebut **نُشَاهَدْ**. Pada perkatan ini, telah berlaku penggantian bunyi vokal *kasrah* pada huruf /ه/ kepada bunyi vokal fathah. Begitu juga pada perkataan **الدُّرُوسْ** apabila pelajar telah menyebutnya . **الدُّرُوسْ** Pelajar telah menggantikan bunyi vokal dhommah kepada bunyi vokal fathah pada huruf /ر/.

Di samping itu juga, terdapat penggantian bunyi vokal yang menyebabkan perubahan makna dan juga tatabahasa. Hal ini berlaku pada perkataan **عَبْرَتْ** di sebut **عَبْرَتْ** telah mengalami dua penggantian vokal secara serentak. Pada penggantian vokal yang pertama iaitu menggantikan vokal *s kinah* pada huruf /ر/ dengan bunyi vokal *fathah* yang tidak membawa perubahan besar pada makna perkataan tersebut. Namun pada penggantian kedua telah berlaku penggantian bunyi vokal *ommat* pada huruf *mu ra'at* dengan bunyi vokal *s kinah* maka di sinilah perubahan makna telah berlaku. Merujuk kepada perkataan asal yang memberi makna saya telah melintas menjadikan ianya bertukar kepada dia (p) telah melintas. Keadaan ini secara langsung merubah juga struktur ayat perkataan asal.

4.2.1.4 Pengguguran dan Penggantian Bunyi Vokal

Kesilapan sebutan bunyi vokal turut berlaku apabila pelajar menggugurkan bunyi vokal asal dan menggantikannya dengan bunyi vokal yang lain. Contoh bagi kesilapan ini pada perkataan رَاجَعْتُ yang bermaksud *saya telah mengulang kaji*. Namun berlaku pengguguran bunyi vokal panjang /ا/ pada suku kata pertama menjadi رَجَعْتُ (saya telah pulang). Seterusnya berlaku penggantian vokal pendek *fat* *at* pada huruf /ج/ dengan vokal *kasrat* menjadi رَجَعْتُ. Kedua-dua proses ini telah menyebabkan berlakunya perubahan makna yang sebenar iaitu *saya telah mengulang kaji* kepada *saya telah pulang* pada peringkat pertama iaitu sebelum bunyi vokal /ج/ belum berubah. Namun setelah berlaku pula pada peringkat kedua penggantian vokal *fat* *at* dengan vokal *kasrat* pada huruf /ج/ menjadi رَجَعْتُ. Pengguguran dan penggantian yang telah berlaku telah menyebabkan ayat yang menggunakan perkataan ini menjadi janggal dan sukar difahami sedangkan perkataan yang dimaksudkan ialah *saya telah mengulangkaji*.

4.2.1.5 Pertukaran Bunyi Vokal

Pertukaran bunyi vokal berlaku pada perkataan متى apabila terdapat pelajar yang telah menukar kedudukan vokal panjang /ا/ dari suku kata terakhir kepada suku kata pertama. Hasilnya terbentuk perkataan مات yang membawa maksud *telah mati*. Kesilapan ini telah meletakkan jurang makna yang besar dari perkataan متى yang bermaksud *bilakah*.

4.2.2 Kesilapan Sebutan Vokal Berdasarkan Jenis Golongan Kata

Data menunjukkan kesilapan sebutan bunyi vokal berlaku pada golongan kata nama (KN) dan kata kerja (KK). Melihat kepada dua jenis golongan kata ini, kesilapan sebutan bunyi vokal banyak berlaku dalam golongan KN berbanding KK. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan kesilapan sebutan dari aspek penggolongan kata.


Jadual 4.5
Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Golongan Kata

Jenis golongan kata	kekerapan	Peratus
Kata Nama (KN)	50	76.9%
Kata Kerja(KK)	15	23%

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa pelajar telah melakukan kesilapan sebutan vokal BA dalam kata nama sebanyak 50 kekerapan iaitu sebanyak 76.9%. Contohnya pada kata nama “امتحان” pelajar menyebut sebagai “امْتَحَنْ” iaitu berlaku pengguruan vokal panjang // pada suku kata kedua terakhir.

Dalam kata kerja pula, pelajar telah melakukan sebanyak 15 kekerapan kesilapan sebutan vokal BA. Ianya melibatkan 23% secara keseluruhan iaitu kurang 50 peratus dari kesilapan sebutan vokal pada kata nama. Antara kesilapan yang berlaku pada golongan kata kerja ialah perkataan yang melibatkan kata kerja kala lampau (seterusnya disebut KKKL) iaitu “ فعل ماضٌ ” pada perkataan “ عبرتُ ”. Pada perkataan ini, telah berlaku penggantian vokal pendek (-) dengan vokal (.). Kesilapan ini sekali gus telah memberi implikasi kepada makna perkataan yang sebenar dan turut mengelirukan makna sesebuah ayat. Ini kerana *huruf mudhor'at* pada perkataan “ عبرتُ ” bermakna *saya telah melintas* disebut “ عبرت ” . Kesilapan sebutan ini telah merubah makna daripada *saya telah melintas* kepada *dia (perempuan) telah melintas*. Perubahan makna pada perkataan ini secara tidak langsung telah merubah maksud ayat secara keseluruhan.

Bagi melihat pecahan peratus kesilapan sebutan bunyi vokal BA melalui golongan kata, rajah di bawah memperincikan mengenai pecahan dan peratusan



Rajah 4.2
Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Golongan Kata

4.2.3 Kesilapan Sebutan Vokal Berdasarkan Bilangan Suku Kata

Rajah 4.2 menunjukkan kesilapan turut berlaku pada kosa kata yang mempunyai bilangan suku kata yang sedikit iaitu dua dan banyak iaitu enam.

Jadual 4.6
Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Bilangan Suku Kata


Bilangan suku kata	kekerapan	peratus
2	11	16.9%
3	27	41.5%
4	20	30.7%
5	5	7.69%
6	2	3.07%

Jadual 4.6 menunjukkan kesilapan sebutan vokal BA dari sudut bilangan suku kata sesebuah perkataan turut menyumbang kepada kesilapan sebutan vokal BA. Pengkaji menjangkakan bahawa bilangan suku kata yang banyak merupakan faktor kepada kesilapan sebutan vokal BA. Namun perkara sebaliknya berlaku apabila perkataan yang

hanya mempunyai tiga suku kata lebih banyak berlaku kesilapan sebutan vokal berbanding perkataan yang mempunyai empat, lima atau enam suku kata.

Data menunjukkan bahawa perkataan yang mempunyai bilangan 3 suku kata mewakili sebanyak 41% kesilapan sebutan vokal berbanding 31% kesilapan sebutan vokal pada perkataan yang mempunyai 4 suku kata. Manakala perkataan yang mempunyai 2 suku kata terdapat sebanyak 17% kesilapan sebutan vokal. Bagi suku kata yang mempunyai 5 sehingga 6 bilangan suku kata pula terdapat 3% hingga 8% kesilapan sebutan.

Berikut merupakan rajah kepada kesilapan sebutan bunyi vokal pada bilangan suku kata dalam perkataan.



Rajah 4.3
Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Bilangan Suku Kata

4.3 Analisis Borang Soal Selidik Pelajar

Bagi menganalisis borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel iaitu pelajar bahasa Arab tahap III, kajian telah membahagikannya kepada tiga bahagian iaitu:

- 1- Bahagian A –Maklumat Peribadi Responden
- 2- Bahagian B – Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA
- 3- Bahagian C – Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal

4.3.1 Analisis Maklumat Peribadi Responden

Pada kategori ini, hanya butiran penting sahaja dicatatkan bagi mendapatkan maklumat peribadi responden. Ia merangkumi aspek berikut: jantina, umur, latar belakang pengajian BA dan pengalaman belajar BA.

Jadual 4.7
Taburan Maklumat Peribadi Responden

Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	15	20.8%
	Perempuan	57	79.1%
Umur	20-23 tahun	63	87.5%
	24-26 tahun	7	9.7%
Latar Belakang Pengajian BA	Pernah Belajar Bahasa Arab	44	61.1%
	Tidak Pernah Belajar Bahasa Arab	27	37.5%
Pengalaman Belajar Bahasa Arab	1-3 tahun	20	45.4%
	3-5 tahun	24	54.5%

Berdasarkan jadual 4.7 responden kajian ialah terdiri dari 72 orang pelajar BAK di UiTM, Shah Alam yang mewakili 15 pelajar lelaki iaitu dan 57 pelajar perempuan iaitu. Merujuk kepada jadual responden terbahagi kepada dua iaitu 44 orang responden pernah mempelajari BA sebelum ini iaitu 61.1% dan 27 responden lagi tidak mempunyai latar belakang mempelajari BA sebelum ini iaitu sebanyak 37.5%. Bagi responden yang mempunyai latar belakang BA pula terbahagi kepada dua kategori iaitu

seramai 20 orang responden pernah mempelajari BA selama 1-3 tahun iaitu 45.4 % manakala 24 orang responden lagi pernah mempelajari BA selama 3-5 tahun iaitu 54.5 %.

4.3.2 Analisis Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Data pada bahagian ini dikategorikan kepada tiga iaitu tahap penguasaan vokal BA di kalangan pelajar, kewujudan masalah sebutan bunyi vokal di kalangan pelajar dan jenis kesilapan sebutan bunyi vokal di kalangan pelajar

4.3.2.1 Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Pada bahagian ini, data yang dikumpul akan dianalisis berdasarkan kategori di bawah:

- 1- Memahami konsep dan ciri vokal BA dengan baik
- 2- Mengetahui pembahagian vokal BA dengan jelas
- 3- Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Dari Sudut Pengajaran Sebutan Bunyi Vokal

Berikut merupakan huraian mengenai tahap penguasaan vokal BA dalam kalangan pelajar mengikut kategori.

4.3.2.1.1 Memahami Konsep dan Ciri Vokal BA


Pada bahagian ini, berikut merupakan hasil analisis yang dijalankan bagi melihat tahap pemahaman pelajar terhadap konsep dan ciri vokal BA.

Jadual 4.8
Taburan pandangan Pelajar Terhadap Tahap Penguasaan Vokal BA

Perkara	Respon	Kekerapan	Peratus
Pelajar memahami konsep dan ciri vokal BA dengan baik	Tidak setuju	-	-
	Kurang setuju	2	2.7%
	Tidak pasti	11	15.2%
	Setuju	46	63.8%
	Sangat setuju	14	19.4%

Data pada jadual 4.8 menunjukkan pandangan pelajar mengenai tahap pemahaman mereka terhadap konsep dan ciri vokal BA. Sebanyak 2.7% menunjukkan kurang setuju bahawa mereka memahami konsep dan ciri vokal BA dengan baik. Manakala sebanyak 15.2% responden mengatakan tidak pasti. Sejumlah 63.8% mengatakan setuju bahawa mereka memahami konsep dan ciri vokal BA dan cuma 19.4% sahaja yang sangat setuju dengan cadangan tersebut.

Bagi melihat pemahaman responden terhadap konsep dan ciri vokal BA dengan lebih jelas, berikut merupakan rajah yang berkaitan:



Rajah 4.4
Pandangan Pelajar Terhadap Tahap Penguasaan Vokal BA


4.3.2.1.2 Mengetahui Pembahagian Vokal BA

Analisis pada bahagian ini bagi mengenal pasti tahap pengetahuan pelajar terhadap kategori vokal BA. Berikut ialah jadual bagi analisis data pada bahagian ini.

Jadual 4.9
Taburan Pandangan Pelajar Terhadap Pengetahuan Kategori Vokal BA

Perkara	Respon	Kekerapan	Peratus
Pelajar mengetahui kategori vokal BA terbahagi kepada vokal panjang dan vokal pendek.	Tidak setuju	-	-
	Kurang setuju	1	1.38%
	Tidak pasti	7	9.72%
	Setuju	43	59.7%
	Sangat setuju	22	30.5%


Vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal panjang dan vokal pendek. Mengetahui pengkategorian vokal BA merupakan perkara yang sangat penting. Merujuk kepada jadual 4.9, seramai 43 orang bersetuju bahawa mereka mengetahui pembahagian vokal BA. Jumlah tersebut mewakili sebanyak iaitu 59.7% daripada peratus keseluruhannya. Seramai 22 orang pelajar pula sangat setuju dengan pengetahuan mereka terhadap kategori vokal dalam BA iaitu mewakili sebanyak 30.5%. Manakala 9.72% yang mewakili 7 orang pelajar tidak pasti dengan soalan yang diberikan dan terdapat seorang pelajar iaitu 1.38% kurang setuju bahawa pelajar mengetahui pembahagian vokal BA kepada dua iaitu vokal panjang dan vokal pendek. Untuk melihat dengan lebih jelas, berikut ialah rajah kepada data yang diperolehi mengenai pengetahuan pelajar terhadap kategori vokal BA:



Rajah 4.5
Pandangan Pelajar Terhadap Pengetahuan Kategori Vokal BA

4.3.2.1.3 Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Dari Sudut Pengajaran Vokal BA

Keberkesanan pengajaran vokal BA di dalam kelas merupakan satu faktor utama dalam menjayakan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Pada bahagian ini, hasil analisis dilihat terhadap persepsi pelajar terhadap keberkesanan pengajaran vokal BA di dalam kelas oleh pensyarah. Justeru, pada bahagian ini kajian melihat kepada perkaitan antara tahap penguasaan pelajar terhadap vokal BA dan pengajaran vokal BA yang dilakukan oleh pensyarah dalam kelas. Bagi melihat perkaitan antara tahap penguasaan dan pemahaman pelajar terhadap vokal BA, berikut merupakan jadual yang menunjukkan persepsi pelajar mengenai pengajaran vokal oleh pensyarah.



Rajah 4.6
Persepsi Pelajar Terhadap Pensyarah Dari Sudut Pengajaran Vokal BA

Rajah 4.6 menunjukkan persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah mengenai vokal BA di dalam kelas. Sebanyak 37 orang pelajar sangat bersetuju terhadap cadangan tersebut iaitu dengan 51.3% dan 31 orang pelajar pula bersetuju bahawa pensyarah telah menjelaskan konsep dan ciri vokal BA dengan baik iaitu mewakili 43%. Manakala 4 orang pelajar iaitu 6% yang tidak pasti dengannya.

Pada perkara pensyarah menjelaskan kepentingan vokal BA, sebanyak 53% iaitu 38 orang pelajar sangat bersetuju dengan cadangan tersebut. Dalam pada itu sebanyak 40% iaitu 29 orang pelajar bersetuju pensyarah telah menjelaskan kepentingan vokal BA dalam pembelajaran BA. Manakala terdapat tiga orang pelajar iaitu 4% yang kurang pasti terhadap perkara tersebut. Keputusan analisis juga menunjukkan terdapat seorang pelajar tidak bersetuju dengan perkara tersebut iaitu mewakili sebanyak 1%. Keadaan

ini sama dengan seorang pelajar yang kurang bersetuju dengan pensyarah telah menjelaskan kepentingan vokal BA iaitu mewakili sebanyak 1% juga.

Rajah 4.6 juga menunjukkan bahawa 51% sangat bersetuju dengan perkara pensyarah telah menerangkan tentang kategori vokal BA terbahagi kepada vokal panjang dan pendek iaitu kira-kira 37 orang pelajar. Seramai 29 orang pelajar pula bersetuju dengan perkara tersebut iaitu mewakili sebanyak 40%. Terdapat tiga orang pelajar lagi menunjukkan respon tidak pasti dengan mewakili 4% dan dua orang pelajar pula kurang bersetuju dengan hal demikian iaitu mewakili 3% manakala seorang pelajar mewakili 1% tidak bersetuju.

Pada perkara pensyarah menjelaskan implikasi kesilapan sebutan vokal terhadap makna perkataan, golongan kata dan sebagainya, seramai 42 orang pelajar pula sangat setuju dengannya dan mewakili 58% manakala 25 orang pelajar bersetuju dengan perkara tersebut dan mewakili 35%. Walau bagaimanapun, terdapat 3 orang pelajar yang tidak pasti dengan perkara tersebut mewakili 4%. Dalam pada itu juga, terdapat seorang pelajar tidak bersetuju dengannya iaitu mewakili 1% dan seorang lagi pelajar pula mengatakan kurang setuju dengannya iaitu berkongsi peratus yang sama 1%.


Data pada rajah 4.6 mencatatkan 39 orang pelajar pula sangat bersetuju dengan perkara pensyarah memastikan pelajar mempraktikkan vokal BA dengan betul iaitu sebanyak 54%. Bagi pelajar yang bersetuju dengan perkara tersebut pula mewakili 42% iaitu seramai 30 orang pelajar. Manakala 2 orang pelajar pula tidak pasti mengenainya dan mewakili 3% dan seorang pelajar kurang setuju dengan perkara tersebut mewakili 1%.

Terdapat seramai 41 orang sangat bersetuju dengan perkara pensyarah telah membetulkan kesilapan sebutan vokal secara serta merta dan mewakili 57% manakala 30 orang pelajar bersetuju dengannya dan mewakili 42%. Walau bagaimanapun terdapat seorang pelajar yang kurang bersetuju dengan perkara tersebut dan ianya mewakili sebanyak 1%.

Merujuk rajah 4.6 di atas juga, kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan hasil analisis data, pelajar rata-ratanya bersetuju bahawa pensyarah telah melakukan proses pengajaran vokal BA yang baik tentang vokal BA. Dari sudut pelajar, data ini menyokong persepsi pelajar bahawa mereka memahami konsep dan ciri vokal BA dari sudut fungsinya, pembahagiannya dan implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal BA.

4.3.2.2 Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Data dari borang soal selidik pada bahagian ini ialah mengenai pasti adakah pelajar mengalami masalah sebutan bunyi vokal BA. Bagi melihat sama ada wujud atau tidak masalah sebutan vokal BA berikut merupakan rajah yang berkaitan:



Rajah 4.7
Taburan Pelajar Menghadapi Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Rajah 4.7 menunjukkan hasil analisis terhadap kewujudan masalah sebutan vokal BA. Sebanyak 33% bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah sebutan vokal dan sebanyak 7% lagi menunjukkan respon sangat setuju dengannya. Pada masa yang sama, sebanyak 19 % pula mengatakan mereka kurang setuju dengan cadangan bahawa pelajar menghadapi masalah sebutan vokal BA ini manakala 17% pula tidak bersetuju dengannya. Di samping itu, terdapat 24% mewakili pelajar yang tidak pasti dengan perkara tersebut. Dari jumlah di atas, populasi yang mengalami masalah sebutan bunyi vokal lebih besar dari yang tidak menghadapinya. Tahap penguasaan vokal BA dapat dijelaskan lagi dengan data yang diperolehi mengenai persepsi pelajar terhadap pengajaran pensyarah di dalam kelas.

4.3.2.3 Analisis Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Bagi melihat apakah persepsi pelajar terhadap jenis kesilapan sebutan bunyi vokal, pengkaji meletakkan min bagi setiap item soal selidik yang telah dijalankan. Persepsi yang dilihat merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) Mengugurkan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- b) Menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- c) Menambah sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- d) Menukar kedudukan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- e) Menggugurkan dan menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- f) Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata nama.
- g) Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata kerja.
- h) Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang banyak.

Jadual 4.10
Persepsi Pelajar Terhadap Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal

Perkara	Jumlah	Minima	Maksima	Min
Mengugurkan sebutan bunyi vokal pada perkataan	72	1	5	2.9
Menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.	72	1	5	2.72
Menambah sebutan bunyi vokal pada perkataan.	72	1	5	2.82
Menukar kedudukan sebutan bunyi vokal pada perkataan	72	1	5	2.68
Menggugurkan dan menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.	72	1	5	3.04
Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata nama.	72	1	5	2.99
Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata kerja.	72	1	5	2.97
Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang banyak.	72	1	5	3

Bagi data soal selidik terhadap pelajar dapatan keseluruhan dapat diperhatikan pada jadual 4.10 iaitu pandangan umum terhadap jenis kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar min tertinggi iaitu 3.04 yang menggambarkan bahawa pelajar melakukan kesilapan tersebut. Manakala min jenis kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar mencatatkan min terendah iaitu 2.68 yang menunjukkan pelajar bersetuju dengan jenis kesilapan yang dilakukan. Bagi data lain keseluruhannya berada pada min 2.72 hingga 3.00 iaitu menunjukkan tahap persepsi pelajar yang bersetuju dengan jenis kesilapan sebutan bunyi vokal yang dilakukan.

4.3.3 Analisis Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar


Bahagian ini merupakan antara bahagian yang terpenting dalam kajian ini. Perkara yang dibincangkan pada bahagian ini ialah faktor yang telah menyebabkan pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal BA. Berikut merupakan dua faktor yang

telah dikenal pasti menyumbang kepada masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar.

- Faktor dalaman diri pelajar
- Faktor berkaitan ciri BA

4.3.3.1 Faktor Dalaman Diri Pelajar

Bagi melihat punca kepada masalah sebutan vokal BA dalam kalangan pelajar, penyelidik telah menyenaraikan beberapa punca kepada masalah tersebut dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Berikut merupakan hasil yang ditunjukkan oleh responden:



Rajah 4.8
Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Faktor Dalaman Pelajar

Rajah 7 di atas menunjukkan bahawa punca kepada kesilapan sebutan vokal BA di kalangan pelajar adalah dalam diri pelajar itu sendiri. Antaranya pelajar tidak memahami konsep dan ciri vokal BA dengan baik iaitu seramai 39 orang pelajar mewakili 51% bersetuju dan 15 orang sangat bersetuju iaitu 21% dengan punca dalaman tersebut.

Seterusnya terdapat juga pelajar yang keliru dengan penggunaan vokal BA yang sebenar. Peratus menunjukkan seramai 38 orang bersetuju dan 14 orang sangat bersetuju bahawa mereka keliru untuk mempraktikkan vokal BA ketika menyebutnya yang masing-masing mewakili 56% dan 19%. Seterusnya terdapat 14% yang tidak bersetuju dengan perkara tersebut manakala 3% lagi tidak bersetuju. Selain dari itu, terdapat 8% pula tidak pasti dengan perkara tersebut.

Pada perkara pelajar tidak tahu tentang implikasi kesilapan sebutan vokal terhadap makna, golongan kata dan sebagainya, didapati sebanyak 43% bersetuju dengannya dan 24% yang lain sangat bersetuju dengan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat 17% kurang bersetuju terhadap cadangan tersebut manakala 6% pula tidak bersetuju dengannya. Sebanyak 11% pula tidak pasti terhadap perkara tersebut.


Pelajar juga bersetuju bahawa mereka berasa malu dan tidak yakin mempraktikkan vokal BA dengan betul kerana vokal tersebut mempunyai tempo atau tempoh panjang yang tertentu. Sebanyak 17% sangat setuju dan 256% pula bersetuju dengan masalah dalaman ini. Pada masa yang sama, terdapat 33% kurang bersetuju dengan faktor ini manakala 4% lagi tidak bersetuju dengannya. Seterusnya terdapat 21% menunjukkan respon tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Bahasa ibunda juga merupakan faktor kepada kesilapan sebutan vokal dalam kalangan pelajar. Data menunjukkan bahawa 46% iaitu 33 orang pelajar dan 13% iaitu 9 orang pelajar sangat bersetuju dengan faktor ini menyebabkan mereka tidak mampu mempraktikkan sebutan vokal BA dengan betul kerana mereka telah menganggap bahawa fungsinya yang sama dengan vokal BM iaitu menjadi penghubung antara konsonan dalam sesebuah perkataan. Walau bagaimanapun sebanyak 14% kurang bersetuju dengan faktor ini diikuti sebanyak 4% lagi tidak bersetuju dengannya. Hasil analisis juga menunjukkan sebanyak 24% tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Faktor seterusnya ialah pelajar terpengaruh dengan huruf saksi Jawi /ɿ/, /w/ dan /ç/ dari segi visual iaitu bentuknya yang sama dengan vokal panjang BA. Seramai 31 orang pelajar bersetuju dengan faktor ini iaitu 43% dan 11 orang yang sangat bersetuju dengan peratus 15%. Rajah 4.8 juga menunjukkan sebanyak 29% tidak pasti dengan perkara tersebut manakala 8% kurang setuju dan 4% pula tidak bersetuju.

4.3.3.2 Faktor Berkaitan Ciri BA

Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, berikut merupakan data berkenaan faktor yang menyebabkan timbul masalah sebutan vokal BA dalam kalangan pelajar dari aspek ciri BA.



Rajah 4.9
Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Berdasarkan Faktor Ciri Bahasa

Rajah 4.9 menunjukkan responden bersetuju bahawa ciri BA juga merupakan antara punca kepada masalah sebutan vokal. Faktor bilangan suku kata dalam BA yang terdiri daripada 2 suku kata sehingga 6 suku kata mewakili 65% yang bersetuju dan 14% sangat bersetuju dengan perkara tersebut manakala 14% pula yang tidak pasti dengannya dan 7% pelajar kurang setuju dengan perkara ini.

Seramai 33 orang pelajar setuju dan 7 orang pelajar sangat bersetuju dengan faktor penggunaan konsonan yang tidak terdapat dalam BM seperti /ح/, /خ/, /غ/ dan sebagainya menjadi punca kepada masalah sebutan vokal iaitu masing-masing mewakili 45.8% dan 5.5%. walau bagaimanapun terdapat sebanyak 22% pula tidak pasti dengan perkara tersebut manakala 21% lagi kurang bersetuju dengan faktor tersebut.

Sistem bunyi BA yang terdiri daripada vokal panjang, vokal pendek, sukun (-), syaddat (-) merupakan salah satu penyumbang kepada kesilapan sebutan vokal dalam kalangan pelajar. Rajah 4.9 mencatatkan sebanyak 49% respon yang setuju dengan perkara tersebut dan 11% lagi sangat setuju. Dalam pada itu, terdapat 22% pelajar yang tidak pasti dengan faktor ini manakala 15% pula yang kurang bersetuju dan 3% pelajar pula tidak bersetuju dengannya.

(ال شمسية) Bagi faktor perkataan BA yang mempunyai sisipan al shamsiyat mencatatkan sebanyak 50% bersetuju dan 11% lagi sangat bersetuju dengannya. Dalam pada itu, terdapat 22% pelajar yang tidak pasti dengan faktor tersebut manakala 14% pelajar pula kurang setuju dengannya dan 3% lagi menunjukkan respon tidak bersetuju dengannya.

Antara ciri BA yang turut menjadi faktor kepada kesilapan sebutan vokal ialah perkataan yang mempunyai syaddat (-) iaitu 50% bersetuju dan 15 % lagi sangat setuju dengan faktor tersebut. Hasil analisis juga menunjukkan terdapat 19% tidak pasti dengannya dan 11% pula kurang bersetuju manakala 4% pelajar pula tidak setuju dengannya.

Sistem tatabahasa BA yang unik seperti penggunaan *om r mutta_il*, *ya al-mutakallim*, *huruf-huruf mu_ra'at* dikatakan antara penyumbang kepada masalah sebutan vokal dalam kalangan pelajar. Rajah 4.9 menunjukkan sebanyak 51% setuju dengannya dan 21% pula sangat bersetuju dengan perkara ini sebagai salah satu punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA manakala 28% pelajar tidak pasti dengan faktor ini.

Antara lain yang menjadi faktor kepada permasalahan ini ialah ciri BA daripada sifat huruf hija'iyyat sendiri iaitu penggunaan perkataan yang mempunyai sifat yang sama seperti /س/ dan /ش/ yang bersifat *hamas* dalam sesbuah perkataan. Terdapat 44% bersetuju dengan perkara ini dan 14% pula sangat bersetuju dengan perkara tersebut. Dalam pada itu, terdapat 22% pula menunjukkan respon tidak pasti dengan perkara tersebut manakala 18% lagi kurang bersetuju dengannya dan 1% pelajar tidak setuju.

4.3.3.3 Analisis Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dari Faktor

Dalam Dirি Pelajar dan Ciri BA

Bagi melihat persepsi pelajar terhadap punca kesilapan sebutan bunyi vokal bagi kedua-dua aspek iaitu faktor dalaman diri pelajar dan ciri BA, beberapa perkara dinilai adalah seperti berikut:

- a) Pelajar tidak memahami konsep dan ciri vokal BA.
- b) Pelajar keliru dengan aplikasi vokal BA.
- c) Pelajar tidak tahu implikasi terhadap makna dan ayat jika berlaku kesilapan sebutan bunyi vokal.
- d) Pelajar merasa malu dan tidak yakin mempraktikkan vokal BA dengan betul.
- e) Pelajar tidak berminat untuk mengambil tahu tentang penggunaan vokal BA.
- f) Pelajar terpengaruh dengan bahasa ibunda dari segi fungsi vokal.
- g) Pelajar terpengaruh dengan huruf saksi Tulisan Jawi dari sudut visual.
- h) Bilangan suku kata menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal.
- i) Penggunaan konsonan BA yang tidak terdapat dalam BM menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA.
- j) Sistem bunyi vokal BA yang pelbagai.

- k) Sistem sisipan al syamsiyyat (الشمسية) menyumbang kepada sebutan bunyi vokal.
- l) Perkataan yang mempunyai tanda syaddat (-) .
- m) Sistem tatabahasa BA menyumbang kepada kesilapan.
- n) Sifat huruf BA menyumbang kepada kesilapan.

Jadual 4.11

Persepsi Pelajar Terhadap Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dari Faktor Dalaman Diri Pelajar Dan Ciri BA

Perkara	Jumlah	Minima	Maksima	Min
Pelajar tidak memahami konsep dan ciri vokal BA	72	1	5	3.81
Pelajar keliru dengan aplikasi vokal BA.	72	1	5	3.75
Pelajar tidak tahu implikasi terhadap makna dan ayat jika berlaku kesilapan sebutan bunyi vokal.	72	1	5	3.62
Pelajar merasa malu dan tidak yakin mempraktikan vokal BA dengan betul	72	1	5	3.17
Pelajar tidak berminat untuk mengambil tahu tentang penggunaan vokal BA.	72	1	5	2.21
Pelajar terpengaruh dengan bahasa ibunda dari segi fungsi vokal.	72	1	5	3.49
Pelajar terpengaruh dengan huruf saksi Tulisan Jawi dari sudut visual.	72	1	5	3.57
Bilangan suku kata perkataan menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal	72	2	5	3.86
Penggunaan konsonan BA yang tidak terdapat dalam BM menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA.	72	2	5	3.44
Sistem bunyi vokal BA yang pelbagai	72	1	5	3.5

Sistem sisipan al <u>syamsiyyatt</u> (الشمسية) menyumbang kepada sebutan bunyi vokal	72	1	5	3.53
Perkataan yang mempunyai bunyi syaddat ().	72	1	5	3.61
Sistem tatabahasa BA menyumbang kepada kesilapan.	72	3	5	3.93
Sifat huruf BA menyumbang kepada kesilapan.	72	1	5	3.51

Jadual 4.11 di atas menunjukkan bahawa punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal adalah disebabkan masalah dalaman diri seseorang pelajar dan ciri BA itu sendiri. Min yang tertinggi iaitu 3.93 iaitu kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar berpunca dari sistem tatabahasa BA yang unik merupakan faktor utama manakala pelajar tidak mahu mengambil tahu penggunaan vokal berada dalam min terendah iaitu 2.21.

Berdasarkan data tersebut ia menunjukkan bahawa masalah kesilapan sebutan bunyi vokal BA berpunca dari ciri BA berbanding dengan sikap atau ciri dalaman pelajar. Bagi data lain keseluruhannya berada pada min 3.17 hingga 3.81 menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap punca kesilapan sebutan bunyi vokal BA dari aspek dalaman pelajar dan ciri BA.

4.4 Analisis Soal Selidik Pensyarah

Pada bahagian ini,uraian mengenai data yang diperolehi melalui soal selidik terhadap pensyarah, penyelidik membahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

- Bahagian A – Maklumat Peribadi Pensyarah
- Bahagian B – Masalah Sebutan Bunyi vokal dalam kalangan pelajar

- Bahagian C – Persepsi terhadap punca kepada kesilapan sebutan vokal dalam kalangan pelajar.

4.4.1 Analisis Maklumat Peribadi Responden

Sama seperti analisis maklumat pelajar, pada bahagian ini juga analisis bagi maklumat peribadi pensyarah turut dikategorikan kepada jantina, bidang pengkhususan, tahap kelulusan akademik dan pengalaman mengajar BA.

Jadual 4.12
Taburan Maklumat Peribadi Responden

Perkara		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	12	57.1%
	Perempuan	9	42.8%
Bidang Pengkhususan	Bahasa Arab	13	61.9%
	Bahasa Arab dan IT	1	4.7%
	Pendidikan Islam dan Bahasa Arab	2	9.52%
	Pendidikan Islam	1	4.7%
	Bahasa Arab dan Linguistik	1	4.7%
Kelayakan Akademik	Ijazah Doktor Falsafah	3	14.2%
	Ijazah Sarjana	11	52.3%
	Ijazah Sarjana Muda	7	33.3%
Pengalaman Mengajar Bahasa Arab	1-10 tahun	10	47.6%
	10 tahun ke atas	11	52.3%

Jadual di atas menunjukkan latar belakang sampel kumpulan pensyarah. Terdapat 12 pensyarah lelaki dan 9 pensyarah perempuan. Keduanya-duanya mewakili 57.1% dan 42.8%. berdasarkan bidang pengkhususan pula seramai 13 orang dari bidang bahasa Arab iaitu 61.9%, bahasa Arab dan IT seorang iaitu 4.7%, terdapat 2 orang pensyarah daripada bidang bahasa Arab dan Pendidikan Islam iaitu 9.52%. Terdapat seorang pensyarah yang mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab dan mewakili 4.7% begitu juga dengan bidang Bahasa Arab dan Linguistik yang

mewakili seorang pensyarah dengan 4.7%. Berdasarkan kelayakan akademik pula terdapat 3 orang pensyarah yang memiliki Ijazah Doktor Falsafah, 11 pensyarah memiliki Ijazah sarjana dan 7 lagi mempunyai Ijazah Sarjana Muda. Masing-masing mewakili peratus 14.2%, 52.3% dan 33.3%. Data menunjukkan kesemua pensyarah mempunyai pengalaman dalam bidang pengajaran dan pembelajaran BA. Seramai 10 orang pensyarah yang mempunyai pengalaman anggaran 1 hingga 10 tahun dengan peratus 47.6% manakala selebihnya mempunyai pengalaman 10 tahun ke atas iaitu 52.3%.


4.4.2 Analisis Masalah Sebutan Bunyi Vokal

Pada bahagian ini, analisis data dibahagikan kepada tiga iaitu

- Tahap penguasaan vokal dalam kalangan pelajar
- Kewujudan masalah sebutan vokal
- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal.

4.4.2.1 Tahap Penguasaan Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Data soal selidik bahagian ini untuk melihat persepsi pensyarah terhadap penguasaan vokal BA dalam kalangan pelajar. Bagi melihat data tersebut, pengalaman pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi ukuran terhadap perkara yang dinyatakan di atas. Berikut merupakan persepsi pensyarah terhadap peranannya dalam memastikan pelajar menguasai konsep dan ciri vokal BA.



Rajah 4.10
Persepsi Pensyarah Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Vokal BA

Data daripada rajah 4.10 menunjukkan pandangan pensyarah mengenai pengajaran mereka dalam memastikan pelajar memahami dan menguasai konsep dan ciri vokal BA. Secara umumnya data tersebut menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran vokal BA telah berlaku secara baik. Sebanyak 55% sangat bersetuju dan 41% pula bersetuju bahawa mereka telah menerangkan konsep dan ciri vokal BA kepada pelajar manakala begitu terdapat seorang pensyarah mewakili 5% kurang bersetuju dengan perkara tersebut. Bagi faktor perkara pensyarah telah menjelaskan kepentingan vokal BA kepada pelajar, sebanyak 64% sangat bersetuju dan 27% bersetuju manakala 9% kurang bersetuju dengan perkara tersebut.

Pensyarah menjelaskan kepada pelajar bahawa vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal panjang dan pendek mendapat sebanyak 64% sangat bersetuju dan sebanyak 32%

pensyarah bersetuju dengannya. Walau bagaimanapun terdapat 5% yang tidak bersetuju dengan perkara tersebut.

Data juga menunjukkan 64% sangat bersetuju dengan perkara pensyarah telah menerangkan pembahagian vokal di dalam kelas. Terdapat 32% pula yang bersetuju dengannya manakala seorang pensyarah kurang bersetuju dengan perkara tersebut dan mewakili peratus 5%.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, pensyarah telah menerangkan implikasi kesilapan sebutan vokal BA kepada makna perkataan dan golongan menunjukkan terdapat 64% sangat bersetuju dan 32% bersetuju dengannya. Walau bagaimanapun 5% daripada keseluruhannya kurang bersetuju dengan perkara tersebut.

Pada perkara pensyarah memastikan pelajar mempraktikkan vokal BA dengan betul mendapati bahawa sebanyak 55% sangat bersetuju dan 41% bersetuju dengannya. Dalam pada itu, terdapat 5% yang tidak bersetuju pada perkara pensyarah memastikan pelajar menggunakan vokal BA dengan betul.

Pada perkara pensyarah membetulkan serta merta kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ketika menyebut bunyi vokal BA menunjukkan 64% sangat bersetuju dan 32% yang bersetuju dengannya. Di samping itu sebanyak 5% pula kurang bersetuju dengannya.

Bagi melihat min atau purata persepsi pensyarah terhadap pengajaran dan pembelajaran vokal, berikut merupakan jadual yang menjelaskan perkara tersebut.


Jadual 4.13
Persepsi Pensyarah Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Vokal BA

Perkara	Jumlah	Minima	Maksima	Min
Menerangkan konsep dan ciri vokal BA kepada pelajar.	22	2	5	4.45
Menjelaskan kepentingan vokal BA kepada pelajar.	22	2	5	4.45
Menerangkan pembahagian vokal BA kepada pelajar.	22	2	5	4.55
Menjelaskan implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal BA kepada pelajar	22	2	5	4.55
Memastikan pelajar mempraktikkan sebutan bunyi vokal BA	22	2	5	4.45
Membetulkan serta merta kesilapan sebutan bunyi vokal	22	2	5	4.55

Jadual 4.13 menunjukkan min tertinggi berkenaan persepsi pensyarah terhadap pengajaran dan pembelajaran BA ialah 4.55 dan yang terendah pula 4.45. Hal ini menunjukkan pengajaran pensyarah terhadap vokal BA berada dalam tahap yang amat baik. Justeru, dapatan ini juga menunjukkan pensyarah telah menjalankan sesi pengajaran vokal BA dengan baik dan pensyarah juga telah menyentuh perkara-perkara penting berkaitan vokal BA seperti yang tercatat dalam jadual di atas.

4.4.2.2 Kewujudan Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Data dari borang soal selidik pada bahagian ini ialah mengenal pasti adakah pelajar mengalami masalah sebutan bunyi vokal BA. Pada bahagian ini, analisis mengenai kewujudan masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar dibuat berdasarkan persepsi pensyarah. Analisis ini penting untuk melihat kesepadan antara tahap pengajaran vokal BA oleh pensyarah dan masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Bagi melihat samada wujud atau tidak masalah sebutan vokal BA berikut merupakan rajah yang berkaitan:



Rajah 4.11
Persepsi Pensyarah Terhadap Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA

Rajah 4.11 menunjukkan bahawa 48% pensyarah telah bersetuju pelajar menghadapi masalah sebutan bunyi vokal dan 43% lagi sangat bersetuju dengan masalah yang dialami oleh pelajar dalam menyebut bunyi vokal BA. Dalam pada itu, 9% pensyarah kurang setuju terhadap perkara ini.

Perkara di atas menjelaskan kesepadan tahap pengajaran vokal BA dan masalah sebutan vokal. Walaupun tahap pengajaran vokal BA mencapai tahap amat baik seperti yang ditunjukkan pada jadual 4.13, namun dapatan pada rajah 4.11 di atas menunjukkan pelajar masih menghadapi masalah sebutan bunyi vokal BA.

4.4.2.3 Analisis Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Pada borang soal selidik pensyarah juga, data yang dianalisis merangkumi jenis kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar. Antara kesilapan tersebut ialah:

- Pelajar menambah sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- Pelajar menggugurkan sebutan bunyi vokal pada perkataan.

- c) Pelajar menukar kedudukan bunyi vokal pada perkataan.
- d) Pelajar menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- e) Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata kerja.
- f) Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata nama.
- g) Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai suku kata yang banyak.
- h) Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai suku kata yang pendek.
- i) Pelajar lebih banyak melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal panjang .
- j) Pelajar lebih banyak melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pendek.
- k) Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai konsonan BA yang tidak digunakan dalam BM.

Berikut merupakan hasil dapatan data yang menunjukkan persepsi pensyarah terhadap penggunaan vokal BA dalam kalangan pelajar.

Jadual 4.14

Persepsi Pensyarah Terhadap Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal

Perkara	Jumlah	Minima	Maksima	Min
Pelajar menambah sebutan bunyi vokal pada perkataan.	22	2	5	4.00
Pelajar menggugurkan sebutan bunyi vokal pada perkataan.	22	2	5	4.23
Pelajar menukar kedudukan bunyi vokal pada perkataan.	22	1	5	4.14
Pelajar menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.	22	2	5	3.50
Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata kerja.	22	2	5	4.32
Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata nama.	22	2	5	3.64
Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai suku kata yang banyak.	22	2	5	4.27

Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang sedikit.	22	1	5	2.82
Pelajar lebih banyak melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal panjang /l/ berbanding / / dan /س/ .	22	2	5	3.36
Pelajar lebih banyak melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pendek <i>fathatt</i> (-) berbanding <i>kasratt</i> (-) dan <i>dommatt</i> (-).	22	2	5	3.41
Pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai konsonan BA yang tidak digunakan dalam BM.	22	2	5	4.05

Jadual 4.14 menunjukkan persepsi pensyarah terhadap jenis kesilapan sebutan bunyi vokal BA yang dilakukan oleh pelajar. Min yang tertinggi pada data ini menunjukkan 4.36 iaitu pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang banyak. Manakala min yang terendah menunjukkan bahawa pelajar juga melakukan kesilapan pada perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang sedikit sebanyak 2.82. Jenis kesilapan yang lain berada di antara min 3.41 dan 4.27 menunjukkan pelajar melakukan kesilapan dalam pelbagai bentuk seperti yang dinyatakan di atas.


4.4.3 Analisis Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Data soal selidik ini bagi melihat persepsi pensyarah terhadap punca kepada kesilapan penggunaan vokal BA ketika menyebutnya dalam kalangan pelajar. Pada bahagian ini, data dibahagikan kepada dua iaitu:

- a) Faktor dalaman diri pelajar
- b) Faktor Ciri BA

4.4.3.1 Faktor Dalaman Diri Pelajar

Data yang dikumpul, dianalisis untuk melihat persepsi pensyarah terhadap punca kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar dari aspek masalah dalam pelajar.



Rajah 4.12
Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Berdasarkan Faktor Dalaman Pelajar

Rajah 4.12 mencatatkan persepsi pensyarah tentang masalah dalaman pelajar terhadap kesilapan sebutan bunyi vokal. Sebanyak 46% sangat bersetuju bahawa pelajar kurang mendapat pendedahan tentang konsep dan ciri vokal BA. Seterusnya sebanyak 32% daripadanya pula bersetuju dengan perkara tersebut. Dalam pada itu, terdapat 18% yang kurang bersetuju dan 5% pula tidak bersetuju dengan faktor ini. Bagi faktor pelajar tidak tahu kepentingan menggunakan vokal BA dengan betul sebanyak 59% bersetuju

dan 23% pula sangat bersetuju. Sebaliknya 18% pula kurang bersetuju dengan perkara tersebut.


Sebanyak 59% menunjukkan respon bersetuju dengan faktor pelajar tidak tahu tentang implikasi kesilapan sebutan vokal BA dan 23% lagi sangat bersetuju. Namun begitu, sebanyak 14% menunjukkan respon kurang setuju dan 5% pula tidak pasti terhadap perkara tersebut.

Bagi faktor pelajar keliru dengan penggunaan vokal, data menunjukkan 46% bersetuju dan 36% sangat bersetuju dengannya. Sementara itu, terdapat 14% pula tidak pasti dengannya dan 5% kurang bersetuju. Satu perdua dari jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 50% bersetuju kesilapan sebutan bunyi vokal BA berpunca dari diri pelajar yang terpengaruh dengan bahasa ibunda bahkan 32% lagi sangat bersetuju dengan faktor tersebut. Sementara itu, sebanyak 18% pula tidak pasti dengannya. Antara punca kesilapan sebutan vokal BA dalam kalangan pelajar adalah terpengaruh dengan Tulisan Jawi dari segi karakter huruf saksi. Perkara ini menunjukkan 55% yang bersetuju dengan faktor ini dan 18% lagi sangat bersetuju. Sebanyak 14% lagi kurang bersetuju dengannya dan 14% juga tidak pasti.

Antara faktor dalaman pelajar yang menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA ialah pelajar merasa malu mempraktikkan vokal BA. Bagi perkara ini sebanyak 41% bersetuju dan 14% lagi sangat bersetuju dengannya. Walau bagaimanapun terdapat sebanyak 18% kurang setuju dan 27% lagi tidak pasti dengannya. Bagi faktor pelajar tidak mengambil perhatian terhadap penggunaan vokal BA, rajah 4.12 menunjukkan 73% bersetuju dengan dan 27% lagi sangat bersetuju dengannya.

4.4.3.2 Faktor Ciri BA

Bagi melihat punca kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar dari faktor yang kedua iaitu ciri BA, data yang dikumpul, dianalisis untuk melihat persepsi pensyarah terhadap perkara tersebut. Berikut merupakan rajah yang menerangkan analisis punca kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar berdasarkan ciri BA.



Rajah 4.13
Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Berdasarkan Faktor Ciri BA

Rajah 4.13 menunjukkan antara punca kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar ialah bilangan suku kata dalam perkataan. Terdapat 68% sangat bersetuju dan 23% lagi setuju dengannya manakala 9% tidak pasti dengan faktor ini. Bagi faktor yang seterusnya iaitu penggunaan konsonan yang tidak terdapat dalam BM menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA mendapat respon sebanyak 59% bersetuju dengannya dan 36% sangat bersetuju dengannya manakala 5% yang

tidak pasti dengannya. Faktor sistem harakat BA yang pelbagai merupakan salah satu punca kepada masalah vokal BA dalam kalangan pelajar iaitu sebanyak 68% bersetuju dengannya dan 27% lagi sangat bersetuju manakala 5% lagi tidak pasti dengannya.

Rajah 4.13 juga mencatatkan 41% bersetuju dengan faktor sisipan alif lam Syamsiyah menyumbangkan kepada kesilapan sebutan bunyi vokal dan 46% lagi sangat bersetuju dengannya. Sementara itu, 5% kurang setuju dengan faktor tersebut dan 9% pula mencatatkan tidak pasti. Faktor yang seterusnya ialah perkataan yang mempunyai harakat *syaddat* juga menjadi penyumbang kepada masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Sebanyak 55% menunjukkan bersetuju dengan faktor ini dan 27% sangat bersetuju. Terdapat 14% tidak pasti dengan faktor tersebut manakala 5% pula kurang bersetuju dengannya. Oleh kerana BA mempunyai sistem tatabahasa yang unik, perkara ini turut menyumbang kepada masalah sebutan vokal dalam kalangan pelajar. Terdapat 55% mengatakan bersetuju dengan faktor ini manakala 23% sangat bersetuju dengannya. Walau bagaimanapun faktor ini juga mendapat respon 9% yang kurang bersetuju dengannya dan 14% pula tidak pasti tentangnya.

Setiap huruf BA mempunyai sifatnya yang tersendiri, antaranya ialah *hamas*, *istila'*, *al-rakh wat*, *syiddat* dan sebagainya. Menjadi kebiasaan apabila terdapat beberapa huruf dari satu kumpulan sifat yang sama pada sesebuah perkataan dalam BA. Perkara ini juga dijangkakan menjadi punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 46% sangat bersetuju dengannya dan 32% lagi bersetuju dengan faktor ini. Sementara itu, 9% kurang setuju dengan faktor ini dan 14% pula tidak pasti dengannya.

Bagi melihat faktor kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar yang paling tinggi menyumbang kepada masalah tersebut, jadual berikut menghuraikan nilai purata atau min kepada semua faktor dalaman dan ciri BA tersebut.

Jadual 4.15
Persepsi Pensyarah Terhadap Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal Dalam Kalangan Pelajar

Perkara	Jumlah	Minima	Maksima	Min
Pelajar kurang mendapat pendedahan tentang konsep dan ciri vokal BA	22	1	5	3.95
Pelajar tidak tahu kepentingan penggunaan vokal BA dengan betul.	22	2	5	3.86
Pelajar tidak tahu implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal terhadap makna dan ayat.	22	2	5	3.91
Pelajar keliru dengan penggunaan vokal BA	22	2	5	4.14
Pelajar terpengaruh dengan bahasa Ibunda dari aspek fungsi vokal BM dan BA.	22	3	5	4.14
Pelajar terpengaruh dengan huruf saksi Tulisan jawi iaitu //, /و/ dan /ي/.	22	2	5	3.77
Pelajar merasa malu untuk mempraktikkan vokal BA dengan betul.	22	2	5	3.50
Pelajar tidak mengambil perhatian terhadap penggunaan vokal BA yang betul.	22	4	5	4.27
Bilangan suku kata dalam perkataan menyumbang kesilapan penggunaan vokal BA	22	3	5	4.14
Penggunaan konsonan yang kurang penggunaannya dalam BM menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA	22	3	5	4.32
Sistem vokal BA yang pelbagai menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA.	22	3	5	4.23
Sistem sisipan al syamsiyat (الشمسية) menyumbang kepada sebutan bunyi vokal	22	2	5	4.27
Perkataan yang mempunyai bunyi syaddat (ـ). [ۚ]	22	2	5	4.05
Sistem tatabahasa BA menyumbang kepada kesilapan.	22	2	5	3.91
Sifat huruf BA menyumbang kepada kesilapan.	22	2	5	4.14

Dapatkan data di atas menunjukkan bahawa masalah dalam diri pelajar dan juga ciri BA merupakan punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar.

Min tertinggi iaitu 4.27 dan terendah 3.50 berada dalam tahap yang baik bagi menunjukkan punca kepada masalah tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa antara punca masalah dalaman pelajar dan ciri BA terhadap kesilapan sebutan bunyi vokal berpunca dari masalah dalaman seseorang pelajar berbanding masalah ciri BA. Hal ini dapat dijelaskan melalui jadual di atas yang menunjukkan min tertinggi iaitu 4.27 merupakan punca kepada masalah ini berasal daripada masalah dalaman pelajar itu sendiri. Masalah dalaman tersebut ialah pelajar tidak mengambil perhatian yang jelas terhadap penggunaan sistem bunyi vokal BA dengan betul manakala min yang terendah juga berpunca dari masalah dalaman diri pelajar apabila berasa malu untuk mempraktikkan bunyi vokal BA dengan betul.

4.5 Penutup

Keseluruhannya menerusi bab ini,uraian mengenai dapatan data yang telah dijalankan. Ianya merangkumi semua instrumen yang digunakan iaitu rakaman VCD serta borang soal selidik pelajar dan pensyarah. Data tersebut juga telah diuraikan secara terperinci dengan jadual dan rajah berkaitan bagi menjelaskan lagi hasil dapatan tersebut. Namun yang demikian, analisis data ini hanyalah melibatkan pelajar bahasa Arab Komunikasi di UITM Shah Alam sahaja tahap III. Analisis yang dilakukan adalah terhad kepada sampel yang dipilih secara rawak dari pelajar bahasa Arab tahap III (Kod Kursus BAB501) dan tidak boleh digeneralisasikan kepada kesemua pelajar bahasa Arab Komunikasi di Malaysia. Akan tetapi maklumat yang diperolehi boleh digunakan untuk kajian-kajian yang mempunyai kesamaan pada ciri-ciri kajian yang telah dijalankan ini. Dapatan kajian dan rumusan akan diuraikan dalam bab yang kelima.

BAB LIMA

DAPATAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab penutup kepada kajian yang dijalankan ini. Bab ini akan membincangkan dan merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan dan akan menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan dalam bab yang pertama. Di samping itu, kajian ini akan mengusulkan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak yang berkaitan bagi mempertingkatkan lagi usaha memartabatkan pengajaran dan pembelajaran BA di Malaysia. Beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan pada masa akan datang turut dibincangkan dalam bab ini.

5.2 Dapatan Kajian

Hasil daripada analisis yang dijalankan pada bab yang keempat, kajian ini telah memperoleh dapatan berdasarkan persoalan kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Berikut merupakan perkara yang akan menjawab persoalan kajian tersebut:

- 1- Tahap penguasaan pelajar terhadap konsep dan ciri vokal BA;
- 2- Jenis kesilapan sebutan bunyi vokal yang dilakukan oleh pelajar;
- 3- Punca kesilapan sebutan bunyi vokal yang dilakukan oleh pelajar.

5.3 Tahap Penguasaan Pelajar Terhadap Konsep dan Ciri Vokal BA

Penguasaan pelajar terhadap konsep dan ciri vokal BA berada dalam tahap yang amat baik. Merujuk kepada dapatan data dari soal selidik pelajar, ianya menunjukkan bahawa pelajar turut memahami pembahagian vokal BA yang terbahagi kepada dua iaitu vokal panjang dan vokal pendek. Melalui pembahagian ini juga, pelajar mengetahui cara menggunakan dengan betul. Di samping itu, pelajar juga pada

teorinya mengetahui kepentingan vokal BA pada pembinaan kata, makna perkataan, golongan kata, struktur ayat dan sebagainya. Pelajar maklum bahawa kesilapan sebutan bunyi vokal akan memberi implikasi terhadap sesebuah perkataan sepertimana mereka mengetahui kepentingan fungsi vokal terhadap perkataan tersebut.

Data dari soal selidik pelajar juga menunjukkan pensyarah telah menjelaskan konsep dan ciri vokal dengan baik dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA. Bahkan pelajar juga bersetuju dengan perkara pensyarah telah memastikan bahawa pelajar menggunakan vokal BA dengan betul dan pensyarah akan membetulkan serta merta jika ada kesilapan yang berlaku. Secara keseluruhannya, min tertinggi pada bahagian ini ialah 4.54 dan yang terendah ialah 4.37. Min di antaranya pula ialah 4.42 sehingga 4.49. Justeru ini menunjukkan pelajar bersetuju dengan pensyarah yang telah memberi panduan yang baik kepada mereka mengenai sistem bunyi vokal BA.

Dapatkan ini disokong dengan data yang menunjukkan para pensyarah telah menjalankan pengajaran sistem vokal yang teratur di dalam kelas. Pensyarah telah menerangkan kepada pelajar mengenai konsep dan ciri vokal BA, pembahagian vokal BA dan menjelaskan implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal terhadap, golongan kata, makna perkataan dan ayat. Selain daripada itu juga, pensyarah juga telah memastikan pelajar mempraktikkan sebutan bunyi vokal BA dengan betul. Jika terdapat pelajar yang melakukan kesilapan ketika mempraktikkannya, pensyarah akan membetulkannya dengan serta merta. Hasil kajian menjelaskan min tertinggi pada bahagian ini ialah 4.55 dan yang terendah pula 4.45, ini menunjukkan pengajaran pensyarah terhadap vokal BA berada dalam tahap yang amat baik.

Kesimpulannya, pelajar secara teori dan praktikalnya telah menguasai sistem vokal BA dengan baik manakala pensyarah pula telah menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang baik terhadap sistem tersebut.

5.3.1 Masalah Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan pelajar

Melihat kepada dapatan data pada perkara 5.3, pelajar berada pada tahap yang paling baik dalam menguasai vokal BA. Pelajar juga telah menunjukkan bahawa mereka memahami konsep dan ciri vokal dengan baik. Selain daripada itu, pelajar memahami kepentingan vokal BA dalam pembelajaran BA serta pelajar mengetahui implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal terhadap makna perkataan, golongan kata dan sebagainya.

Dapatkan ini didapati tidak menyokong dapatan data berdasarkan analisis borang soal selidik pelajar mengenai pelajar mengalami masalah sebutan bunyi vokal. Pada bahagian ini, hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 33% pelajar bersetuju dan 7% sangat setuju mereka mengalami masalah sebutan bunyi vokal. Manakala 17% pelajar tidak setuju dan 19% kurang bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah sebutan bunyi vokal BA. Dapatkan juga menunjukkan terdapat kira-kira 24% pelajar tidak pasti tentang mengalami masalah sebutan bunyi vokal. Justeru, populasi yang bersetuju dengan sangat bersetuju iaitu sebanyak 40% bahawa mereka menghadapi masalah sebutan bunyi vokal BA adalah lebih besar berbanding dengan pelajar yang tidak bersetuju dan kurang setuju dengan perkara ini iaitu 36%. Namun melihat kepada min keseluruhan bagi data ini menunjukkan dapatan sebanyak 2.94 iaitu berada dalam tahap sederhana dari tahap 1 hingga 5.

Dapatkan data dari soal selidik pensyarah pula mencatatkan sebaliknya iaitu sebanyak 48% pensyarah bersetuju dan 49% sangat bersetuju terhadap kewujudan masalah

sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar. Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar sememangnya menghadapi masalah sebutan bunyi vokal BA. Mereka telah melakukan kesilapan ketika menyebut bunyi vokal tersebut.

5.4 Jenis Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar terhadap sebutan bunyi vokal berlaku dalam pelbagai bentuk. Bagi melihat jenis kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar, data mengenainya telah diperolehi daripada dua instrumen berikut:

- Dapatkan data dari VCD rakaman projek pelajar.
- Dapatkan data Soal selidik pelajar dan pensyarah

Hasil daptatan daripada kedua-dua data tersebut ianya menunjukkan bahawa kesilapan sebutan bunyi vokal berlaku kepada kedua-dua jenis vokal iaitu panjang dan pendek. Kesilapan tersebut juga berlaku dalam pelbagai sudut yang berbeza dan dapat diringkaskan seperti berikut:

- 1- Menambah sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- 2- Menggugurkan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- 3- Menggantikan sebutan bunyi vokal pada perkataan.
- 4- Menggugurkan dan menggantikan bunyi vokal pada perkataan.
- 5- Menukar kedudukan bunyi vokal pada perkataan.
- 6- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata nama
- 7- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada golongan kata kerja.
- 8- Melakukan lebih banyak kesilapan sebutan bunyi vokal pada bilangan suku kata yang sedikit iaitu dua suku kata berbanding dengan perkataan yang mempunyai suku kata yang banyak iaitu enam suku kata.

- 9- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal panjang † lebih kerap berbanding bunyi vokal /و/ dan /ي/.
- 10- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal panjang lebih kerap berbanding bunyi vokal pendek.
- 11- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal lebih kerap pada perkataan yang mempunyai konsonan Arab yang tidak digunakan dalam BM.
- 12- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai tanda *syaddat* (ـ ـ) .
- 13- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai sisipan partikel al syamsiyyat (إل شمسية).
- 14- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang melibatkan sistem tatabahasa BA.
- 15- Melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai huruf dari kategori sifat yang sama.

Secara keseluruhannya kesilapan pada sebutan bunyi vokal turut berlaku kepada sistem bunyi vokal BA yang lain seperti bunyi *syaddat* (ـ) , *sukun* (ـ ـ) dan sebagainya. Walau bagaimanapun pengkaji tidak menyentuhnya secara terperinci memandangkan kajian ini telah meletakkan batasan kajian hanya kepada bunyi vokal pendek dan panjang.

Kesilapan sebutan bunyi vokal juga turut berlaku pada perkataan yang sama dengan menunjukkan kesilapan yang berbeza. Ini berlaku pada perkataan الدرس di mana berlaku dua kesilapan di sini iaitu menggugurkan vokal panjang /و/ pada satu ketika iaitu menjadi الدرس . Proses kesilapan tersebut menjadi berganda apabila pelajar mengantikan pula bunyi vokal pendek *ommat* kepada bunyi vokal pendek *fat at* (ـ ـ)

pada masa yang sama. Keaslian perkataan tersebut telah bertukar menjadi sebutan ^{الدرس}(الدُّرُس) oleh pelajar sedangkan perkataan yang dimaksudkan mengikut skrip dialog yang disediakan ialah perkataan ^{الدُّرُس}(الدُّرُس) iaitu pelajaran-pelajaran.

5.5 Punca Kesilapan Sebutan Bunyi Vokal BA Dalam Kalangan Pelajar

Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar terhadap sebutan bunyi vokal pada perkataan dapat dikategorikan kepada dua punca utama iaitu :

- 1- Faktor dalaman diri pelajar.
- 2- Faktor Ciri bahasa Arab

5.5.1 Masalah Dalaman Pelajar

Faktor diri pelajar merupakan salah satu punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA. Konflik ini menyebabkan pelajar mengalami kecenderungan untuk melakukan kesilapan terhadap bunyi vokal. Walau bagaimanapun , Kajian tidak membincangkan aspek pelajar menyedari kewujudan konflik ini dalam diri mereka atau sebaliknya sehingga menyebabkan mereka terlibat untuk melakukan kesilapan tersebut. Berikut disenaraikan punca yang melibatkan dalaman pelajar atau sikap pelajar terhadap kesilapan sebutan bunyi vokal.

- 1- Pelajar merasakan bahawa mereka kurang mendapat pendedahan tentang konsep dan ciri vokal BA.
- 2- Pelajar juga merasakan mereka tidak tahu tentang kepentingan menggunakan vokal BA dengan betul.
- 3- Pelajar juga merasakan mereka tidak tahu tentang implikasi kesilapan sebutan vokal terhadap makna perkataan, golongan kata dan sebuah ayat.
- 4- Pelajar keliru dengan penggunaan vokal BA.
- 5- Pelajar terpengaruh dengan bahasa ibunda iaitu pelajar menjangkakan bahawa fungsi vokal BA adalah sama dengan fungsi vokal BM iaitu

menghubungkan konsonan dalam perkataan. Seperti contoh pada perkataan *saya*, vokal /a/ pada perkataan tersebut berfungsi menghubungkan konsonan /s/ dan /y/ agar membentuk perkataan *saya* sebagai kata ganti diri pertama.

- 6- Pelajar juga berasa malu untuk mempraktikkan sebutan bunyi vokal BA terutamanya vokal panjang BA dengan betul. Oleh kerana bunyi vokal panjang BA mempunyai tempo yang tertentu menyebabkan agak aneh dari kebiasaan pelajar terhadap praktikalitinya. Pelajar berasa tidak biasa atau selesa menggunakan sebutan bunyi vokal panjang yang mempunyai jeda yang tidak sama dengan BM.
- 7- Sikap pelajar yang tidak mahu mengambil tahu tentang peranan dan fungsi vokal BA telah menyebabkan mereka terlibat untuk melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal.

5.5.1.1 Pengaruh Bahasa Ibunda

Sebelum meneruskan huraian mengenai dapatan kajian yang seterusnya, dapatan pada faktor dalaman pelajar menunjukkan pengaruh bahasa ibunda telah menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA. Pelajar Melayu mempunyai latar belakang pendidikan mempelajari bahasa ibunda secara formal pada peringkat pengajian rendah dan menengah. Pelajar didedahkan dengan BM dari dua jenis tulisan iaitu tulisan Rumi (TR) dan tulisan Jawi (TJ) terutamanya pada peringkat pengajian rendah. Pengalaman dan pengetahuan terhadap kedua-dua jenis tulisan ini merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA.

Pelajar terpengaruh dengan TR berdasarkan fungsinya yang menghubungkan konsonan bagi membentuk perkataan. Vokal BM TR terdiri dari /a/../i/ dan /u/ dilihat seakan menyamai bunyi vokal BA /ʌ/, /ɪ/, /ʊ/, dan /ʌ/, /ɪ/, /ʊ/, dan /ɒ/. Mereka menjangkakan

bahawa vokal BA juga mempunyai fungsi yang sama. Perkataan *guli* dibina dari dua konsonan iaitu /g/ dan /l/ dan vokal /u/ dan /i/ menjadi penghubung kepada konsonan tersebut. Hal ini sama dengan BA pada perkataan *كُرْكِيَّة* di mana vokal pendek /-/ dan /-/ menghubungkan konsonan /ك/ /ر/ dan /د/. Pada hakikatnya, fungsi vokal BA juga menghubungkan konsonan namun vokal BA mempunyai fungsi yang lebih luas daripada vokal BM. Fungsinya pada binaan kosa kata BA merangkumi sudut linguistik yang lain seperti morfologi dan semantik. Justeru kesilapan mengaplikasikan fungsi vokal BM TR kepada vokal BA memberi implikasi kepada beberapa sudut linguistik seperti morfologi, sintaksis, semantik dan sebagainya. Justeru, pemahaman yang jelas dan pendedahan yang luas perlu diberikan kepada pelajar mengenai fungsi vokal BA dan BM TR.

Terdapat juga pelajar yang terpengaruh dengan tulisan Jawi dari sudut visual TJ dan Vokal BA. Oleh kerana dalam tulisan Jawi terdapat huruf saksi iaitu /ا/, /و/ dan /ي/ yang mempunyai karakter yang sama dengan huruf vokal panjang BA, justeru pelajar telah keliru dengan fungsi huruf tersebut dari segi visualnya. Pengalaman pelajar terhadap TJ yang dipelajari semasa berada di sekolah rendah merupakan satu cabaran bagi mereka untuk mempraktikkan sebutan bunyi vokal BA dengan betul. Meskipun TJ merupakan adaptasi dari abjad BA dan mempunyai sebatian yang ampuh dengannya, namun peredaran masa telah merubah sistem TJ kepada sistem yang lebih sistematik dan setara dengan tulisan Rumi. Perubahan ini menjadikan Tulisan Jawi mencari sebuah identiti baru terhadap sistem yang digunakan. Hal yang demikian mempengaruhi pelajar dari sudut visualnya yang mempunyai huruf saksi yang sama dengan vokal panjang BA iaitu /ا/, /و/ dan /ي/. Pada hakikatnya, huruf saksi TJ mempunyai bentuk dan rupa yang sama dengan huruf vokal BA, tetapi fungsinya lebih

mirip dengan vokal BM iaitu bagi menghubungkan huruf-huruf konsonan dalam membentuk sesebuah kosa kata. Malah ia juga tidak berfungsi sebagai bunyi panjang seperti vokal panjang BA.

Manakala vokal panjang BA pula mempunyai peranan dan fungsi yang luas dari sudut linguistik. Persamaan kedua-duanya boleh dilihat hanya dari sudut karakter tulisan sahaja. Oleh kerana tulisan Jawi terlebih dahulu mendatangi para pelajar, huruf saksi telah mempengaruhi penggunaan sistem vokal panjang BA di kalangan pelajar.

Faktor kekeliruan terhadap kedua-dua jenis huruf tersebut juga menyebabkan pelajar mengaplikasi sebutan bunyi vokal BA secara tidak tepat. Justeru para pelajar perlu diberi pengetahuan mengenai perbezaan antara huruf saksi TJ dan huruf vokal panjang BA. Pelajar juga perlu jelas bahawa Tulisan Jawi bukanlah BA dan BA juga bukanlah Tulisan Jawi. Pelajar mesti diberi panduan secara agresif mengenai pembahagian vokal BA yang terdiri dari vokal panjang dan pendek. Ianya merupakan satu perkara yang sangat penting kerana kedua-dua vokal tersebut mempunyai fungsi yang berbeza dalam pembentukkan sesebuah kosa kata BA, golongan kata, struktur ayat, dan sebagainya.

5.5.2 Masalah Ciri Bahasa Arab

Masalah kesilapan sebutan bunyi vokal BA bukanlah disebabkan masalah dalam diri pelajar semata-mata. Ciri dan sifat BA yang unik juga turut menyumbang kepada kesilapan tersebut. Hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan perkara ini masih baru bagi para pelajar dan mereka memerlukan masa menyesuaikan diri terhadap BA itu sendiri. Tempoh pengajian yang singkat membataskan pelajar untuk memahami sepenuhnya ciri BA yang sememangnya sangat besar jurangnya dengan BM.

Berikut merupakan antara ciri BA yang mempengaruhi pelajar melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal BA:

- 1- Data soal selidik menunjukkan bahawa pelajar berasa terganggu dengan bilangan suku kata perkataan BA. Mereka merasakan bahawa bilangan suku kata yang banyak pada perkataan telah menyebabkan mereka cenderung untuk melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal BA. Walau bagaimanapun data ini tidak disokong oleh rakaman VCD projek pelajar apabila ia menunjukkan bahawa pelajar lebih kerap melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai bilangan suku yang sedikit iaitu tiga suku kata pada perkataan.
- 2- Penggunaan konsonan yang tidak terdapat dalam BM atau kurang fungsinya dalam BM turut menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar. Antara konsonan yang dimaksudkan ialah /خ/, /ص/, /ض/، /ق/، /ف/، /ع/ و sebagainya.
- 3- Sistem vokal BA tidak terhad kepada vokal panjang dan pendek sahaja. Terdapat juga bunyi lain seperti *syaddat* (-), *tanw n dua di atas* (-)^۲, *sukun* (-)^۱ dan sebagainya. Sistem bunyi yang lain ini juga mengikut persepsi pelajar telah menyebabkan kesilapan sebutan bunyi vokal berlaku dalam kalangan pelajar.
- 4- Antara ciri BA pada perkataan ialah menerima sisipan partikel *al-syamsiyat* (الشمسية) pada awal perkataan. Sisipan ini membezakan perkataan *nakirat* atau *ma rifat*. Meskipun begitu, persepsi pelajar mengatakan bahawa sisipan ini telah menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal BA.

- 5- BA merupakan bahasa yang mempunyai sistem tatabahasa yang sangat sistematik. Keunikan ini merangkumi aspek perkataan dan pembinaan ayat. Ciri ini merupakan perkara baru bagi pelajar Melayu yang baru mempelajari BA. Justeru, penggunaan *am r mutta il*, *uruf mu r at*, *ism f il*, *ism maf l* dan sebagainya turut menyumbang kepada kesilapan sebutan bunyi vokal. Hal ini kerana pelajar lebih menumpukan kepada sistem tatabahasa tersebut berbanding dengan ciri dan fungsi vokal BA yang ada padanya.
- 6- Antara ciri BA juga adalah setiap hurufnya mempunyai sifat yang tertentu. Ia dapat dikenal pasti melalui pengkategorian yang telah disepakati oleh ahli BA. Antaranya termasuklah ^{الاستعلاء} ، الرَّحَاوَةُ ، الشَّدَّةُ ، الْجَهْرُ ، الْهَمْسُ و ^{استعلاء} dalam satu perkataan merupakan salah satu punca kepada kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, faktor yang menyumbang kepada masalah sebutan bunyi vokal BA ialah faktor dalaman diri pelajar dan ciri BA. Melihat kepada kedua faktor ini, dapatan daripada data borang soal selidik pelajar menunjukkan bahawa faktor BA merupakan penyumbang terbesar kepada masalah ini. Perkara ini dapat dikenalpasti setelah min antara kedua-dua kumpulan faktor ini mencatatkan min tertinggi sebanyak 3.93 iaitu kesilapan sebutan bunyi vokal berpunca dari sistem tatabahasa BA yang unik. Manakala min terendah sebanyak 2.21 iaitu faktor dalaman pelajar yang tidak mahu mengambil tahu penggunaan vokal BA.

Dapatan ini berbeza dengan dapatan yang ditunjukkan oleh data borang soal selidik pensyarah yang mencatatkan min tertinggi iaitu 4.27 berpunca dari faktor dalaman pelajar yang tidak mahu mengambil tahu tentang penggunaan vokal BA yang betul. Manakala min terendah pula menunjukkan punca kepada masalah ini ialah pelajar malu

untuk mempraktikkan vokal BA dengan betul dengan nilai min sebanyak 3.50. Justeru, dari sudut pandangan pensyarah, faktor ciri BA bukan penyumbang terbesar kepada masalah ini sebaliknya faktor dalaman pelajar yang menyebabkan masalah sebutan bunyi vokal BA berlaku dalam kalangan pelajar.

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan dapatan pada bahagian ini ialah faktor dalaman diri pelajar dan faktor ciri BA merupakan penyumbang kepada masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar.

5.6 Cadangan

Masalah sebutan vokal merupakan satu aspek yang kecil dalam pembelajaran dan pengajaran BA berbanding perkara-perkara lain. Namun kajian ini dilakukan bagi melihat isu ini yang boleh memberi kesan yang besar kepada sistem pembelajaran BA secara umumnya kerana kesilapan menyebut bunyi vokal boleh menyebabkan perubahan makna, golongan kata dan ayat keseluruhannya.

Perkara yang lebih membimbangkan lagi apabila kesilapan ini terus berlarutan ketika pelajar membaca al-Quran. Justeru, menerapkan pengetahuan dan praktikaliti terhadap penggunaan vokal vokal BA yang betul dalam kalangan pelajar merupakan satu perkara yang penting demi memelihara kesucian al-Quran al-Karim. Justeru langkah yang sewajarnya perlu diambil bagi memastikan pelajar atau sesiapa yang mempelajari BA jelas dengan kepentingan menyebut bunyi vokal BA yang betul.

5.6.1 Cadangan Kepada Pelajar

Berikut merupakan beberapa cadangan sebagai panduan kepada pelajar bagi mengatasi masalah sebutan bunyi vokal BA:

- a) Pelajar perlu lebih menyedari dan prihatin terhadap kepentingan fungsi vokal BA. Selain daripada itu, pelajar sepatutnya perlu lebih peka terhadap penggunaan vokal yang betul dalam perkataan dan menyedari implikasi yang akan berlaku jika terdapat kesalahan sebutan bunyi vokal.
- b) Pelajar perlu mempraktikkan sebutan bunyi vokal yang betul dan membuang perasaan malu untuk menyebutnya mengikut fungsi sesuatu vokal tersebut.
- c) Pelajar juga dicadangkan agar membuat konsultasi dengan pensyarah jika mempunyai masalah tehadap sebutan bunyi vokal.
- d) Pelajar perlu lebih kerap melakukan latihan pembacaan bersama pensyarah dan rakan kelas.
- e) Pelajar disarankan agar kerap bertutur dalam BA bersama pensyarah dan rakan sekelas bagi melatih penggunaan bunyi vokal BA yang betul.
- f) Pelajar yang beragama Islam disarankan membaca al-Quran secara kerap bagi memperbetulkan kesilapan sebutan bunyi vokal dan memperbaiki tahap penguasaannya terhadap sistem vokal.
- g) Pelajar juga disarankan agar mencari inisiatif dari media elektronik yang berbentuk audio bagi melatih mendengar sebutan vokal BA yang betul.
- h) Pelajar seterusnya disarankan agar mendengar saluran radio yang mempunyai rancangan berkaitan mempelajari BA mudah bagi tujuan melatih menyebut bunyi vokal BA.

- i) Pelajar boleh meningkatkan usaha menguasai bunyi vokal BA dengan menggunakan makmal audio.

5.6.2 Cadangan Kepada Tenaga Pengajar

Pensyarah mahupun tenaga pengajar adalah antara watak penting yang mampu membantu mengatasi masalah kesilapan sebutan bunyi vokal dalam kalangan pelajar.

Berikut cadangan pengkaji kepada tenaga pengajar terhadap masalah sebutan bunyi vokal khasnya dan pengajaran dan pembelajaran BA amnya:

- a) pengajar perlu sentiasa berusaha memberikan pemahaman mengenai sistem bunyi vokal BA kepada pelajar.
- b) pengajar juga disarankan agar lebih aktif menjelaskan implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal terhadap makna, golongan kata dan ayat kepada pelajar.
- c) pengajar juga boleh menjelaskan hubung kait sistem bunyi vokal BA dengan sistem tajwid dalam al-Quran bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh pengajar boleh menggunakan teknik pengajaran dan pembelajaran al-Baghdadi yang menggunakan sistem ketukan bagi melambangkan tempoh panjang dan pendek.
- d) pengajar juga disarankan agar terus melatih tubi penggunaan vokal BA setiap kali kelas dijalankan.
- e) Bagi pelajar yang lemah, pensyarah dicadangkan agar mengadakan kelas intensif bagi meningkatkan tahap pemahaman dan praktikal terhadap penggunaan vokal BA.
- f) Pensyarah perlu terus menggunakan kaedah membetulkan secara serta-

merta jika ada pelajar yang melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal. Hal ini supaya pelajar lebih sensitif dan peka terhadap penggunaan vokal BA dengan betul.

5.6.3 Cadangan Kepada Guru al-Quran dan Tajwid

al-Quran dan vokal atau mad sangat sinonim dan tidak dapat dipisahkan. Terdapat banyak hukum hakam yang terbina dari sistem mad. Pembahagian sistem mad dalam ilmu tajwid terbahagi kepada mad tabi'e/asli dan mad far ' . Kebanyakan guru tajwid juga mengalami masalah sebutan bunyi mad dalam kalangan pelajarnya. Berikut dicadangkan beberapa langkah sebagai mengatasi masalah tersebut:

- a) Menjelaskan kepentingan vokal kepada pelajar.
- b) Menjelaskan kategori vokal kepada pelajar.
- c) Menjelaskan implikasi kesilapan sebutan bunyi vokal terhadap makna dan ayat al Quran.
- d) Menggunakan kaedah yang sesuai bagi melambangkan panjang dan pendek vokal BA.
- e) Membetulkan kesilapan pelajar secara serta merta jika berlakunya kesilapan sebutan bunyi vokal.

5.6.4 Cadangan Kepada Unit Bahasa Arab UiTM

Unit BA (seterusnya disebut UBA) di UiTM merupakan sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam pengajaran dan pembelajaran BA. Segala kurikulum, modul, aktiviti bahasa, bahan pengajaran, pelaksanaan ujian dan sebagainya merupakan tanggungjawab UBA dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijayakan dengan penuh berkualiti. Justeru berikut dicadangkan beberapa langkah kepada UBA agar dapat membantu mengatasi masalah sebutan bunyi

vokal BA secara khususnya dan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran BA amnya.

1. Menyediakan satu ruang khas dalam modul pembelajaran BA mengenai vokal BA.
2. Menyediakan bahan pengajaran yang sesuai dan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran vokal BA khususnya dan BA amnya.
3. Memperuntukkan ujian atau latihan yang khusus terhadap penilaian vokal BA.

5.6.5 Cadangan Kepada Universiti Teknologi MARA

Bagi mencapai tahap penguasaan vokal BA dengan baik dan mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar dan guru, pengkaji mencadangkan agar UiTM :

- a) Menyediakan sebuah makmal audio yang lengkap untuk tujuan latihan mendengar dan menyebut sebutan huruf vokal BA yang betul dan tepat. Makmal ini juga boleh diharap dapat membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran BA secara umunya.
- b) Menyediakan kelengkapan berbentuk elektronik seperti komputer, audio sistem dan sebagainya yang boleh digunakan sebagai alat bantuan mengajar pada setiap sesi kelas BA.
- c) Memperuntukkan masa yang lebih lama bagi setiap sesi pembelajaran sebagai memberi peluang kepada pensyarah dan pelajar untuk mengajar dan belajar secara lebih efektif.
- d) Diharapkan UiTM menyediakan kelas yang selesa untuk sesi pengajaran dan pembelajaran.
- e) Menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar dan tenaga pengajar untuk terus berkomunikasi dengan penutur natif dari Arab bagi membiasakan dengan sebutan bunyi vokal BA dan sebagainya.

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan

Terdapat banyak kajian berkaitan yang boleh diterokai bagi membantu pelajar mempraktikkan fonetik dan fonologi BA dengan betul dan tepat. Kajian lanjutan ini amat perlu dalam usaha mencari penyelesaian terhadap masalah dan isu dalam pengajaran dan pembelajaran BA. Antaranya ialah:

- a) Kajian mengenai strategi pengajaran dan pembelajaran vokal BA yang efektif.
- b) Kajian mengenai pengaruh bahasa Melayu dari sudut tulisan Rumi dan tulisan Jawi terhadap pembelajaran BA terutamanya dari bidang fonetik.
- c) Kajian sikap pelajar terhadap pembelajaran fonetik BA.
- d) Kajian cara pembelajaran (*learning style*) pelajar terhadap vokal BA.
- e) Kajian mengenai masalah sebutan vokal dalam kalangan pelajar non muslim yang mempelajari BA.
- f) Kajian mengenai instrumen muzik membantu pengajaran dan pembelajaran vokal BA khasnya dan fonetik Arab amnya.

5.8 Kesimpulan Dan Penutup

Kajian ini membincangkan tentang masalah sebutan bunyi vokal BA dalam kalangan pelajar. Kajian ini menyentuh kesilapan sebutan bunyi vokal jenis panjang dan pendek. Melalui dapatan data yang diperolehi masalah ini berlaku pada semua pelajar sama ada yang mempunyai latar belakang pendidikan BA mahupun tidak mempunyai latar belakang tersebut. Justeru, pelbagai saranan dan pandangan telah disenaraikan kepada semua pihak yang terbabit agar sama-sama membantu mengatasi masalah ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sememangnya mengalami masalah sebutan bunyi vokal BA. Dapatan ini disokong oleh data VCD, soal selidik pensyarah dan pelajar. Kesilapan tersebut berlaku dalam pelbagai jenis kesilapan. Antara kesilapan yang dilakukan ialah menambah, menggugur, mengganti, menggugur dan

mengganti serta menukar bunyi vokal pada perkataan. Kesilapan tersebut juga berlaku pada kata nama dan kata di mana kesilapan pada kata nama lebih banyak berbanding kata kerja. Selain daripada itu, pelajar melakukan kesilapan pada perkataan yang mempunyai suku kata yang sedikit dan banyak. Namun begitu pelajar lebih kerap melakukan kesilapan sebutan bunyi vokal pada perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang sedikit iaitu tiga suku berbanding perkataan yang mempunyai enam suku kata.

Kategori vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal panjang dan pendek. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa vokal panjang didapati lebih kerap berlaku kesilapan berbanding vokal pendek. Dalam vokal panjang pula, vokal panjang /ɪ/ paling banyak terlibat dalam kesilapan sebutan bunyi vokal.

Antara jenis kesilapan sebutan bunyi vokal yang lain pula ialah, melakukan kesilapan pada perkataan yang mempunyai konsonan Arab yang tidak terdapat dalam BM, perkataan yang mempunyai sisipan *al syamsiyat*, perkataan yang terlibat dengan tatabahasa Arab dan sebagainya.

Punca kepada masalah tersebut pula dibahagikan kepada dua iaitu faktor dalam pelajar dan faktor ciri BA. Antara faktor dalaman pelajar yang mempengaruhi kesilapan sebutan bunyi vokal ialah, malu untuk mempraktikkan vokal BA dengan betul, terpengaruh dengan TR dan TJ, tidak mengambil perhatian terhadap vokal BA dan sebagainya. Faktor BA yang dikenalpasti telah menyumbang kepada masalah ini pula antaranya ialah sistem tatabahasa yang unik, konsonan BA yang tidak terdapat dalam BM, sifat huruf BA, penggunaan alif lam *syamsiyat* dan sebagainya.

Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan rawatan terhadap masalah yang dihadapi. Penggunaan vokal BA sangat penting dalam pembelajaran BA. Pengkaji merasakan bahawa masalah ini bukanlah satu masalah yang remeh namun ianya merupakan punca kepada kelemahan membaca al-Quran di kalangan pelajar Melayu muslim secara khususnya sekaligus masyarakat umum.

Pendedahan yang kurang terhadap pembelajaran BA yang betul dari akar umbinya iaitu mengenali fungsi vokal BA yang tepat terlebih dahulu adalah antara punca kepada penguasaan dan penggunaan vokal yang lemah. Fungsi dan peranan yang berbeza antara vokal BM dan BA menyebabkan penggunaan yang sangat berbeza dalam sistem komunikasi antara kedua-dua bahasa ini. Kurang pengetahuan dan cara penggunaan huruf vokal BA adalah satu fenomena yang sangat membimbangkan kerana melibatkan sistem bacaan al-Quran dan al-Hadith yang salah malah adakalanya mungkin tersasar jauh daripada makna dan maksud yang ingin disampaikan.

Dapatkan ini sedikit sebanyak sebenarnya secara tidak langsung dapat memberi gambaran kepada penguasaan pelajar terhadap pembacaan al-Quran. Situasi ini sangat membimbangkan kerana membaca al-Quran dengan betul merupakan satu tuntutan yang wajib. Kesilapan sebutan bunyi vokal pada teks BA biasa masih dapat memberi peluang toleransi antara tenaga pengajar dan pelajar. Namun, kesilapan sebutan vokal pada bacaan al-Quran adalah satu kesalahan yang besar sebagai individu muslim yang seharian menggunakannya dalam ibadah sehariannya terutamnya dalam solat.

Sebagai individu muslim adalah penting memahami dan mempraktikkan vokal BA yang betul adalah satu kewajipan yang hakiki. Tiada pengecualian bagi muslim dalam menunaikan ibadah solat dan membaca al-Quran menggunakan bahasa lain selain BA malah orang Islam juga disaran bahkan lebih af al untuk membaca doa di dalam BA.

Kesemua aktiviti tersebut mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan penggunaan vokal BA. al-Quran terutamanya sangat menitik beratkan penggunaan vokal yang tepat dan betul seperti yang terkandung di dalam bidang ilmu Tajwid.

Pembelajaran BA merupakan landasan kepada kesempurnaan beribadah bagi setiap muslim. Kesilapan yang berlaku ketika proses pembelajaran BA merupakan kayu pengukur kepada nilai ibadah yang memerlukan penggunaan BA. Justeru pelajar mesti mengambil perhatian yang terperinci kepada masalah yang dihadapi berkenaan dengan BA secara umumnya dan vokal BA secara khasnya. Masalah ini juga memerlukan fokus yang mendalam dari tenaga pengajar kepada pelajarnya dan pemantapan terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran BA tidak boleh dilakukan sambil lewa. Hal ini kerana masalah yang dianggap juzu' kecil ini boleh menimbulkan kesan yang besar jika tidak dirawat sesegera mungkin. Bertitik tolak dari sini, kajian ini diharapkan dapat memberi faedah dan manfaat kepada semua muslim dan pencinta Bahasa Arab.

BIBLIOGRAFI

- Abd al-Tawwab Ramadan. (1967). *Laḥn al-Ammah Wa-al-Tatāwwur al-Lughawi*. Kaherah: Dār al-Maarif.
- Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Ali. (1996). Aspek Fonologi Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Standard. *Jurnal Dewan Bahasa*, 32-38.
- Abdul Raziq Hassan Mohamed. (1996). *Contrastive Studies Between Arabic And Malay Language*. Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Abdullah Hassan. (1984). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (2005). *Linguistik Am Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Bentong, Pahang Darul Makmur: Penerbit PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah, al-Gharībiyy Sa ad. (1986). *al-Asw t al-'Arabiyyaṭ wa Tadr sih li ghayr an-Naṭq n Bih Min al-R shid n*. Maktabaṭ al-Ṭalib al-Jami'yy.
- Abdullah, Ādil al-Asy kh. (2004). *Muqaddimaṭ F Ilm al-A w t*. Kuala Lumpur: Ma ba at al-J mi at al-Isl miyyat.
- A mad Sy kh Abdullah As-Salām. (2006). *al-Lughawiyy t al- mmat: Madkhal Isl miyy wa Maw u t Mukht rāt*. Gombak: al-J mi aṭ al-Isl miyyaṭ al-lamiyyaṭ bi M l ziyy .
- Abu 'Abdullah al-Zanjani. (1935). *Tārikh al-Qur 'an: Kitāb Wajiz Yabhaṭhu 'an Sirat al-Nabi al-Akram, wa-al-Qur'an al-Karīm, wa-al-Adwār Allati Marrat Bihi Min Haythu Kitābatihī wa-Jama'ahu Wa-Tartību hu wa-Tarjamatu hu Ilā Sā'ir al-Lughāṭ; wa-Maṣdar bi-Muqaddimaṭ li Aḥmad Amīn*. Kaherah: Lajnat al-Ta'lif wa-al-Tarjamaṭ wa-al-Nasyr.
- Alias Mohammad Yatim. (1994). Binaan Bunyi dalam Membentuk Perkataan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 75-80.
- Ali Abd al-Wahid Wafī. (1945). *Fiqh al-lughāṭ : Atrah Majma al-Lughāṭ al-Arabiyaṭ wa-Taqarrar tadrīsu hu bi-Jāmi aṭ al-Qahiraṭ*. Kaherah: Dār al-Nahḍaṭ,
- Aliyy asan Mizb n. (2003). *Ilm al-A w t Bayn al-Quḍam ' wa al-Mu addth n*. Libya: D r al-Syum ' al-Thaq fat.
- Arbak Othman. (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azani Ismail@Yaakub. (2010). *Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Aktiviti Lakonan Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azmin Daud. (1997). *Vokal Dalam Bahasa Arab Standard: Satu Pemerian Fonologi, Tesis Peringkat Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Che Siah Che Man. (2007). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dakin, J. (1980). *The Language Laboratory And Language Learning*. London.: Longman Group Lt.
- Dewan Bahasa & Pustaka. (1992). *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur.: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abdul Rahman. (1999). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (2006). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Haji Musa. (1993). *Binaan dan Fungsi Perkataan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- azim 'Al Kamaluddin. (2007). *al- arakat at- aw lat F al-Lughat as-S miyat*. Kaherah: Maktabat al -Adab.
- il 1 Abd Al-Ghaff r am d. (1988). *al- A w t al-Lughat al-'Arabiyyat*. Kaherah: Dār al-Fikr al-Arabiyy.
- us m al-Bahansaw . (2004). *Ilm al-A w t*. Kaherah: Maktabat al-Thaq fat al-D niyyat.
- Ibrahim Abdullah. (2003). *Penyediaan Buku Teks Bahasa Arab Untuk Pelajar Dewasa*. Kuala Lumpur: Tesis Peringkat Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik: Universiti Malaya.
- Indirawati Zahid & Mardiah Shah Omar. (2007). *Fonetik dan Fonologi*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Im 1 Bad Ya k b. (1998). *Syarah al-Asym n Al Alfiyat Ibn M lik*. Lubnan: D r al-Kutub al- Ilmiyyat.
- 'Is m Nuruddin. (1992). *'Ilm al-Asw t al-Lughawiyyat al-F n t k* . Beirut: Dar al-Fikr al-Lubn ni.
- Jassem 'Ali Jassem, Z. A. (1995). *Drills In Arabic Writting And Pronunciation As A Foreign/ Second Language*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre.

- Junus Umar. (1991). Ejaan: Fonologi, Morfologi dan Erti. *Jurnal Dewan Bahasa*, 262-268.
- Lau Suk Khin. (1998). *Kajian Tentang Kesalahan Sebutan Pelajar Cina Tingkatan Dua Dalam Bacaan Nyaring*. Kuala Lumpur: Tesis Peringkat Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Lee Ai Chat, L. S. (2004). *Kesilapan Sebutan Fonem Awal Dan Nada Dalam Pertuturan Bahasa Mandarin: Satu Kajian Kes Terhadap Pelajar Intersesi Peringkat Diploma, UiTM, Shah Alam*. Shah Alam: Institut Penyelidikan ,Pembangunan Dan Pengkomersilan UiTM Shah Alam.
- Mahmud Kāmil al- Nāqat. (1985). *Ta ‘lim a-Lughat al-‘Arabiyyaṭ Li al-Nā iqin bi-Lughat Ukhr .: Ususuhu, Mad khiluhu, Turuq Tadr suhu*. J mi ‘at Umm al-Qur , Ma ‘had al-Lughat al-‘Arabiyat, Wa dat al-Bu uth wa-al-Man hij.
- Manaf Mahd Muhammad al-Mawsaw . (1998). *‘Ilm al-Asw t al-Lughawiyyaṭ*. Beirut: ‘Al m al-Kutub.
- Marsono. (1999. Cet.4). *Fonetik* . Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nasir Mohamed Hasbullah. (2001). *Analisis Kesilapan Sebutan Bahasa Al-Quran Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Tesis Peringkat Sarjana, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd Rusydi, Mat Taib Pa. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Sheffei Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-ciri Bahasa Arab: Fonetik, Morfologi dan Sintaksis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
